Jum'ah Amin Abdul Aziz



Usrah Dakwah Dakwah

Siri Tarbiyyah

Dakwah-INFO

Kandungan

Sepatah kata Penerbit

1. Pendahuluan
Syeikh Muhammad Abdullah al-Khatib

2. Muqadimah Penulis
Jum'ah Amin Abdul Aziz

3. Unsur Tetap dan Unsur Berubah
Pengertian
Unsur tetap dan unsur berubah Islam
i. Unsur Tetap
ii. Unsur Berubah
Pengajaran
Sepuluh Unsur Tetap Dakwah

4. Unsur Pertama
Nama sebagai fikrah, perlaksanaan, sejarah dan kesetiaan
Harakah Islamiah Terbesar

5. Unsur Kedua
Kewajipan Amal Jama'i
Agama menyeru kepada jamaah
Amal Jama'i yang tersusun
Kesempurnaan ikhlas dengan jamaah

6. Unsur Ketiga
Tarbiyah dan menjauhi kekerasan adalah jalan kita
Pertama: Iman yang sempurna
Kedua: Cinta, kasih sayang, pertautan hati dan ruh antara mereka
Ketiga: Mereka juga ditarbiyah untuk sanggup berkorban, menyerahkan segala apa yang mereka ada kepada Allah
Memahami tajdid Islami
Tarbiyah dan peranannya menolak keganasan
Objektif dan matlamat
Kefahaman yang kita pelajari
Manhaj Tarbiyah Islam
Mencontohi dakwah yang pertama
Pengetahuan Imam al-Banna
Garis panduan proses tarbiyah
Iman sebelum sistem dan struktur

7. Unsur Keempat
Usrah adalah tunjang tarbiyah

8. Unsur Kelima

Risalah Taalim, Usui 20 dan Risalah Aqaid ialah asas dan sumber pembelajaran kita

9. Unsur Keenam

Syumul dan umum merupakan asas pandangan dan fahaman kita yang menyeluruh

Tugas Kita Dalam kehidupan

10. Unsur Ketujuh

Syura yang mulzim memutuskan perselisihan antara kita

Faedah syura

Syura wajib diikuti

Hukum Syura

Pandangan Fuqaha Semasa

Syura dan `Najwa'

Syura menyelesaikan khilaf

Syura Di sisi Kita Bersifat Mulzim

Syura dan Nasihat

11. Unsur Kelapan

Menghormati sistem dan peraturan adalah akhlak baiah kita

12. Unsur Kesembilan

Pilihan fiqhiah adalah hak jamaah

13. Unsur Kesepuluh

Allah ialah matlamat dalam semua unsur tetap dan berubah, dalam setiap perkataan dan perbuatan kita

Punca yang bersih

Kerajaan hanyalah wasilah

Natijah perlaksanaan

Penyelewengan dari matlamat

Sepatah kata daripada Penerbit

Alhamdulillah dengan pertolongan dan pemeliharaan Allah dapat pihak kami mengulang cetak buat kali yang kesepuluh terjemahan Apa Ertinya Saya Menganut Islam. Oleh kerana sambutan yang begitu menggalakkan pihak kami telah sedaya upaya berusaha untuk memperbaiki mutu persembahan buku ini. Di antara lain usaha yang ditumpukan untuk kepentingan para pembaca ialah mengesan sumber rujukan setiap hadis yang diutarakan oleh penulis serta menukilkan kata-kata ulama-ulama hadis mengenainya seperti Al-Iraqi, Az-Zahabi, As-Sayuti, Ibn Hajar dan Iain-lain.

Usaha-usaha ini bukanlah satu pencemaran kepada teks asal kerana ia tidak sedikitpun melibatkan isi kandungan yang ditulis oleh penulis asal. Malahan penulisnya sendiri mengalu-alukan suntingan yang sedemikian rupa untuk kebaikan pembaca kerana ia memberi keyakinan serta pengetahuan terhadap sumber asal hadis-hadis tersebut dipetik.

Moga-moga Allah menerima amalan ini semata-mata untuk mendapatkan keredhaan-Nya serta memberi kekuatan kepada penulis buku ini supaya dapat terus dimanfaatkan oleh umat Islam dalam mengembalikan kegemilangan Islam.

Penerbit

Buku ini ditujukan

Kepada semua

Yang teguh berjuang dan gagah mempertahankan unsur tetap dakwah.

Juga kepada mereka....

Yang telah mencurah seluruh tenaga mencipta, memperbaharui dan memperkembang lalu menampakkan kesesuaian dakwah dengan realiti di sekelilingnya tanpa menggadaikan asas-asasnya.

Kepada mereka semua....

Kita ucapkan: Semoga Allah membalas amalan kamu dengan sebaik-baik ganjaran bagi golongan amilin (orang yang berkerja untuk memenangkan Islam) dan sodiqin (orang yang membenarkan keagungan Islam).

Kepada yang lain....

Kita doakan semoga Allah taala memberi hidayah sehingga mereka dapat menyertai jalan dakwah ini.

Pendahuluan

Syeikh Muhammad Abdullah al Khatib

Segala puji bagi Allah Tuhan Sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Muhammad s.a.w. dan seluruh keluarga baginda serta para sahabat r.a.

Buku ini ialah hasil usaha al akh yang mulia al-Ustaz Jum'ah Amin untuk menjelaskan unsure-unsur tetap dan berubah dalam manhaj al Imam al-Banna, semoga Allah memberi ganjaran setimpal terhadap usaha yang baik ini insyaAllah.

Perbincangan dan penjelasan mengenai unsur-unsur tetap dan unsur-unsur berubah amat penting pada hari ini kerana pengaruh teori perubahan manusia telah meresap ke dalam fikiran manusia sehingga sebahagiannya menafikan wujudnya unsur-unsur tetap. Oleh itu penulisan buku ini amat dialu-alukan.

Isu unsur-unsur tetap ini adalah perkara yang telah diputuskan semenjak turunnya al-Quran. Agama, aqidah, ibadah, neraca, kefahaman dan nilai-nilai akhlak semuanya merupakan unsur yang tetap tidak berubah.

Teori musuh Islam yang berpendapat bahawa setiap sesuatu mesti menerima perubahan ialah pendapat yang bertentangan dengan tabiat alam dan sunnatullah di atas muka bumi.

Dalam buku ini penulis telah menggariskan beberapa unsur tetap dalam dakwah Ikhwan Muslimin, yang juga merupakan dakwah Islam yang syumul diwahyukan oleh Allah. Penulis telah menyentuh aspek syumul, tarbiyah, matlamat, objektif dan usrah berserta konsep taaruf (perkenalan), tafahum (persefahaman) dan takaful (bantu membantu)nya. Penulis juga mengupas Risalah Taalim sebagai asas kefahaman Islam yang tulen, menyentuh rukun-rukun faham, ikhlas, amal, jihad, pengorbanan, taat, thabat, tajarrud, ukhuwah dan thiqah (merupakan rukun-rukun baiah dalam jamaah Ikhwan Muslimin). Selanjutnya beliau berbicara tentang syura mulzimah yang merupakan nilai Islam yang agung dan suatu kemestian dalam agama. Perbincangan tentang syura ini disertakan dengan contoh-contoh perlaksanaannya dalam lipatan sejarah Islam.

Kemudian penulis berbicara mengenai matlamat dakwah dan kehidupan ini di samping menyentuh konsep ibadah yang syumul. Allah adalah matlamat agung dakwah dan kehidupan, di samping kesempurnaan ubudiah kepada-Nya.

Saya tidak berniat untuk memintas para pembaca mengenai isi buku ini. Oleh itu saya akan biarkan pembaca sendiri mendapatkan faedahnya. Saya yakin para pembaca akan mendapati banyak kebaikan dan manfaat dari buku ini yang mendedahkan beberapa sudut penting dakwah pada kurun 15 hijrah ini.

Saya ingin mengemukakan dalam pendahuluan ini beberapa pandangan mengenai topik unsur tetap dan unsur berubah berserta peraturan yang berkaitan.

1. **Undang-undang unsur tetap dan berubah.**

Unsur tetap ialah rangka, manakala unsur berubah yang berlaku dalam rangka tersebut. Dalam Asas yang satu, bentuknya berbagai-bagai. merupakan kaedah umum. Alam ini pada umumya tidak berubah. Tetapi terdapat gerakan yang berterusan di dalamnya seperti pertukaran siang dan malam, bulan dan matahari, musim sejuk dan panas. Manusia juga pada keseluruhannya tetap, tidak berubah. Susuk tubuhnya, suara dan paras rupa tetap tidak berubah. Tetapi riak dan roman wajahnya yang berubah-ubah seperti bertukarnya nada suara."

"Falsafah hidup barat berasaskan konsep menerima sains dan menolak agama. Barat juga hanya menerima perkara yang boleh ditanggap oleh pancaindera semata-mata lalu mereka menafikan perkara ghaib. Setiap neraca dan nilai bersumberkan pancaindera manusia semata-mata. Cara gaya hidup yang diterima adalah yang berasaskan sekularisme. Oleh itu mereka hanya melihat hakikat kehidupan ini daripada satu sudut semata-mata. Mereka tidak dapat menerima kehadiran nilai ruh dan agama. Di sisi mereka antara kedua-dua unsur material dan ruh, sains dan agama tidak boleh dicampur adukkan atau digabung jalin. Sedangkan syariah Islam membawa kesemuanya itu dalam bentuk yang sempurna dan seimbang".

- ***Petanda Islam*** oleh Anuar al-Jundi.

2. **Muslimun dan kehidupan**

Orang-orang Islam terdahulu telah mencapui kemajuan sains dan teknologi dalam bidang-bidang perubatan, maritim, pembuatan, kimia dan sebagainya. Kemajuan ini dicapai bersama nilai ruh agama yang suci, yang mengangkat kedudukan manusia kepada tahap yang mulia. Mereka beriltizam dengan ubudiah hanya kepada Allah, nilai-nilai akhlak yang tinggi dan keimanan kepada perkara-perkara ghaib, kebangkitan dan pembalasan.

Kemudian datang barat yang hanya menitik beratkan sudut kebendaan semata-mata, yang mana tamadun yang mereka bina terlalu jauh daripada unsur-unsur alam ruh dan ghaib juga kebangkitan yang sudah pastinya akan berlaku krisis nilai kemanusiaan -yang mana manusia dijadikan daripada gabungan tanah dan ruh-. Kesan daripada penyelewengan ini, ianya merupakan titik permulaan kepada krisis konflik diri dan keruntuhan nilai ruhani. Yang membawa kepada kehancuran tamadun kebendaan.

3. **Sesungguhnya Islam ialah nilai yang hidup dan tamadun**

yang agung.

Islam merupakan pendorong jiwa yang kuat membantu manusin mendepani ujian kehidupan. Ia juga merupakan faktor keseimbangan dan kesempurnaan seseorang insan. Nilai akhlaknya tonggak kemajuan manusia sebagai khalifah dan kemakmuran muka bumi ini.

"Nilai dalam Islam ada yang tetap dan ada yang berubah. Nilai yang tetap tidak boleh berubah dengan bertukarnya suasana, tempat dan zaman kerana hubungannya kuat dengan kejadian manusia yang terdiri dari ruh dan jasad, jisim dan jiwa. Nilai tetap ini berhubung dengan aqidah dan akhlak, yang kedua-duanya tegak di atas asas kemanusiaan semata-mata, tonggaknya kasih sayang, ukhuwah dan rahmat." - ***Petanda Islam***

Nilai yang berubah pula berbeza-beza berdasarkan perubahan masa, tempat, suasana dan tuntutan sosial. Dalam hal ini Islam jelas memberi perhatian kepada nilai-nilai kemanusiaan. Oleh sebab itu Islam mengizinkan perkahwinan, makan minum, perhiasan dan kemajuan. Dalam pada itu Islam menggariskan beberapa panduan bagi nilai kemasyarakatan seperti kesederhanaan, tidak membazir atau keterlaluan. Pendek kata Islam mengakui keperluan jasad dan jiwa manusia. Islam tidak menganggap perkara kebendaan sebagai suatu yang makruh atau dibenci atau dinafikan. Islam tidak menegah perubahan pada nilai-nilai kecil yang bersangkutan dengan suasana dan masa yang tidak menyentuh nilai-nilai yang agung yang tetap atau melanggarinya.

4. Asas nilai-nilai dalam Islam.

Tauhid, taqwa, iman, kehormatan manusia, kebebasan, ilmu dan amal. Islam mengajak perdamaian antara kaum, persefahaman dan persaudaraan antara manusia. Islam menyeimbangkan antara kebendaan dan ruh. Jika barat hanya mengakui nilai dan neraca yang menepati kehendak dan kemahuannya, Islam pula mengakui dan menerima pakai nilai dan neraca yang bertepatan dengan perintah dan kehendak Allah s.w.t. Firman Allah:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ
فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ
أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنِ
ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ

لِأَمَـٰنَـٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dun perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat). Dan mereka yang menjaga kehormatan. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela, Kemudian, sesiapa yang mengingini selain daripada yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. (Al Mukminun; 1-9)

Ayat di atas mengemukakan susunan tahap nilai-nilai dalam Islam, mendahulukan solat, meninggalkan perbuatan sia-sia, menunaikan zakat, memelihara kemaluan dan maruah, menjaga amanah dan perjanjian, dan menunaikan solat pada waktunya.

5. Sesungguhnya nilai-nilai Islam yang agung tetap selama-lamanya.

Ia tidak berubah dengan berubahnya masa. Yang berubah ialah ideologi-ideologi ciptaan manusia. Sebaliknya risalah langit mengajak manusia berubah dan maju sehingga mencapai tahap ketinggian dan kemuliaannya. Oleh kerana itu segala yang boleh merosakkan dan menjatuhkan martabat manusia diharamkan Islam. Islam mengharamkan riba, zina, arak, judi, bangkai, daging babi, pembunuhan dan perkosaan maruah. Rasulullah s.a.w. bersabda.

كُل المُسلِمُ على المسلمِ حَرَامٌ , دَمُه وَمَالُه وَعِرضُه

Maksudnya: "Darah, harta dan maruah seorang muslim adalah haram bagi muslim yang lain".

Ini merupakan penghormatan, peningkatan taraf manusia dari alam haiwan dan memelihara mereka daripada kehancuran.

Sesungguhnya Islam bersikap terbuka terhadap perubahan yang berlaku berdasarkan perubahan suasana dan masa. Islam tidak menyanggahnya. Apabila dikatakan bahawa masyarakat perindustrian berbeza kelakuannya berbanding masyarakat petani, tidak bermakna kebebasan tanpa akhlak, menghalalkan riba, menganggap zina suatu perkara yang munasabah, kebebasan pergaulan, melanggar hudud yang telah

ditetapkan oleh Islam atau mencuaikan kefardhuan dan ibadat. Tetapi perubahan yang dimaksudkan adalah yang tidak bertentangan dengan Islam seperti gaya hidup, susunan penempatan, teknologi pembuatan makanan, pengangkutan dan pertukaran maslahat. Kesemuanya itu termasuk di dalam rangka umum yang berhubung dengan peraturan muamalat, hubungan antara lelaki dan wanita, dan perkara halal dan haram.

6. Usaha berterusan

Sesungguhnya musuh-musuh Islam sentiasa berusaha untuk mempengaruhi umat Islam supaya mengambil falsafah dan cara hidup berasaskan sekularisme, kebebasan mutlak, menolak ketuhanan dan kebendaan yang mereka anuti.

Mereka bukan sahaja tidak menerima gandingan akal dan wahyu, bahkan sentiasa mengajak untuk melakukan perubahan dalam segala sesuatu. Pada mereka agama bertentangan dengan teori perubahan. Maka berlakulah persengketaan yang hebat. Akhirnya agama dipisahkan daripada kehidupan, daripada politik, ekonomi, seni dan sains. Agama hanya tinggal sebagai kecenderungan peribadi atau beberapa nasihat berhubung kehidupan peribadi. Kehidupan keseluruhannya ditentukan oleh nilai dan neraca yang tidak ada hubungan dengan agama.

Mereka berusaha bersungguh-sungguh agar fahaman mereka ini turut didokongi oleh umat Islam. Usaha mereka tidak akan berakhir melainkan umat Islam kembali kepada kefahaman Islam yang sebenar seperti mana diturunkan oleh Allah s.w.t. dalam bentuknya yang syumul, sempurna dan merangkumi urusan agama dan dunia. Kemudian mereka membawanya kepada dunia selepas melaksanakannya dalam diri mereka.

7. Pandangan pendukung dakwah

Di sisi Islam situasinya berbeza seperti yang telah dijelaskan. Islam menerima kewujudan naluri kemanusiaan yang memiliki tuntutan jiwa dan jasad. Islam tidak mengongkong naluri tersebut, bahkan memberikan kebebasan berpandukan garis panduan syarak, sistem dan batasan-batasan yang telah ditentukan. Islam tidak perlu menyahut mana-mana seruan ideologi lain kerana semuanya
beracun belaka.

Umat Islam mendapati logik barat yang asing itu amat lemah berbanding dengan Islam yang syumul dan agung yang merangkumi aspek kebendaan dan ruh, akal dan hati, dunia dan akhirat. Logik para pendakwah ialah kita mengambil dari barat segala yang baik berdasarkan ajaran Islam dan menolak segala yang

bertentangan dengan fahaman tauhid, nilai tetap dan akhlak, sebagaimana kita menolak fahaman tabii yang menggantikan Allah s.w.t, Juga kita menolak fahaman kemasyarakatan dan kemanusiaan yang bertentangan dengan fahaman tauhid yang mana fahaman tersebut tegak di atas asas kebendaan dan keberhalaan.

Sesungguhnya mereka yang beranggapan bahawa kemahuan mereka dapat dicapai dengan meniru segala yang datang dari barat, sebenarnya tertipu. Masyarakat Islam tidak akan terbentuk dan tidak akan mampu berdikari melalui kemajuan kebendaan semata-mata. Manhaj Allah mesti dilaksanakan, keimanan dan akhlak mesti dipertegaskan.

Contoh terdekat ialah peperangan 10 Ramadan (peperangan ini berlaku antara tentera Mesir dan Israel pada 6 Oktober 1971. Akhirnya Mesir berjaya membebaskan kembali tanah miliknya, Semenanjung Sinai yang telah ditawan oleh tentera Israel). Kemenangan pada hari itu tidak dicapai melainkan kerana faktor iman yang merupakan pendorong dan penggerak, bahkan iman adalah kehidupan. Inilah sebenarnya pertarungan yang berlaku sekarang. Semenjak serangan Perancis dan penjajahan barat di bumi umat Islam, kemahuan mereka hanyalah satu iaitu menjauhkan umat Islam daripada risalah mereka, memisahkan agama daripada kehidupan mereka dan membuang kefahaman Islam yang sahih daripada tasawur mereka.

8. Peranan harakah Islam.

Kini harakah Islam berusaha untuk membawa umat Islam kembali kepada kefahaman Islam yang sahih, pembetulan hala tuju dan penegakan manhaj Allah. Ia menggariskan unsur-unsur yang tetap dan unsur-unsur yang berubah sehingga Islam kembali sebagai manhaj kehidupan dan sistem masyarakat.

Harakah Islam telah melahirkan generasi teras yang beriman dalam usaha membina kembali masyarakat Islam yang gemilang. Sesungguhnya hakikat pandangan barat terhadap Islam dan hubungan antara Islam dan barat perlu jelas di fikiran. Begitu juga pandangan barat terhadap unsur-unsur tetap dan bagaimana Islam menangani kedua-dua unsur tersebut, di samping usaha harakah untuk mewujudkan semula kehidupan Islam di atas asas yang sahih dan sejahtera.

Muhamad Abdullah al-Khatib

Muqadimah Penulis

Jum'ah Amin Abdul Aziz

Semua fikrah yang asli berpaut pada tiang yang tegap, dinding yang kukuh dan tapak asas yang mantap dan utuh. Dengan wujudnya ketiga-tiga tiang, dinding dan tapak asas tadi dibina pula bilik-bilikyang mempunyai pelbagai saiz, dicat dengan pelbagai warna. Tetapi tiang, dinding dan tapak asas tetap kekal terpasak kukuh, tidak bertukar ganti.

Al-Quran juga mengajar kita bahawa alam ini wujud di atas satu sistem dan peraturan yang tidak berubah atau bertukar ganti, agar kekal terpelihara daripada kemusnahan dan kehancuran.

وَٱلشَّمۡسُ تَجۡرِي لِمُسۡتَقَرّٖ لَّهَاۚ ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ﴿٣٨﴾ وَٱلۡقَمَرَ قَدَّرۡنَٰهُ مَنَازِلَ
حَتَّىٰ عَادَ كَٱلۡعُرۡجُونِ ٱلۡقَدِيمِ ﴿٣٩﴾ لَا ٱلشَّمۡسُ يَنۢبَغِي لَهَآ أَن تُدۡرِكَ ٱلۡقَمَرَ وَلَا ٱلَّيۡلُ سَابِقُ
ٱلنَّهَارِۚ وَكُلّٞ فِي فَلَكٖ يَسۡبَحُونَ ﴿٤٠﴾

"Dan (sebahagian daripada dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. Dan bulan pula kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga diakhir peredarannya kelihatan kembalinya pula keperingkat awalnya-(berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing. (Yassin; 38 - 40)

Apabila sistem dan peraturan itu berkecamuk maka segala yang ada di dalam alam ini seperti tanaman, ternakan dan kehidupan akan musnah dan hancur.

Firman Allah s.w.t.

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتۡ ﴿١﴾ وَإِذَا ٱلۡكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتۡ ﴿٢﴾

"Apabila langit terbelah. Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan". (Al Infitor; 1-2)

Ini menunjukkan bahawa unsur tetap yang menjadi asas kepada binaan tidak boleh berubah walaupun sudah berlalu masa yang lama, tidak boleh bertukar walaupun dipisahkan jarak yang jauh. Ia ibarat intipati atau isi kandungan sesuatu perkara.

Fikrah yang asli semestinya tegak di atas unsur-unsur yang tetap. Tanpa memelihara dan berkorban mempertahankan unsur-unsur tetap ini, nescaya

jamaah ini tidak akan kekal membawa tasawur dan fahaman yang sahih. Oleh itu isu unsur tetap ini dalam jamaah kita merupakan perkara yang jelas dan terang seperti matahari di siang hari.

Al Imam al-Banna telah menerangkan unsur-unsur tetap dan unsure-unsur berubah dalam dakwahnya. Oleh sebab ianya jelas maka pengikutnya telah berpegang teguh dan jiwa raga demi mempertahankannya. Jika tidak kerana usaha sedemikian sudah tentu dakwah ini tidak lagi wujud hingga ke hari ini sebagai manhaj dan harakah. Mereka yang telah menjaga unsur tetap jamaah daripada pupus ialah mereka yang sabar dengan tribulasi, diseksa dan syahid di dalam penjara.

Jika tidak kerana pengorbanan ini, nescaya nama, rijal dan kewujudan jamaah sudah tiada lagi pada hari ini. Pernah suatu ketika, sebahagian ikhwan yang diseksa dengan teruk, untuk menyeleweng daripada fikrah jamaah dan tasawurnya, lalu berpegang kepada fikrah takfir (kafir mengkafir) dan mengajak sahabat-sahabat yang lain untuk ikut serta. Ketika itu bangunlah seorang tokoh dan mursyid (Hasan al-Hudhaibi) menegah sambil menerang dan menjelaskan unsur-unsur tetap jamaah di dalam kitab "**Pendakwah bukan penghukum**". Beliau berpegang teguh kepada amanah yang diterima dan memelihara unsur-unsur tetap jamaah dan memimpin jamaah berdasarkan garis panduan yang ditinggalkan oleh pengasasnya al-Imam al-Banna rahimahullah. Perjalanan itu disambung oleh rijal selepasnya sama ada pimpinan atau tenteranya. Jelaslah daripada sejarah dan peristiwa itu bahawa jamaah mempunyai beberapa unsur tetap sebagai pegangan yang tidak boleh ditukar ganti atau ditolak ansur.

Adapun unsur berubah pada jamaah dikawal oleh kaedah-kaedah syarak dan pendapat-pendapat fiqh. Ia merupakan perubahan wasilah kepada yang lebih baik tanpa kecuaian, maju ke hadapan tanpa memusnahkan, berusaha dan meneruskan tanpa jumud, permodenan tanpa penyelewengan atau ambil ringan, keaslian dan pegangan tanpa tolak ansur atau, berbilang wasilah tanpa melanggar asas. Semuanya rangka unsur-unsur tetap yang mengawal kerana perubahan tidak mungkin berlaku dan meninggalkan kesannya dalam rangka unsur-unsur tetap.

Memandangkan pentingnya topik ini, inilah kajian yang dilakukan terhadap manhaj al-Imam al-Banna - Unsur Tetap dan Unsur Berubah-. Saya memohon kepada Allah agar taufik-Nya. Jika saya betul maka ia adalah taufik daripada-Nya, manakala jika terdapat kesalahan maka saya mohon keampunan-Nya dan berharap kepada mereka yang hidup mempertahankan unsur tetap jamaah di kalangan pimpinan tampil membetulkan kesilapan saya. Dan dalam kedua-dua keadaaan saya mohon ganjaran daripada Allah Taala.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Muhammad s.a.w.

3 Rajab 1419 H
25 Oktober 1998M
Jum'ah Amin Abdul Aziz

Unsur Tetap dan Unsur Berubah

Pengertian

Unsur Tetap ialah perkara yang sepatutnya kckal tanpa sebarang perubahan atau penggantian walaupun berubahnya masa dan tempat. Ia merupakan kayu pcngukur bagi individu, rangka yang mengawal tindak tanduk individu dan neraca yang membezakan mereka daripada orang lain. Oleh itu unsur tetap bukanlah barang yang boleh ditukar ganti atau ditawar menawar.

Unsur tetap sesuatu agama atau mazhab ialah elemen yang memelihara kesinambungan, membezakan pengikut daripada orang lain dan ia juga bertindak mengawal tingkah laku penganutnya. Kedudukannya samalah seperti aqidah-aqidah dan prinsip-prinsip yang tidak boleh ditakwil, ditukar ganti dan diubah berdasarkan perubahan masa, tempat dan peribadi.

Unsur berubah pula ialah perkara-perkara yang boleh berlaku padanya perubahan, penggantian dan pembaharuan. Tetapi perubahan itu tidak melanggar asas-asas yang menjamin kesinambungannya dan ciri-ciri keistimewaannya. Ia adalah elemen yang anjal, kerana perubahan masa dan tempat memerlukan keanjalan dan penyesuaian di samping memelihara unsur-unsur tetapnya.

Allah Taala menetapkan unsur tetap bagi Islam demi menjamin kesinambungannya dan memberi ruang perubahan demi menjamin kesesuaiannya pada semua waktu dan tempat.

Jadi gabungan unsur tetap dan unsur berubah merupakan usaha penerusan tanpa jumud (beku), penyesuaian dan pembaharuan tanpa penyelewengan, mengekalkan keaslian tanpa melampau. Kedua-duanya ibarat lagu dan irama, tidak boleh dipisahkan.

Kedua-duanya mesti wujud demi menjamin kelangsungan tanpa jumud. Tanpa keduanya berjalan seiringan, kita akan melakukan perubahan dan pembaharuan ynng akhirnya membawa kepada penyelewengan. Ini adalah takrif unsur tetap dan unsur berubah secara umum. Apakah unsur tetap dan unsur berubah Islam?

Unsur tetap dan unsur berubah Islam

I. Unsur Tetap

Islam mempuyai beberapa unsur tetap dalam setiap bidangnya. Muslim dan muslimah wajib berpegang dengan unsur-unsur tetap itu. Oleh kerana jamaah IkliwanMuslimin ialah satu jamaah daripada jamaah-jamaah orang Islam, ia terikat dan beriltizam dengan unsur-unsur tetap Islam seperti mana iltizam para salaf dan ahli sunnah wal jamaah.

Ikhwan tidak memonopoli Islam untuk diri mereka. Mereka tidak berpandangan bahawa semua orang Islam mesti bergabung dalam jamaah mereka. Ini kerana jamaah mereka bukan jamaah muslimin tetapi ialah satu jamaah dari jamaah-jamaah orang Islam. Jadi sesiapa yang tidak bergabung ke dalam jamaah ikhwan atau keluar darinya tidak gugur Islamnya selama mana ia berpegang dengan unsur-unsur tetap Islam yang tidak boleh ditukar ganti.

Unsur-unsur tetap Islam memelihara masyarakat ketika menghadapi kegawatan-kegawatan yang tercatat dalam sejarah. Masyarakat Islam telah berjaya melepasi rintangan perselisihan pendapat mazhab fikrah (pemikiran), fiqh dan dengan bantuan unsur-unsur tetap Islam. Perselisihan itu berlalu tanpa merosakkan perkara-perkara asas dan ciri-ciri Islam yang penting. Kemudian

muslimin berjaya menghadapi fitnah kemewahan ketika zaman pembukaan dan perluasan wilayah Islam serta mampu menangani pengaruh tamadun kebendaan dan keberhalaan negara Yunan, Parsi dan India. Dengan unsur-unsur tetap Islam juga mereka menghadapi serangan tentera Salib, Mongol dan penjajahan pada abad kedua puluh masihi. Semuanya itu sebagai mencontohi Rasulullah s.a.w. ketika Allah Taala berfirmankepada baginda:

فَٱسْتَمْسِكْ بِٱلَّذِىٓ أُوحِىَ إِلَيْكَ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٣﴾

Bermaksud: ..dengan yang demikian, berpegang teguhlah engkau kepada al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu; kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus. (Az Zukhruf; 43)

Pegangan kuat kepada unsur-unsur tetap juga menjadi faktor kejayaan muslimin pada hari ini menghadapi serangan yang paling bahaya iaitu serangan pemikiran global daripada aliran Yahudi, Nasrani dan Sekularisme. Adakah tanpa unsur-unsur tetap ini kita mampu mendepani serangan yang dahsyat ini?

Dalam Islam terdapat dua ruangan:

Ruangan pertama: Ruangan yang boleh menerima perubahan, pembaharuan dan ijtihad. Ruangan ini amat luas sekali. Kebanyakan hukum syarak dan urusan kehidupan dunia termasuk dalam ruangan ini seperti mana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w;

اَنتم اَعْلَمُ بِاُمُورِ دُنيَاكُم

"Kamu lebih tahu tentang urusan dunia kamu".

Begitu juga termasuk dalam ruangan ini ialah perkara-perkara yang tidak ada nas padanya atau sekadar mempunyai nas-nas umum dan nas-nas khusus yang boleh ditafsirkan dan difahami berdasarkan kaedah-kaedah ijtihad yang dimaklumi.

Ruangan kedua : Ruangan bersifat tertutup, tidak boleh menerima sebarang pembaharuan,ijtihad dan perubahan. Termasuk dalam ruangan ini adalah perkara-perkara akidah, prinsip-rinsip umum, hukum-hukm qat'i (hukum yang jelas melalui dalil-dalil yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah yang tidak boleh ditakwilkan lagi) yang menyatukan fikiran,perasaan dan suluk (peradaban ummah). Ia adalah tunggak kepada tamadun umat ini, oleh itu ia tidak boleh berubah pada semua masa dan di semua tempat.

Jika tiada unsur-unsur tetap ini nescaya akan terbentuk puak-puak dalam umat Islam, tamadun dalam tamadun. Agama akan menjadi tepung yang diuli. Diuli dan dibentuk mengikut mengikut kemahuan tangan yang melakukannya. Maka akan wujud bagi setiap zaman dan kawasan, agama masing-masing. Islam akan berpecah menjadi banyak jenis. Tiada lagi Islam yang satu, tetapi Islam yang berbagai-bagai berdasarkan tempat, masa, kawasan,puak dan ras. Jika berlaku sedemikian, maka tercapailah matlamat musuh Islam. Mereka mendakwa; al-Quran ini datang untuk period tertentu sahaja iaitu zaman Rasulullah saw jadi ia bukanlah agama yang kekal dan bukan lagi kitab bagi semua manusia. Jika demikian maka tiadalah tamadun kukuh bagi Islam, sedangkan risalah Islam datang menyenthu semua urusan kehidupan secara menyeluruh tanpa dikhususkan kepada umat dan zaman tertentu.

Kesimpulannya : Bolehlah kita katakan; unsur-unsur tetap dalam Islam ialah perkara-perkara yang diterangkan oleh Allah kepada makhluk-Nya secara nas yang

putus dan ianya tidak boleh diijtihadkan. Ia juga tidak boleh berubah dengan berubanya masa, tempa, peribadi dan suasana. Hukum-hakam ini datang secara terperinci, tidak perlu kepada perdebatan kerana ia dibina di atas sebab yang tidak berebeza dengan berbezanya masa seperti ayat wajibnya solat,zakat,puasa,pusaka yang ditentukan nisbah bagi setiap waris, pengharaman perbuatan keji sama ada yang zahir atau batin seperti pengharaman zina,qazaf (menuduh seseorang melakukan zina), arak, memakan harta manusia secara batil, membunuh tanpa hak, memakan bangkai, daging babi dan lain-lain perkara yang bersangkutan dengan asasa-asas akidah dan permasalahan iman. Begitu juga kewajipan melaksanakan al-Quran dan al-Hadith yang sahih, di samping akhlak yang keji. Dalam erti kata yang lain unsur-unsur tetap adalah:

Pertama: Nas-nas al-Quran dan al-Sunnah mutawatirah yang qat'i pada ketsabitan dan petunjuknya sama ada hukum itu diketahui secara dharuri dalam agama atau hukum yang tidak diketahui oleh sebahagian manusia seperti pembahagian harta pusaka.

Kedua: Termasuk juga unsur tetap ialah kadar-kadar syarak yang telah ditentukan melalui sunnah mutawatirah seperti bilangan rakaat solat, waktu-waktu solat dan sebagainya.

Ketiga: Selain daripada itu, ijma yang jelas yang sampai kepada kita secara mutawatir juga termasuk unsur tetap. Tidak boleh berijtihad dengan wujudnya ijmak tersebut, bahkan sesiapa yang yang mengingkari hukum yang thabit secara ijmak dan qat'i dalam sesuatu perkara yang dimaklumi secara dharuri dalam agama boleh menjadi kufur berdasarkan berdasarkan salah satu dari tiga pendapat ulamak.

Oleh yng demikian unsur-unsur tetap ini ialah penentu dan pembeza bagi suluk dan iktikad. Penganut agama ini berbeza daripada penganut agam dan fahaman lain, berdasarkan unsur-unsur tetap ini, kerana kedudukannya yang sama dengan perkara akudah dan wajib ditaati oelh setiap individu. Sesiapa yang mengingkarinya maka ia telah keluar daripada agama berdasarkan garis panduan hukum syarak. Seorang mukmin berbeza daripada orang lain kerana, tidak seperti unsur berubah yang boleh dilihat dari pelbagai sudut yang tidak keluar dari lingkungan Islam.

ii. Unsur berubah

Unsur berubah ialah tempat untuk berfikiran dan berijtihad, dalam lingkungan unsur tetap. Oleh itu sesiapa yang mengingkari salah satu fahaman daripada beberapa fahaman yang terkandung dalam suatu ayat, tidak keluar dari agamanya kerana ia kekal berpegang dengan unsur tetap. Ini disebabkan unsur berubah merupakan perkara yang berasaskan zan (tidak qat'i). Setiap mujtahid mengikut pendapat ijtihadnya. Amalan para pengikutnya adalah benar selama mana ia seorang yang layak berijtihad.

Jika semua dalil bersifat qat'i, sudah tentu ia menjadi faktor pengongkong minda dan akal fikiran manusia. Sudah tentu kita akan menghadapi kerumitan apabila kita berhadapan dengan pelbagai masalah yang baru timbul. Permasalahan baru ini sudah tentu menuntut para mujtahidin mengeluarkan hukum dari dalil yang zanni. Begitulah syariat berhadapan dengan segala perubahan masa dan tempat. Jika ianya tidak bersifat begitu, sudah tentu ada yang mengatakan mengapa syariat ini tidak bersifat anjal agar kita tidak menjadi seperti robot yang tidak mempunyai kehendak dan kebebasan?

أَلَا يَعۡلَمُ مَنۡ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلۡخَبِيرُ ﴿١٤﴾

Tidakkah Allah yang menciptakan sekelian makhluk itu mengetahui ? Sedangkan Ia Maha Halus urusan tadbiran-Nya, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya!. (Al Mulk; 14)

Begitulah perselisihan fiqh yang berlaku hasil daripada ijtihad dalam perkara yang berubah yang mendatangkan mudharat dan bencana. Bahkan perkara ini merupakan suatu kelapangan dan kemudahan bagi umat dalam melaksanakan hukum-hukum. Kesemua hukum-hukum itu bersesuaian dengan maslahat dan tuntutan hidup mereka. Perselisihan itu juga menggambarkan kekayaan sumber syariat dan fiqh yang menakjubkan dan ianya memenuhi segala hajat manusia selama-lamanya. Umar bin Abdul Aziz berkata:

Bermaksud: *"Aku tidak suka jika para sahabat tidak berselisih pendapat, kerana apabila mereka bersatu pada satu pendapat dan disanggahi oleh seorang daripada mereka sudah tentu orang itu menjadi sesat. Apabila mereka berselisih pendapat, seseorang mengambil pendapat ini dan seorang mengambil pendapat itu, ia merupakan suatu kelapangan".*

Oleh sebab itulah Imam Ahmad berkata:

الخِلافُ سَعَة

"Perselisihan adalah suatu kelapangan". Yahya bin Said berkata: *"Ahli ilmu ahíla ahli yang berlapang dada".* Para mufti sentiasa berselisih pendapat, seorang menghalalkan dan seorang mengharamkan pula, tetapi tiada seorang pun dari mereka yang mencela yang lain selama mana kesemuanya bersatu pada unsur-unsur tetap dan ijtihad mereka pada unsur-unsur berubah.

Pengajaran

Semua jamaah Islam yang menganuti fahaman ahli sunnah wal jamaah mestilah bersatu dalam unsur-unsur tetap Islam kerana ia merupakan unsur-unsur tetap mereka semua. Selain daripada unsur-unsur tetap Islam ini, setiap jamaah sudah tentunya mempunyai unsur-unsur tetap mereka sendiri, yang membezakan mereka antara satu sama lain. Faktor yang membezakan Ikhwan Muslimin daripada jamaah lain ialah unsur-unsur tetap mereka, yang berada dalam lingkungan unsur tetap Islam. Ikhwan juga mempunyai unsur berubah yang menjamin kelangsungan dakwah agar relevan di setiap masa dan tempat. Relevansi ini perlu dipelihara dan sanggup berkorban untuk mempertahankannya.

Islam yang mempunya hukum qat'i dan zanni itu juga mengajar kita supaya berlapang dada untuk mendengar pandangan orang lain selama mana kita semua berpegang pada unsur-unsur tetap jemaah dan tidak cuba untuk menyentuhnya dengan niat melakukan pembaharuan.

Begitulah individu dalam jamaah perlu relajar bagaimana menghormati pendapat orang lain selama mana ia tidak melanggar unsur-unsur tetap jamaah. Jika pendapat itu melanggar dan menyanggah unsur-unsur tetap jamaah maka pendapat itu tidak bernilai dan tidak boleh diterima pakai. Keadaan ini samalah seperti pendirian ahli sunnah wal jamaah yang menolak puak khawarij apabila mereka mengkafir orang yang melakukan dosa besar, tidak menerima puak

Muktazilah apabila mereka mengemukakan pendapat "di antara dua kedudukan" dan juga tidak menerima pandangan Murgia apabila mereka berkata: "Tiada upaya kerana semua perkara telah ditentukan." Semuanya kerana golongan tersebut menyanggah unsur tetap ahli sunnah wal jamaah secara jelas.

Pendapat para fuqaha yang mujtahidin pula seperti dahan-dahan dan ranting-ranting sepohon kayu. Pendapat mereka berbagai-bagai tetapi sumber dan asalnya aníllala satu. Begitulah keadaan jamaah-jamaah muslimin. Tetapi puak muktazilah, murjiah dan khawarij tidak begitu, kerana percanggahan mereka dalam sudut akidah dan politik yang merupakan salah satu daripada unsur-unsur tetap dalam agama.

Peristiwa itu merupakan pengajaran bagi individu jamaah agar mereka tahu bagaimana, bila dan dalam perkara apa yang mereka boleh berselisih pendapat. Mereka juga perlu mempelajari bagaimana untuk mengemukakan pandangan sehingga tidak menyentuh unsur-unsur tetap jamaah mereka. Jika sesuatu pandangan itu menyalahi unsur-unsur tetap jamaah maka ia tidak boleh diterima, tidak perlu diperbincangkan dan tidak bernilai sama sekali.

Kefahaman yang jelas akan unsur-unsur tetap dan unsur-unsur berubah jamaah menjadikan tindak-tanduk individu dapat dikawal dalam lingkungan unsur-unsur tetap. Ia juga menjadi neraca yang membezakan mereka daripada orang lain.

Sampai masanya untuk kita bincangkan apakah unsur-unsur tetap Ikhwan Muslimin berdasarkan pengamatan terhadap fikran Hasan al-Banna.

Sepuluh Unsur Tetap Dakwah

Pertama:	Nama jamaah sebagai fikrah, sejarah dan lambang kesetiaan.
Kedua:	Amal jamaie ialah wasilah kita.
Ketiga:	Tarbiyah dan menjauhi kekerasan ialah jalan kita.
Keempat:	Usrah ialah tunggak tarbiyah di sisi kita
Kelima:	Risalah Taalim, Sepuluh Rukun khususnya Usul 20 dan Risalah Aqaid ialah asas dan sumber pembelajaran kita.
Keenam:	Syumul dan umum ialah asas pandangan dan fahaman kita yang menyeluruh.
Ketujuh:	Syura yang mulzim pemutus perselisihan antara kita.
Kelapan:	Menghormati sistem dan peraturan ialah akhlak baiah kita.
Kesembilan:	Pilihan fiqhiah ialah huk jamaah menentukannya
Kesepuluh:	Allah ialah matlamat dalam semua unsur tetap dan berubah, dalam setiap perkataan dan perbuatan kita.

UNSUR PERTAMA

Nama sebagai fikrah, perlakasanaan, sejarah dan tasawurnya.

Nama jamaah adalah simbol bagi fikrah, sejarah dan tasawurnya. Hanya dengan menyebut namanya akan terbayang di fikiran kita apakah fikrah yang dibawa, apakah tasawur yand diseru, siapakah rijal yang memikul fikrah itu, bagaimanakah sejarahnya sejak ditubuhkan dan apakah peristiwa-peristiwa yang dilalui, penuh dengan jihad, pengorbanan, keperitan dan ketokohan individunya.

Hanya dengan meneybut namanya saja, semua itu akan terbayang di fikiran kita. Jadi tak mungkin nama ini kita sia-siakan. Kita tidak rela nama ini ditukar, walaupun ikhwah di beberapa negara terpaksa mengambil nama yang lain kerana susana yang tidak mengizinkan. Menurut mereka yang penting ialah isi dan bukan nama. Itu ialah keuzuran untuk mereka, tetapi jamaah induk tidak boleh menukar namanya. Biarlah nama anak-anak berbagai-bagai, tetapi nama induk mestilah kekal. Agar ianya dikenali oleh anak-anak dan pengikut dengan nama itu sahaja.

Semua pemilik kedai atau syarikat perniagaan tidak akan sekali-kali menggadaikan nama syarikat atau kedai mereka yang masyhur. Walaupun kadang-kadang tuannya telah berpindah atau berhijrah ke luar negara, nama itu tetap kekal dan tidak diubah. Perkara ini berterusan walaupun sudah bertukar pemilik atau syarikat sudah dijual beli. Namanya telah menjadi barang dagangan dan bernilai sekali. Sudah tentulah lebih hebat lagi jika nama itu turut membawa nilai spiritual dan sejarah yang tiada terhingga. Adakah wajar kita mempersia-siakan nama yang berharga yang mengingatkan kita pada ukhuwah Islam.

Hanya dengan menyebut namanya saja, terbayang di fikiran fikrah dan sejarahnya. Hanya dengan menyebut namanya saja, terbayang di fikiran apa yang membezakan jamaah ini dari yang lain. Nama dan fikrah ikhwan sudah menjadi seolah-olah dua permukaan bagi sekeping wang syiling. Musuh telah berusaha menawarkan agar ikhwan menukar namanya, tetapi ditolak demi memelihara sejarah.

Hanya dengan menyebut namanya saja, akan teringat al-Imam as-Syahid yang telah diganti oleh mursyidnya yang kedua, al-marhum Hassan Hudhaibi yang sentiasa sabar dan teguh pendirian berhadapan dengan ujian dan fitnah. Apabila disebut namanya, orang akan teringat mursyidnya yang kctiga, al marhum Umar al 'I'ilmisani empunya ketokohan yan gcmilang. Begitulah juga mursyidnya yang keempat, al-marhum Hamid Abu Nasr yang gagnh, sepertimana mursyidnya sekarang Ustaz Mustafa Mashyur, semoga Allah memanjangkan usianya.

Nama itu ialah simbol kepada sejatah rijal yang meyakini dan mempertahan kemuliaan fikrah. Jihad mereka bertaut rapat dengan nama jamaah. Ia mengingatkan sejarah pahlawan Palestin, syuhada' pemjara Turrah dan rijal yang menepati janji Allah ke atas mereka. Sebahagiannya telah meninggal dunia manakala sebahagian yang lain masih lagi menunggu-nunggu, mereka tidak sekali-kali menukar ganti janji itu. Mereka semuanya diingati apabila disebut nama al-Ikhwan Muslimun. Lalu bagaimana kita boleh melupakan nama ini yang telah disemai ke dalam jiwa dengan darah syuhada dan keteguhan

rijalnya.

Harakah Islamiah Terbesar

Kebanyakan buku-buku yang menceritakan perihal jamaah, pasti menyebut dengan namanya sekali. Pada tahun 1948, Profesor Dr. Musa al-Husaini telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk **"Al-Ikhwan Muslimun: Harakah Islamiah Terbesar Masa Kini".** Profesor Dr. Yusof al-Qardhawi berkata: "Secara umumnya buku ini ialah satu kajian yang berkecuali, ia telah menceritakan tentang ikhwan secara adil sehingga orang ramai mengetahuinya dengan mcngulang-mengulang namanya seperti mana yang dikenali oleh mereka yang memusuhinya, seperti pengarang buku yang bertajuk "Al-Ikhwan di atas Neraca". Sekadar menyebut namanya manusia akan terbayang jalan mereka yang berdusta dan mereka yang benar, maka mereka akan mengenali sama ada penulis itu mempunyai maslahat atau sememangnya dia berkecuali atau berpura-pura.

Begitulah keadaannya sehingga harakah tersebar ke merata tempat di negara-negara Arab dan Islam, bahkan sampai ke negara bukan Islam seperti Amerika, Eropah, Timur jauh dan lain-lain negara di seluruh dunin, Nama itu telah menjadi aset yang berharga, maka tidak mungkin digadaikan.

Mungkin ada yang bertanya: Adnkah begitu sekali hebatnya nama ini, sedangkan ia hanyalah pilihan dan ijtihad pengasas jamaah (Hasan al-Banna) untuk dikenali? Adakah sampai menjadi unsur tetap yang tidak boleh ditukar ganti?

Kita katakan *"(wabillahi taufik): Kita tidak mendakwa bahawa nama ini adalah unsur tetap lslam yang tidak boleh diperselisihkan oleh setiap muslim. Tetapi kita menegaskan bahawa ia adalah unsur tetap Ikhwan yang tidak boleh dicuaikan kerana keistimewaan yang telah kami sebut sebentar tadi"*

Bagi mereka yang hairan dengan pendapat ini kita katakan kepada mereka:"Sesungguhnya parti-parti yang wujud tidak pernah memandang ringan namaya, kerana ia merupakan sejarah bagi pengikut mereka. Sebagai contoh parti Wafdu (salah sebuah parti pembangkang di Mesir ketika ini) yang pernah menghilangkan diri selama puluhan tahun, apabila ia hendak kembali cergas, pendokongnya telah memilih nama al-Wafdu juga. Pihak berkuasa tidak bersetuju dengan nama ini, lalu mereka menambah perkataan baru menjadi Wafdu Baru. Ini disebabkan nama itu mempunyai kaitan amat bererti dengan pengasas (Saad Zaghlul, tokoh pejuang kebangsaan Mesir) dan sejarah parti tersebut. Begitu juga halnya parti Nasiri yang dipilih oleh pendokongnya kerana bersempena dengan nama pemimpinnya (Jamal Abd Nasier, bekas Presiden Mesir) sehingga mereka sendiri menamakan diri mereka sebagai Nasiriyun."

Cubalah bandingkan fenomena ini dengan fenomena yang lain-lain. Bagaimana boleh kita mendakwa bahawa sebuah nama tidak bersangkutan dengan peribadi, sedangkan ianya saling berhubung jalin dengan fikrah, manhaj. Lihat sahaja sejarah para rasul, sudah tentu para pengikutnya mempertahankannya. Kekalnya nama bermakna kekallah kenangan, sejarah, fikrah dan perlaksanaannya.

Satu perkara lagi yang menarik ialah dakwaan mereka yang memusuhi fikrah dan manhaj ini, yang membenci Islam berkata: "Jika kamu menamakan diri kamu sebagai Ikhwan Muslimun bermakna selain daripada kamu tidak ada ukhuwah dan bukan muslimun". Ini adalah satu tuduhan palsu dan tidak masuk akal. Jika logik yang sama digunakan, sudah tentu al-Hizbu al-Watani (Parti pemerintah di Mesir) yang bermakna Parti Kebangsaan menunjukkan mereka yang tidak menjadi ahlinya sebagai mereka yang tidak mempunyai semangat

sayangkan bangsa dan tanahairnya. Begitu juga Hizbu Tajammu' (salah sebuah parti di Mesir) yang bermakna Parti Kesatuan yang beraliran komunis, sedangkan parti tersebut memecah belah dan merosakkan perpaduan masyarakat. Adakah dengan nama kesatuannya itu menunjukkan orang lain bertindak sebagai parti pemecah belah. Tidakkah logik ini suatu yang dangkal.

Kita pergi lebih jauh daripada itu, adakah Parti Kristian yang terdapat di barat (seperti di Jerman), manganggap hanya mereka yang menganggotai parti mereka sahaja beragama Kristian dan mereka yang tidak menganggotai parti tersebut bukan beragama Kristian.

Kita tidak berhenti setakat hujah itu sahaja. Untuk menolak dakwaan mereka yang memusuhi Ikhwan Muslimin, kita bawa lagi contoh kedangkalan logik mereka. Jam'iah Syar'iah (NGO di Mesir) sebagai contoh, adakah bermaksud pertubuhan-pertubuhan lain tidak syar'i apabila ia tidak bergabung bersama Jam'iah Syar'iah. Adakah boleh kita menuduh mereka yang tidak menganggotai Jam'iah Ansar Sunnah (NGO di Mesir) sebagai penentang kepada al-Sunnah. Bagaimana pula orang yang tidak menyertai Jamaah Salafiah bolehkah kita menyifatkan mereka sebagai muslim yang tidak mengikut jejak salafi. Bagaimana pula pemuda yang tidak menganggotai Nadi Syubban Muslimin, (Kelab Pemuda Islam, NGO di Mesir) adakah mereka bukan pemuda Islam? Ia adalah sepertimana firman Allah:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَا تَسۡمَعُواْ لِهَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ وَٱلۡغَوۡاْ فِيهِ لَعَلَّكُمۡ تَغۡلِبُونَ ﴿٢٦﴾

Dan orang-orang Yang kafir berkata: "Janganlah kamu mendengar Al-Quran ini dan tentanglah Dia (dengan nyayian-nyanyian dan jeritan-jeritan riuh rendah serta tepuk sorak), supaya kamu berjaya (mengganggu bacaan atau menenggelamkan suara pembacanya)!"(Al-Fussilat:26)

Kita amal mencintai nama ini kerana ia memberi erti persaudaraan dan erti Islam. Oleh itu kita (IkhwanMuslimun) ialah sebuah jemaah daripada jamaah-jamaah muslimin dan setiap muslim saudara kami.

Al-Imam al-Banna telah diilhamkan oleh Allah dengan nama ini, kerana ia mengandungi nilai tunggak binaan Islam. Nama Ikhwan Muslimun menunjukkan kepada dua ikatan: (pertama) Ikatan iman dan (kedua) ikatan ukhuwwah yang merupakan dua rukun manhaj Islam, tanpanya tidak akan tertegak dan sempurna binaan Islam.

Iman berperanan membersihkan hati-hati dan kesannya jelas kelihatan apabila hati-hati ini bertaut berasaskan kecintaan, ketaatan kepada Allah, mendokong dakwah-Nya dan memperjuangkan syariat-Nya. Ini adalah ikatan yang amat tinggi nilainya di antara mukminin sehingga Allah menjadikan ikatan ukhuwwah syarat kepada iman. Firman-Nya yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara". Inilah dia keistimewaan jamaah Ikhwan: Iman dan Ukhuwwah. Dari situlah namanya diambil. Nama al-Ikhwan al-Muslimun mengandungi isyarat kepada wasilah untuk melaksanakan manhaj.

Seterusnya nama itu perlu dikekalkan sebagai tanda setia kepada pengasas, murabbi, muallim dan mursyid jamaah ini, Hassan al-Banna. Pengekalan nama itu merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada ketokohannya. Menjadi kebiasaan orang ramai menamakan anaknya dengan nama bapa atau datuk

sebagai mengingati jasa-jasa, kata-kata nasihat dan sejarah mereka. Mengubah nama akan menyebabkan sejarah dan rijal, mujahidin Ikhwan dilupakan, ianya juga satu tindakan yang tidak mengenang jasa.

UNSUR KEDUA

Kewajipan Amal Jama'i.

Rasulullah s.a.w. diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak seperti keikhlasan hati, kesucian jiwa, kebersihan diri, benar dalam kata-kata dan menunaikan amanah agar setiap individu menjadi anasir yang berkualiti di dalam masyarakat.

Sejarah menyaksikan anasir soleh sedemikian telah dan akan wujud pada setiap zaman dan umat. Namun perlu diingat yang menjadi penentu jatuh bangun sesebuah tamadun bukan individu-individu yang ikhlas, soleh dan bertaqwa itu. Tetapi penentunya adalah pada gerakan secara kolektif dan kesolehan yang mampu membentuk arus yang kuat bagi mempengaruhi persekitaran. Amal jama'i dan arus yang kuat itu tidak dapat dipengaruhi oleh persekitarannya, malah sebaliknya ia mampu mempengaruhi dan menyatakan kebenaran dengan penuh rasa mulia bersandarkan kekuatan Allah dan kekuatan jamaah.

Ini tidak bermaksud memperkecilkan usaha individu dan akhlak mulia yang dimilikinya tetapi (ia teguran) dalam usaha kita untuk memenangkan kebenaran yang kita pegangi bersama. Jika seseorang individu soleh tidak berjaya menjadikan dakwahnya didukungi oleh arus perdana dan membawa orang-orang soleh yang lain bersama dengannya, sehingga hati-hati mereka bertaut menjadi satu, maka ia tergolong dalam kalangan mereka yang rugi.

Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta bepesan-pesan dengan kesabaran. (Al 'Asr; 1-3)

Pengecualian dari kerugian hanya bagi jamaah yang saling berpesan dengan kebenaran dan kesabaran, bukan bagi individu walaupun seorang yang ikhlas.

Jika ada yang berkata: "Saya mampu mengamalkan Islam bersendirian. Saya tidak berzina, berbuat zalim, minum arak dan mcmakan riba. Sebaliknya saya menunaikan solat, berpuasa, berzakat, menunaikan haji dan semua kewajipan saya. Setelah itu saya boleh menyeru orang lain agar berbuat seperti saya".

Kita katakan: "Keadaan itu memang baik. Tetapi sesiapa yang berbuat demikian samalah seperti longgokan batu bata yang berkualiti tinggi tapi berselerakan. Sudah tentulah susunan batu bata berkualiti tinggi yang membentuk sebuah binaan lebih baik".

Persoalannya, jika semua orang berbuat begitu (amal secara sendirian), siapakah yang akan melaksanakan manhaj politik, ekonomi, sosial dan tarbiyah? Bahkan siapa yang akan menjalankan hukum hudud? Siapa pula yang akan mengadili perbalahan dan sebagainya?

Jika keadaan ini berterusan, orang-orang Islam akan berhadapan dengan situasi pertentangan iktikad iaitu menerima sebahagian dan menolak sebahagian yang lain, sedangkan Allah s.w.t. telah berfirman mengenai kaum terdahulu yang melakukan perkara serupa:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٨٥﴾

Sesudah itu, maka Patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab Taurat dan mengingkari akan sebahagian Yang lain? maka tiadalah balasan bagi orang Yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke Dalam azab seksa Yang amat berat. dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa Yang kamu lakukan.(Al-Baqarah:85)

Mereka juga telah mendengar peringatan-Nya kepada Rasulullah s.a.w:

وَٱحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَنۢ بَعْضِ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ

Dan hendaklah Engkau menjalankan hukum di antara mereka Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum Yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu.(Al-Maidah:49)

Allah sama sekali tidak akan mensia-siakan amalan setiap individu muslim sama ada lelaki atau wanita seperti firman-Nya dalam surah Az Zalzalah yang bermaksud: *Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarrah, nescayai akan dilihatnya (dalam surat amalnya).* Juga dalam firman-Nya *"Sesungguhnya Allah tidak sekali-hali mmganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarrah.*

Tetapi realiti rnuslimin pada hari Ini menunjukkan bahawa amal fardi (bersendiri) tidak mencukupi untuk mencapai matlamat dan cita-cita. Amal mesti dilakukan secara jama'i (kolektif) kerana ia adalah tuntutan Islam.

Agama menyeru kepada jamaah

Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan

يد اللة مع الجماعة ومن شذ شذ فى النار

Bermaksud: *"Tangan Allah bersama jamaah, sesiapa yang menyendiri akan menyendiri di dalam neraka",*

فانما ياكل الذئب من الغنم القاصية

"Serigala hanya memakan kambing yang bersendirian"

"Mukmin sesama mukmin seperti sebuah bangunan, saling kuat memperkuatkan". Manakala bantu-membantu dalam perkara kebaikan dan taqwa ialah tuntutan syarak. Berpesan-pesan dcngan kebenaran dan kesabaran merupakan salah satu syarat kejayaan terlepas dari kerugian di dunia dan akhirat. Hukum pula menyatakan tidak sah solat seseorang bersembahyang

bersendirian di belakang saf. Begitu juga mereka berada di depan imam.

Realiti mengatakan, perkerjaan yang mendatangkan hasil yang lumayan ialah kerja yang dilakukan secara kolektif. Bertepuk sebelah tangan tak akan berbunyi. Lemah apabila berseorangan kuat tatkala ramai, dan kerja yang besar dan berat tidak dapat dilaksanakan kecuali melalui gabungan tenaga dan usaha. Firman Allah Taala: Bermaksud:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِهِۦ صَفًّا كَأَنَّهُم بُنۡيَٰنٌ مَّرۡصُوصٌ ﴿٤﴾

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berperang untuk membela agamaNya, Dalam barisan Yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan Yang tersusun kukuh.(As-Saaf:4)

Lebih daripada itu, realiti musuh juga menuntut kita beramal jama'i. Musuh tidak bekerja secara individu atau dalam kelompok yang berpecah-pecah. Sebaliknya mereka mempunyai susunan organisasi dengan struktur, sistem dan kepimpinan di semua peringkat; tempatan, serantau dan antarabangsa. Justeru itu kita wajib memerangi mereka dengan cara yang sama juga iaitu amal jama'i. Tidak mungkin amal fardi boleh melawan amal jama'i dan amal yang berkecamuk melawan yang tersusun kemas seperti hakikat batu yang kecil tidak boleh menandingi bukit yang tersergam. Allah s.w.t. pernah memberi amaran dalam hal ini dengan firman-Nya.

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٍۚ إِلَّا تَفۡعَلُوهُ تَكُن فِتۡنَةٌ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ

Dan orang-orang Yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan Pembela bagi setengahnya Yang lain. jika kamu (Wahai umat Islam) tidak menjalankan (dasar bantu-membantu sesama sendiri Yang diperintahkan oleh Allah) itu, nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan Yang besar(Al-Anfaal:73)

Makna "Jika kamu tidak berbuat demikian" ialah jika kamu tidak bersatu dan saling bantu-membantu nescaya akan berlaku fitnah dan kerosakan yang besar di atas muka bumi. Sememangnya tiada kerosakan yang lebih besar apabila kckuatan kufur bersatu manakala kekuatan Islam berpecah-belah.

Amal Jama'i yang tersusun

Amal jama'i mestilah tersusun kemas, mempunyai barisan kepimpinan yang bertanggungjawab, pengikut yang bersatu dan kefahaman yang jclas. Syura dan ketaatan pula sebagai mekanisme yang menghubungkan antara qiyadah (pimpinan) dan pendukung harakah.

Islam tidak mengenali jamaah tanpa sistem. Solat berjamaah, sebagai contoh amal jama'i yang kecil, sudah cukup membukti pentingnya sistem dan peraturan dalam Islam. Allah tidak memandang kepada saf yang tidak lurus. Ahli jamaah pula mestilah berdiri rapat-rapat supaya tiada ruang kosong yang akan diisi oleh syaitan. Imam solat ditaati sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. : *"Sesungguhnya Imam itu dijadikan untuk diikuti, apabila dia bertakbir maka bertakbirlah, apabila dia ruku' maka ruku'lah juga, apabila dia sujud maka*

sujudlah bersamanya dan apabila dia membaca maka hendaklah kamu diam". Tiada sesiapa pun di kalangan makmum yang boleh mendahului imam. Tetapi apabila imam melakukan kesilapan, para makmum berhak untuk membetulkannya. Hatta wanita yang berada di saf belakang juga boleh menepuk tangan agar imam mengambil perhatian terhadap kesalahannya.

Begitulah sistem amal jama'i dalam rupa bentuk yang kecil. Perlu di sana ikatan qiyadah dengan jundi (pengikut). Namun perlu diingatkan ketua bukanlah maksum, dan juga jangan melakukan ketaatan membuta tuli. Inilah yang diseru oleh al-Imam al-Banna ketika menubuhkan jamaahnya. Beliau tidak berpada dengan ceramah-ceramah dan bimbingan nasihat semata-mata. Beliau berpendapat ceramah-ceramah itu mesti diikuti dengan proses pembinaan atau takwin.

Sesungguhnya perhatian berat Islam terhadap kesejahteraan individu, supaya ia akan menjadi batu bata yang berkualiti dalam susunan membentuk binaan yang kukuh. Oleh itu sebab itu juga kita lihat ibadat-ibadat dalam Islam sama ada ditunaikan secara berjamaah atau memperkukuhkan jamaah secara tak langsung.

Solat berjamaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak dua puluh tujuh kali ganda. Solat Jumaat tidak sah kecuali secara berjainaah, begitujuga solat hari raya. Zakat pula melahirkan perasaan simpati dan berkongsi masalah sesama umat. Puasa menyebabkan orang kaya dapat memahami penderitaan orang miskin, lalu menyemai kasih sayang dan mahabbah antara mereka yang seterusnya memperkukuh kesatuan jamaah. Haji sememangnya ibadat secara jama'i, semua orang kelihatan sama dalam soal pakaian dan situasi meninggalkan dunia seraya mengharapkan keredaan Allah. Semuanya itu memperkukuhkan tali silaturrahim antara umat Islam. Allah s.w.t. menyukai muslimin yang berjihad dalam bentuk yang tersusun kemas seperti bangunan yang kukuh.

Kesempurnaan ikhlas dengan jamaah.

Sesungguhnya amal jama'i adalah wasiat Rasulullah s.a.w. kepada muslimin yang bermaksud: *"Tangan Allah bersama jamaah, sesiapa yang menyendiri akan menyendiri di dalam neraka".* Sabdanya lagi. Bermaksud: *"Serigala hanya memakan kambing yang bersendirian".* Dan sabdanya;

من اراد بحبوحة الجنة فليازم ال جماعة

Bermaksud: *"Barang siapa yang inginkan haruman syurga, maka hendaklah ia melazimi jemaah".*

Abdullah bin Mas'ud pernah berkata mengenai jamaah. Bermaksud: *"Ia ialah tali Allah yang kukuh yang diperintahkan-Nya, dan apa yang kamu benci dalam jamaah lebih baik daripada apa yang kamu suka dalam perpecahan".* Ali r.a. pula berkata.

كدرالجماعة ولاصفاءالفرد

Bermaksud: *"Kekeruhan jamaah lebih baik dari kejernihan individu".*

Jamaah, yang mengandungi individu, pemimpin dan manhaj, melahirkan satu umat yang melakukan amar makruf dan nahi mungkar dan beriman dengan Allah. Kemenangannya dijanjikan oleh Allah dengan kefahaman yang sejahtera dan keikhlasan kepada agama ini, Firman-Nya.

وَإِنَّ جُندَنَا لَهُمُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ﴿١٧٣﴾

Dan bahawasanya tentera Kami (Pengikut-pengikut Rasul), merekalah orang-orang Yang mengalahkan (golongan Yang menentang kebenaran).(As-Soffat:173)

Firman-Nya lagi,

وَمَن يَتَوَلَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فَإِنَّ حِزۡبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

Dan sesiapa Yang menjadikan Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman itu penolongnya (maka berjayalah dia), kerana Sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada ugama) Allah, itulah Yang tetap menang.(Al-Maidah:56)

Individu-individu yang beriman membentuk satu jamaah yang bergerak di bawah satu pimpinan, memikul beban dan berazam untuk berkerja secara ikhlas siang dan malam seperti kata Umar bin al-Khattab kepada Muawiyah bin Khadij ketika dia datang memberi khabar gembira pembukaan Iskandariah.

"Jika aku tidur siang aku akan mensia-siakan rakyatku, dan jika aku tidur malam aku akan mensia-siakan diriku, maka bagaimana aku nak tidur dalam keadaan ini wahai Muawiyah".

Begitulah keadaan para salaf r.a. Mereka bukan sekadar menasihati orang yang melakukan kesalahan, bahkan mereka menyediakan suasana dan masyarakat bagi membantu memperbaiki diri. Usaha itu bergantung kepada konsep bantu-membantu dalam perkara kebaikan dan taqwa sehingga kata-kata boleh diubah menjadi perbuatan, teori menjadi amalan. Perkara ini tidak mungkin boleh dilakukan secara bersendirian.

Oleh itu binaan jamaah tidak akan sempurna tanpa taaruf, tafahum dan takaful yang menjadi faktor kejayaan konsep bantu-membantu itu demi mencapai objektif jamaah yang besar dengan ruh ukhuwah.

Untuk hikmah inilah Allah Taala menjadikan seluruh umat Islam sebagai pendakwah yang dibangkitkan untuk umat manusia. Perkara ini jelas seperti kata kata Rub'ie bin Amir ketika dia ditanya oleh Rustum panglima tentera Parsi.

> *"Allah membangkitkan kami untuk mengeluarkan sesiapa yang dikehendaki-Nya daripada perhambaan sesama hamba kepada perhambaan kepada Allah semata- mata, daripada kesempitan dunia kepada keluasannya, daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam".*

Kata-kata seperti ini lahir kerana Rasulullah s.a.w pernah bersabda.

بلغوا عنى ولو اية

"Sampaikan dariku walaupun satu ayat".

Jadi keikhlasan yang menghiasi diri seseorang muslim bukan sekadar untuk dirinya sahaja walaupun ia mendapat ganjaran daripada keikhlasannya itu. Keikhlasannya seperti air yang suci tapi tidak menyucikan. Islam menuntut agar muslim menjadi seperti air yang suci lagi menyucikan. Seorang muslim mestilah menjadi seperti batu-bata bagi sebuah binaan. Kesatuan, kasih sayang, bantu-membantu dan ithar (melebihkan saudara lain daripada

diri scndiri), yang mcrupakan nilai-nilai akhlak yang mulia dan tanda keikhlasan, ianya tidak akan berfungsi jika tidak wujud kesatuan akhlak, kefahaman, suluk (adab perlakuan) dan hala tuju antara individu muslim. Semuanya itu memerlukan sebuah jamaah yang melaksanakan tuntutan tuntutnn tersebut.

Mereka yang memahami islam sebagai ibadat zahir sahaja dan menganggap itulah intipati islam, sudah tentu tidak akan berasa perlu kepada amal jama'i. Begitu juga meraka yang beranggapan agama ini ialah akhlak yang mulia dan kerohanian yang suci atau aliran pemikiran semata-mata, tidak akan meyakini kewajiban amal jama'i.

Hanya mereka yang memahami Islam ialah agama yang merangkumi negara dan manhaj kehidupan sahaja yang beriman dengan kewajiban amal jama'i.

Kita memahami Islam sebagai risalah tarbiyah dan manhaj kehidupan, bersumberkan kitab Allah s.w.t., sunnah Rasulullah s.a.w. dan seerah para salaf salih. Kefahaman Islam yang syumul merangkumi aqidah dan ibadah, negara dan kewarganegaraan, akhlak dan kebendaan, tolak ansur dan kekuatan, budaya dan undang-undang, agama dan negara, kerajaan dan umat, kitab dan mata pedang, dan khilafah muslimin ke atas seluruh umat manusia di atas muka bumi. Sebagaimana firman Allah Taala.


وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَٰكُمۡ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ

وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيۡكُمۡ شَهِيدًا

Dan Demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan Yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat Yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang Yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang Yang benar dan Yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang Yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Al-Baqarah:143)

Beginilah keikhlasan yang kita fahami bersama. Kita juga memahami bahawa Islam ialah agama yang mentarbiyah individu agar menjadi muslih (reformis). Firman Allah Taala.

ذَٰلِكَ أَن لَّمۡ يَكُن رَّبُّكَ مُهۡلِكَ ٱلۡقُرَىٰ بِظُلۡمٍ وَأَهۡلُهَا غَٰفِلُونَ



Yang demikian (kedatangan Rasul-rasul itu ialah), kerana Tuhanmu tidak membinasakan negeri-negeri secara zalim sedang penduduknya leka lalai.(Al-An'am:131)

Dalam ayat 220 daripada surah Al Baqarah, Allah berfirman yang maksudnya *"..Allah mengetahui mereka yang merosakkan (harta benda mereka) berbanding mereka yang hendak mcmperbaikinya.."*

Sebenarnya seorang yang soleh tetapi tidak menyanggah kemungkaran

adalah dianggap bersubahat dengan kemungkaran itu. Masyarakat tidak mendapat apa-apa faedah daripada kesolehannya. Dia tidak membantu saudara-saudaranya untuk membina masyarakat yang mulia. Seorang yang berdiam diri di hadapan kemungkaran ialah syaitan yang bisu. Firman Allah Taala.

وَٱتَّقُوا۟ فِتْنَةً لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنكُمْ خَآصَّةً ۖ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) Yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang Yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). dan ketahuilah Bahawa Allah Maha berat azab seksaNya.(Al-Anfaal:25)

Saiyidina Aisyah pernah bertanya Rasulullah s.a.w

انهلك وفيناالصالحين؟ قال:اذاعلا الخبث

"Adakah kita akan dimusnahkan, sedangkan ada di kalangan kita orang yang salih?". Baginda menjawab: "Ya, *apabila kejahatan mengatasi (kebaikan)."*

Dalam sebuah hadith lain..

اذا اخفيت الخطيئة لاتضرالاصاحبها, واذاظهرت فلم تغير ضرت العامة

Bermaksud: *"Apabila kejahatan disembunyikan, ia akan merosakkan sipelakunya sahaja. Tetapi apabila kejahatan itu dizahirkan dan tidak diubah(dicegah) ia memudaratkan semua".*

Amal jama'i yang tersusun mesti mempunyai:

1. Pemimpin yang ikhlas dan bertanggungjawab.
2. Pengikut yang yang ikhlas dan terikat dengan jamaah.
3. Manhaj yang jelas .

Hubungan antara ketiga-tiganya tegak di atas asas syura yang mulzim, ketaatan tidak membuta tuli dan keikhlasan kepada fikrah dan harakah. Sekiranya keikhlasan kepada fikrah dan harakah tiada lagi, maka jamaah akan menjadi seperti kelompok-kelompok lain yang berkumpul kerana maslahat (kepentingan) dan faedah masing-masing. Jamaah ketika itu sudah kehilangan ciri-ciri, objektif dan wasilahnya. Jamaah tidak lagi melakukan amar makruf nahi mungkar, demi mencapai kebahagiaan manusia, melalui kejelasan fikrah dan kesatuan tasawur, suluk, objektif dan matlamat. Semuanya ini sebagai usaha melaksanakan firman Allah ;

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ

عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ

Dan Demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan Yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat Yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang Yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang Yang benar dan Yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang Yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Al-Baqarah:143)

Sesungguhnya Allah Taala akan mempertautkan hati-hati pendukung jamaah yang memenuhi ciri-ciri tersebut, merasai keagungan risalahnya dan meyakini bantuan Allah Taala. Firman Allah Taala.

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Dan (Dia lah) Yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). kalaulah Engkau belanjakan Segala (harta benda) Yang ada di bumi, nescaya Engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.(Al-Anfaal:63)

Dan akan berlaku kemenangan di tangan mereka dan benarlah janji-janji Allah Sebagaimana firman-Nya.

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِي ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْـًٔا ۚ

Allah menjanjikan orang-orang Yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (Wahai umat Muhammad) Bahawa ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah Yang memegang Kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang Yang sebelum mereka: khalifah-khalifah Yang berkuasa; dan ia akan menguatkan dan mengembangkan ugama mereka (ugama Islam) Yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). mereka terus beribadat kepadaKu Dengan tidak mempersekutukan sesuatu Yang lain denganKu. (An-Nur:55)

Oleh yang demikian, kita lihat para salaf telah sepakat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. untuk melaritik khalifah demi memelihara agama, meneruskan dakwah, menjaga keamanan dan menyampaikan Islam ke seluruh pelusuk dunia.

Saidina Ali r.a. berkata.

لابد للناس من امارة برةاوفاجرة. قيل يا اميرالمؤمنين هذا البرة قد عرفتاها, فمابال الفاخرة؟ قال: تقام بها الحدود, وتومن بها السبيل, ويجاهدبها العدو,ويعسم الفئ

Maksudnya: "Manusia mesti mempunyai pimpinan sma ada baik atau jahat".

Orang bertanya: "Wahai Amirul Mukminin, yang baik itu kami tahu, bagaimana pula yang jahat?" Ali menjawab: Sekurang-kurangnya hudud dilaksanakan, keselamatan jalan terjaga, musuh diperangi dan 'al-fai' dibahagikan".

Ibnu Khaldun pula berkata: *"Perlantikan khalifah telah diketahui kewajipannya melalui ijmak sahabat dan tabiin, tiada siapa yang menyanggahnya".* Kata al-Imam al-Juwaini: *"Perlantikan imam(khalifah) adalah berasaskan dalil ijmak".* Al-Imam al-Syahiristani berkata: *"Kata Abu Bakar.as-siddiq di Thaqifah Bani Saidah: "Mesti ada seseorang yang menguruskan agama ini". Manusia menyerunya: "Benar katamu ya Abu Bakar".* Begitulah juga kata-kata al-Imam al-Mawardi: *"Al-Imamah dilantik untuk menggantikan kenabian dalam menjaga agama dan mentadbir dunia."* Benarlah mereka yang berkata: "Agama ialah asas manakala kuasa merupakan penjaga. Apa yang tidak mempunyai asas akan runtuh, dan apa yang tidak mempunyai penjaga akan hilang."

Untuk kita mencapai cita-cita, objektif-objektif bagi setiap peringkat amal mestilah ditentukan. Objektif itu ialah:

1. Individu muslim.
2. Keluarga muslim.
3. Masyarakat muslim.
4. Kerajaan Islam yang berjaya menyatukan negara-negara Islam yang lain di bawah payung keagungan Islam.

Setiap objektif tersebut mesti diusahakan oleh jamaah kerana apa yang tidak sempurna kewajipan kecuali dengannya, maka ia adalah wajib.

Di sisi al-Imam al-Banna tiadalah Islam tanpa jamaah, tiada jamaah tanpa imarah (kepimpinan) dan tiada imarah tanpa taat kerana Islam ialah peraturan dan ketaatan. Dalilnya ialah ayat-ayat al-Quran yang menyeru orang-orang beriman secara jama'i

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ

Bahkan dipermulaan surah al-Baqarah..

ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ

Menerangkan bahawa hidayah itu inilah kepunyaan mereka yang bertaqwa(ramai dan bukan seorang). Begitu juga di dalam surah al-Fatihah kita mengulangi: *Hanya Engkaulah kami sembah (kami bukan aku).* Dengan lafaz ramai.

Kerana ibadah dengan maksudnya yang menyeluruh tidak akan dapat terlaksana melainkan dengan "hanya engkau yang kami sembah dan hanya kepada engkau kami meminta pertolongan".Bahkan hidayah itu sendiri tidak akan

sempurna melainkan dengan jamaah. Sebab itulah kita menyatakan dalam sembahyang kita (dalam al-Fatihah) "tunjukanlah kami jalan yang lurus" bukan "tunjukkanlah aku jalan yang lurus". Maka hidayah yang sebenar dan sempurna ialah hidayah yang terbit dan subur dalam suasana jamaah.

Bila mana kita menyatakan bahawa Islam adalah agama berjamaah, maka sepatutnya kefahaman ini menjadi unsur yang tetap dalam jamaah-jamaah yang menyeru kepada Islam. Tetapi apabila kefahaman ini tidak diendahkan oleh muslimin ditambah lagi dengan usaha sekularis memisahkan agama dengan negara, lantas bangun ketika itu Imam al-Banna memperbaharui dan menyeru kembali kepada kefahaman tersebut.

Oleh yang dcmikian kita nyatakan di sini bahawa amal jama'i merupakan unsur tetap Islam, yang dituntut oleh agama ini walau dengan bilangan yang kecil seperti bermusafir. Sabda Rasulullah s.a.w.

Bermaksud: *"Jika kamu bertiga maka lantiklah seorang ketua".* Jika begitu keadaannya sudah tentu mereka yang ingin menghidupkan kembali umat dan menegakkan tamadun gemilang Islam amat perlu kepada amal jama'i. Ia sepatutnya menjadi unsur tetap bagi mana-mana jamaah yang mcnyeru kepada Islam.

Tidak syak lagi jika kuat iman individu, kuatlah jamaah, jika tidak saf akan longgar atau fikrah mula kabur dan hati mula cenderung pada dunia seperti harta, anak-anak, keluarga, rehat, putus asa, takut, futur dan semangat yang melampau bak kata pepatah "yang dikejar tak dapat, yang dikendung berciciran". Disamping itu wala' juga semakin pudar.

Apabila kita tegaskan kewajipan amal jama'i, maka jalan-jalan ke arah amal jama'i juga ialah suatu kewajipan. Oleh itu suara yang memandang remeh soal amal jama'i ialah seruan untuk melemahkan umat Islam pada zaman segala maslahat dan kepentingan dicapai melalui gabungan dan kompromi.

Pengertian jamaah hanya sempurna pada diri seseorang itu apabila dia;

1- Merasa bangga dengan komitmennya pada jamaah.
2- Merasa tenang dan puas berada dalam jamaah
3- Merasa bahawa jamaah memenuhi impiannya
4- Merasa bahawa ia sebahagian daripada jamaah, memberi dan menerima
5- Dia bersamanya dan tidak bersama yang lain, jika ia tidak bersamanya, jamaah akan bersama orang lain

Firman Allah taala;

وَإِن تَتَوَلَّوْاْ يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُونُوٓاْ أَمْثَٰلَكُم

Dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertaqwa dan berderma) ia akan menggantikan kamu Dengan kaum Yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.(Muhammad:38)

Dan dalam ayat yang lain Allah menggariskan apakah ciri-ciri kaum pengganti tersebut, firman-Nya.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَن يَرْتَدَّ مِنكُمْ عَن دِينِهِۦ فَسَوْفَ يَأْتِى ٱللَّهُ

بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ أَذِلَّةٍ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ يُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَآئِمٍ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٥٤﴾

Wahai orang-orang Yang beriman! sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari ugamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum Yang ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang Yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang Dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang Yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah Yang diberikanNya kepada sesiapa Yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi meliputi pengetahuanNya.(Al-Maidah:54)

Inilah perbezaan di antara kelompok yang tiada ikatan, pemimpin dan manhaj dengan jamaah yang mempunyai ikatan jiwa dan perasaan, kasih sayang dan sistem, objektif dan wasilah, tentera dan pemimpin. Matlamat mereka ialah Allah. Oleh sebab itulah satu-satunya jalan untuk menegakkan syariat Allah adalah dengan pengislahan individu agar bertaqwa, bina keluarga agar menjadi muslim, membimbing masyarakat agar menerajui nilai, prinsip, akhlak dan syiar Islam di segenap bidang, berdakwah dengan nasihat dan kebijaksanaan menuntut perlaksanaan syariat melalui cara aman dan syarie. Semuanya itu dilaksanakan melalui jamaah yang mempunyai kekuatan ukhuwah dan kekuatan iman.Atas sebab-sebab inilah Rasulullah s.a.w menyeru kita agar hidup, berkerja dan bertindak secara berjamaah, dengar dan taat dalam banyak hadith baginda s.a.w. Tetapi dengar dan taat tidak akan berlaku tanpa proses tarbiyah perlahan-lahan dalam jamaah.

UNSUR KETIGA

Tarbiyah dan menjauhi kekerasan adalah jalan kita.

Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai manhaj kecuali al-Quran dan tidak memiliki kolej atau universiti kecuali masjid. Pelajar-pelajarnya pula iaiah Abu Bakar, Umar, Othman, Ali r.a dan para sahabat yang mendapat tarbiyah dari madrasah masjid ini. Tetapi dari madrasah masjid inilah mereka bergerak menegakkan sebuah tamadun yang mengubah rupa dunia dengan manhajnya. Adakah kamu pernah melihat institusi pendidikan yang lebih hebat dari madrasah Rasulullah s.a.w. ini? Sekumpulan manusia duduk di atas pasir di dalam universiti yang dibumbungi pelepah tamar. Apabila hujan, air menitik ke atas tubuh mereka. Mereka menunggu wahyu dari langit. Iman menyatukan mereka semua. Mereka ialah kaum yang miskin, pengembala kambing. Tetapi mereka mulia dengan agama ini. Firman Allah taala ;

وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ



… padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi RasulNya serta bagi orang-orang Yang beriman; akan tetapi golongan Yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat Yang sebenarnya).(Al-Munafiqun:8)

Dicucuri dengan rahmat Yang Maha Agung, dibaca di dalamnya ayat-ayat –Nya yang suci dan dilimpahi dengan cahaya Tuhan sekelian alam. Natijahnya ialah kelahiran generasi pembimbing seluruh dunia.

Soalan yang berlegar-legar di kotak fikiran kita ialah: Apakah yang difikirkan oleh generasi itu? Apakah yang mereka mahukan?

Sebenarnya mereka mahu mengubah fikiran manusia kearah fikiran yang baru. Mereka mahu membina kemanusiaan yang baru. Mereka mahu menghubungkan langit dengan bumi melalui ubudiyah seperti yang diulangkan dalam solat mereka;

"Hanya Engkau yang karni sembah dan hanya kepada-Mu kami pohon pertolongan".

Untuk itu mereka telah menghimpunkan hati-hati hamba kepada Tuhannya. Mereka semaikanke dalam jiwa manusia perasaan yang baru sehingga ianya mampu melahirkan sebaik-baik umat yang dibangkitkan untuk manusia, sebagaimana kemahuan Allah, melalui tarbiyah yang ditunjangi tiga perkara, dengan ketiga perkara itu mereka laksanakan ubudiyah:

Pertama: Iman yang sempurna.

Dengan memiliki iman yang sempurna sudah pasti mereka akan meninggalkan semua tujuan kecuali tujuan dakwah. Mereka peruntukkan segala yang mereka milliki untuk dakwah. Mereka tidak sekali-kali tertarik dengan tamadun Rom dan Parsi walaupun kedua-dua tamadun itu memiliki limpahan kebendaan dan kemajuan ilmu yang tinggi. Ini kerana mereka mengetahui bahawa Rom dan Parsi berada dalam kesesatan. Parsi sesat kerana mereka menyembah hawa nafsu syahwat. Rom pula, kerana mereka menjadikan paderi dan pendita sebagai tuhan selain Allah. Begitulah pandangan para sahabat terhadap manusia di sekeliling mereka. Iman sebeginilah yang mereka belajar dari madrasah Rasulullah s.a.w.

Madrasah itu mendidik mereka supaya mereka berada di atas kebenaran yang nyata, kerana mereka tidak menyembah berhala juga tidak dituntun hawa nafsu dan syahwat. Mereka tidak menyembah kecuali Allah, tidak bergantung kecuali kepada Allah, tidak tunduk kecuali kepada Allah, tidak meminta kecuali kepada Allah, tidak seronok kecuali dengan perasaan rindu pada Allah, tidak bersedih kecuali kerana dosa yang menjauhkan mereka daripada Allah. Semuanya itu menghimpunkan hati-hati mereka, setelah mereka mengetahui bahawa bumi Allah ini akan diwarisi oleh sesiapa yang dikehendaki-Nya" dan kesudahannya bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh yang demikian, hilanglah unsur-unsur perbezaan yang memecahkan mana-mana jamaah, yang menjauhkan antara hati-hati kerana mereka telah dicelup dengan celupan yang baru. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al Baqarah yang bermaksud ;

(Katakanlah wahai orang-orang beriman: "Islam yang kami telah scbati dengannya ialah): Celupan Allah (yang mencorakkan seluruh kehidupan kami dengan corakan Islam); dan siapakah yang lebih baik celupannya darilpada Allah?

Kedua: Cinta, kasih sayang, pertautan hati dan ruh antara mereka.

Untuk apa lagi mereka bersengketa? Adakah kerana dunia yang fana? Atau kerana perbezaan gaji, jawatan dan gelaran, sedang mereka tahu firman Allah Taalu yang menyatakan *"sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsa).* Tidak ada lagi faktor yang boleh memecah belahkan mereka, selaku pencipta sejarah dan tamadun rabbani. Oleh itu mereka bersatu dan bersaudara di jalan Allah. Tiada di antara mereka yang mencela saudaranya, bahkan mereka berkasih sayang sehingga sampai ke peringkat ithar (mendahulukan saudara daripada diri sendiri), kerana mereka membaca firman-Nya,

قُلْ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَٰنُكُمْ وَأَزْوَٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَٰلٌ ٱقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُوا۟ حَتَّىٰ يَأْتِىَ ٱللَّهُ بِأَمْرِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾

Katakanlah (wahai Muhammad) "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri kamu (atau suami-suami kamu), dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah ternpat tinggal yung kamu sukai,(jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab siksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi pertunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka). (At Taubah ; 24)

Justeru itu, cinta mereka kerana Allah, marah mereka kerana Allah, mereka memberi kerana Allah, mereka tidak memberi kerana Allah. Jiwa mereka sebati dengan ukhuwwah yang mereka gunakan untuk memerangi manusia (kafir). Begitulah mereka ditarbiyah.

Ketiga: Mereka juga ditarbiyah untuk sanggup berkorban, menyerahkan segala apa yang mereka ada kepada Allah.

Sehingga ada di kalangan mereka yang tidak tergamak untuk mengambil hak pembahagian mereka daripada ghanimah yang jelas telah dihalalkan oleh Allah Taala, sehingga Allah menurunkan wahyu-Nya mengenai kebimbangan mereka dengan firman-Nya di dalam surah Al Anfal ayat ke 69 yang bermaksud: Maka makanlah daripada apa yang kamu telah dapat (dalam pcperangan) itu, sebagai benda yang halal lagi baik. Oleh yang demikian mereka telah berjaya keluar daripada lingkungan kehinaan kepada kemuliaan, daripada perpecahan kepada kesatuan dan daripada kejahilan kepada keilmuan, seterusnya melayakkan mereka menjadi peneraju sebuah tamadun, pembimbing manusia dan penghuni syurga. Semuanya itu mereka perolehi hasil tazkiyah (pembersihan jiwa) dari Rasulullah s.a.w. "

Memahami Tajdid Islami

Kemajuan moden tidak dapat memahami pengertian tarbiyah yang menjadi tunggak binaan. Kemungkinan ada yang bertanya apakah hubungan antara

tarbiyah dan tamadun Islam? Ini disebabkan pendidikan, gaya hidup dan pemikiran barat telah menghalang mereka daripada dapat memahami tunjang tamadun Islam. Sedangkan apa yang kita perkatakan merupakan asas dan tapak tamadun Islam. Jika pengertian ini hilang daripada sesuatu umat, maka tamatlah tempoh hayatnya.

Kemajuan dalam bidang politik dan ekonomi yang mengkagumkan ramai manusia, sedangkan ianya dipisahkan daripada nilai akhlak dan aqidah, dianggap sebagai budaya dan tamadun di sisi bukan Islam. Sedangkan di sisi kita orang Islam, ianya merupakan ibadat, didirikan di atas asas iman dan akhlak, di samping menerima segala penemuan dan ciptaan baru. Kita amat bersikap terbuka dengan perkara baru, selama mana asasnya lslam. Bahkan kita tidak mencipta perkataan pembaharuan, tapi Allah Taala sendiri yang mensyariatkan pembaharuan

اِنَّ اَللهَ يْعَث لهذه الأمة على رَأسِ كل مائة مَن يُجَدِّد لها دينها

Yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah akan membangkitkan untuk umat ini seorang yang memperbaharui urusan agamanya pada setiap seratus tahun". Oleh itu tajdid dalam urusan agama ialah syarie selama mana tidak menyentuh unsur-unsur tetap, selain mempunyai garis panduan dan asas-asasnya.

Perkara-perkara yang perlu ditajdid ialah kefahaman umat terhadap Islam agar kembali sahih. Begitu juga keimanan mereka perlu ditajdid agar ibadat yang ditunaikan tidak sekadar syiar semata-mata, di samping ilmu dan iltizam agar mereka menghayati Islam sehingga menjadi sebati dengan kehidupan mereka dan mereka berdakwah pula kepada seluruh manusia. Itulah perkara-perkara tajdid dalam pentarbiyahan individu. Unsur-unsur tetap dakwah tidak menerima sebarang tajdid seperti amalan al-Imam al-Banna.


Negara Islam telah ditegakkan dengan usaha manusia melalui proses tarbiyah yang panjang dan berperingkat-peringkat. Melalui proses tersebut terbentuklah sebuah masyarakat yang berasaskan aqidah tauhid sebagai rangka dan garis panduan kepada proses pembinaan itu sendiri. Aqidah tauhid ini, selain mengenepikan segala sistem dan kaedah jahiliyah, ia juga telah menggariskan aktiviti-aktiviti dan gerakan jamaah muslimah pada ketika itu agar negara yang ditegakkan ialah hasil tabii daripada masyarakat yang berasaskan aqidah tadi.

Scbenarnya melaksanakan tugasan sebuah negara Islam bererti melaksana dan mencapai tujuan-tujuan syarak yang memenuhi keperluan nilai-nilai asasi manusia. Sudah tentunya keperluan nilai-nilai asasi itu tidak akan dapat dipenuhi kecuali melalui rijal yang beriman dan berdakwah kepada fikrah mereka serta sanggup berkorban untuk itu. Oleh yang demikian tarbiyah ialah jalan kita untuk merubah, bukannya kekerasan.

Tarbiyah dan peranannya menolak keganasan

Islam sekali-kali tidak akan tertegak kecuali di atas bahu-bahu pendukungnya yang menepati janji mereka kepada Allah. Jiwa mereka memandang besar akhirat, manakala dunia dipandang remeh dan hina. Mereka tidak beramal kecuali dengan ketaatan. Keyakinan ynng bertapak dalam jiwa mereka mampu menolak segala kekeliruan dan was-was.

رَبَّنَآ ءَامَنَّا بِمَآ أَنزَلۡتَ وَٱتَّبَعۡنَا ٱلرَّسُولَ فَٱڪۡتُبۡنَا مَعَ



Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan, dan kami mengikut Rasul(Mu); oleh itu suratkanlah kami berserta orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui keesaan-Mu dan kebenaran rasul-Mu). (Ali Imran ; 53)

Dengan jiwa yang sedemikian mereka mara dengan keazaman dan himmah yang tinggi. Aqidah pendorong mereka, manakala halatuju ditentukan oloh fikrah. Sebab itu mereka berjaya menterjemahkan fikrah ke alam realiti, kerana fikrah tidak akan menjadi kenyataan kecuali fikrah tersebut diimani oleh pendukungnya, ikhlas dan bersemangat memperjuangkannya, dan wujud kesediaan untuk berkorban demi melaksanakannya.

Fikrah yang baik memerlukan tiga faktor untuk berjaya:

1- Tasawur fikrah benar-benar jelas pada pendukungnya.
2- Iman pendukung yang mendalam terhadap fikrah.
3- Kcsatuan yang kuat di antara pendukungnya.

Fikrah yang sahih memerlukan kepada peribadi Islam yang unik bertepatan dengan manhaj rabbani. Yang mana manhaj ini tidak dating bersamanya unsur-unsur batil dan merosakkan. Ini kerana ianya datang daripada Yang Maha Bijaksana dan Yang MahaTcrpuji. Manakala Rasulullah s.a.w. sebagai qudwah yang telah menggariskan jalan amal. Bila baginda menunjukkan yang halal, mereka akan patuh mengikutinya. Bila baginda menunjukkan yang haram, mereka patuh menjauhinya. Baginda menekankan bahawa kesenangan dan kesusahan itu merupakan ujian, maka ia memerlukan kesabaran menghadapinya. Inilah individu yang mampu mengekalkan kelansungan masyarakat yang dibina ketika mana ia menjadi agen perubahan dan wacana kepada misi pengislahan.

Rasulullah s.a.w. telah menerangknn bahawa umat satu ketika nanti akan ditimpa kesusahan dan dikerumuni oleh golongan kafir. Situasi ini hanya akan dapat diselamatkan oleh individu muslim yang berkeperibadian tinggi. Sabdanya: " Sesungguhnya Allah membangkitkan seseorang yang memperbaharui urusan agama ini pada setiap seratus tahun".

Ia adalah seorang muslim yang meredai Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama, Muhammad sebagai nabi dan rasul, beriltizam dengan semua perintah Allah dan melaksanakannya tanpa mengambil peduli akan tuntutan hawa nafsunya seraya berkata dengan yakin seperti mana firman Allah.

قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحۡيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾

لَا شَرِيكَ لَهُۥۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرۡتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

"Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekelian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) ialah orang-orang Islam yang awal pertama (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahnya)". (AlAnam; 162-163)

Untuk mencapai tahap individu sedemikian, ia memerlukan kepada penyerahan diri dan jiwa, pengawalannya sehingga seseorang itu merasakan diri dan jiwanya itu berada ditangan-Nya, diuruskan sekehendak-Nya.

Perasaan sebegini akan melahirkan intimak (penggabungan diri) kepada agamanya. Lalu dia beriltizam dengan manhaj Allah dalam kehidupannya. Hawa

nafsunya mcnurut apa yang didatangkan oleh Rasulullah s.a.w. Lantas ia akan menyakini bahawa penciptaannya hanyalah untuk melunaskan amanah risalah ini. Perasaan kasihnya melitupi seluruh sanubarinya dan ia mengharap semata-mata keredaan-Nya apabila ia kembali menemui-Nya.

Inilah sakhsiah berkualiti yang mengimani apa yang ia perkatakan dan apa yang ia sematkan. Tindakannya ialah kajian dan manifestasi manhaj nubuwwah yang menjadi sebagai tujuan dan matlamat. Sehingga jadilah seluruh kehidupannya interpretasi kepada risalah yang agung ini.

Objektif dan matlamat

Sebenarnya setiap amalan yang dilakukan oleh manusia tidak kira kecil atau besar, didorongi oleh kekuatan dalaman yang terbit dari hati dan perasaan. Ini kerana setiap manusia akan melakukan sesuatu amalan berdasarkan tujuan yang ingin dicapainya. Apabila kekuatan ini yang sepatutnya menjadi batu asas tiada, ianya memungkinkan kegagalan kepada amal dan usaha yang dilakukan. Segala cita-cita tidak akan kesampaian. Bahkan ianya akan menyebabkan kepenatan, bagaikan mereka yang mengejar bayang-bayang. Sedangkan usaha tersebut tidak memberi apa-apa impak pun kepada realiti sebenar.

Ini kerana setiap manusia akan melaksanakan amal dan perkerjaannya berdasarkan matlamat dan objektif yang telah digariskan. Maka ia akan berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif tersebut tanpa mengambil kira kesusahan dan kepayahan yang akan dihadapinya dalam usahanya mencapai apa yang dicita-citakannya. Barang siapa yang mengetahui apakah hakikat sebenar kehendaknya (amal), maka segala kewajipan yang terpikul terasa ringan dan mudah. Manusia akan meletakkan objektif berada di hadapan mata, walaupun objektif itu masih jauh. Kerana baginya segala usaha yang dilakukan akan merapatkannya dengan jarak tujuan yang hendak dicapai. Yang mana sudah pasti usaha dan amal tersebut memerlukan pcngorbanan kelapangan masa, kerehatan jasad dan keringanan fikiran. Sehingga ada ketikanya ia akan mengorbankan harta dan kehidupannya sebelum ia berjaya mengecapi kejayaannya. Benarlah sabda baginda Rasulullab s.a.w.

حفت الجنة بالمكا ره

Bermaksud: "Jalan ke syurga dipenuhi dengan kepayahan". Sudah tentunya syurga merupakan matlamat tertinggi seseorang insan akan diranjau dengun seribu satu kepayahan. Maka usaha dan pengorbanan mesti dilakukan untuk mencapai syurga tersebut.

Kefahaman yang kita pelajari

Manhaj al-Imam al-Banna mengajar kita bahawa sebelum seseorang insan memulakan langkah pertama untuk mencapai sesuatu objektif, ia memerlukan kepada dua asas utama iaitu:

Pertama: Dia mestilah beriman (yakin) dengan objektif itu. *Kedua:* Dia mestilah yakin berupaya dan mampu mencapai objektif yang diimaninya itu, dengan izin Allah.

Ini disebabkan mengimani objektif dan berkeyakinan mampu mencapai objektif tersebut, ialah dua syarat asasi bagi setiap amal yang serius. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. menunjukkan contoh dan teladan di sepanjang perjalanan hidup dan dakwahnya. Baginda amat tekun, tidak jemu dan bosan bekerja dan berdakwah walaupun Allah s.w.t. telah menjanjikan kemenangan kepada baginda.

Dengan keimanan dan tasawur beginilah al-Imam al-Banna telah memulakan

dakwahnya, selepas beliau menetapkan objektif-objektifnya. Objektif-objektif tersebut, yang berpandukan manhaj Rasulullah s.a.w. sama ada taarif (peringkat memperkenalkan Islam), takwin (peringkat pembentukan peribadi muslim dan muslih) dan tanfiz (peringkat perlaksanaan dan pengorbanan dalam tugas memenangkan Islam), tidak dapat dicapai kecuali melalui tarbiyah secara perlahan-lahan. Objektif-objektif tersebut ialah:

1- Membangkit ruh keimanan
2- Mentarbiyah individu merangkumi pentarbiyahan ruh, jasad, akal dan perasaan dan seluruh aspek kehidupan.
3- Membentuk keluarga muslim berasaskan tarbiyah ini.
4- Mewujudkan masyarakat yang individunya telah ditarbiyah dan melaksanakan manhaj Islam dalam realiti kehidupan.
5- Menghidupkan kembali khilafah Islamiah yang telah lama kita rindui.
6- Memartabatkan kembali kedudukan identiti dan penguasaan di peringkat antarabangsa umat Islam sebagai sebaik-baik umat yang dikeluarkan bagi manusia.

Semua objektif itu menuntut amal daripada akar umbi yang berterusan dan tersusun untuk mengembalikan Islam sebagai pemimpin masyarakat. Usaha mengatur kembali kehidupan berdasarkan arahan, larangan dan syariat Allah bukan sekadar melalui kata-kata dan ucapan atau buku-buku, walaupun semuanya itu dituntut. Ceramah, pidato, buku dan makalah hanyalah satu daripada harakah, bukan keseluruhan harakah.

وَقُلِ ٱعۡمَلُواْ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمۡ وَرَسُولُهُۥ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ

Dan katakanlah (wahai Muhammmad): "Beramallah kamu (akan segala yang perintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan. (At Taubah; 105)

Amal di peringkat akar umbi masyarakat yang tersusun dan berterusan ini hanya boleh dilakukan hasil dari dorongan jati diri dan keyakinan peribadi yang menjadikan keredaan Allah sebagai matlamat agung.

Dorongan dalaman itu bermula apabila seseorang muslim yang telah mendapat sedikit sebanyak sentuhan kebangkitan Islam. Kesannya ia akan merasa serba salah akibat daripada suasana bertentangan yang berlaku antara imannya dan realiti sekelilingnya. Bertitik tolak daripada rasa kecintaan kepada agamanya, ia akan berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri dan saudaranya, juga menyumbang ke arah perlaksanaan syariat, kesatuan umat Islam, pembebasan bumi Islam yang telah dijajah, mengembalikan khilafah, memperbaharui kewajiban berdakwah dan amar makruf nahi mungkar, seterusnya ia berjihad di jalan Allah dalam segala kategorinya; kuasa, lisan dan hati yang (menggambarkan selemah-lemah iman). Semuanya itu perlu kepada kef'ahaman dan tarbiyah.

Oleh sebab itu, kandungan dakwah al-Imam al-Banna ialah menggerakkan semula umat daripada lamunan yang panjang, mengejutkan kembali minda umat agar mereka faham, menyentuh hati umat supaya mereka beriman, menghidupkan keinginan umat agar mereka berazam dan menggerakkan anggota umat agar mereka berkerja.

Dakwah ialah:

1. Amal fikri (usaha minda) yang menerangi akal.
2. Amal dakwi (usaha dakwah) yang mendorong perasaan.
3. Amal tarbawi (usaha pentarbiyahan) yang melahirkan peribadi Islam yang seimbang.

4. Amal ijtima'i (usaha kemasyarakatan) yang menyumbang menyelesaikan permasalahan masyarakat dan menyebarkan kebaikan.
5. Amal iktisadi (usaha ekonomi) untuk membebaskan ekonomi negara daripada cengkaman barat dan riba.
6. Amal siyasi (usaha politik) untuk menegakkan pemerintahan negara yang melaksanakan hukum Islam.
7. Amal jihadi (usaha jihad) untuk membebaskan tanah milik umat Islam di serata dunia daripada penjajahan asing melalui manhaj Nabi s.a.w.

Perkara yang kita perkatakan ini perlu kepada penegasan bahawa Islam ialah risalah tarbiyah sebelum menjadi risalah tanzim dan tasyri', risalah nilai dan neraca sebelum menjadi risalah jihad dan perang. Oleh yang demikian, ia perlu kepada kefahaman.

Pertama: Objektif daripada perlaksanaan manhaj Nabi s.a.w. adalah untuk mewujudkan realiti amali yang Islamik, di mana hukum-hukum syariat dilaksanakan secara ruh dan nas. Tidak sepatutnya kita menuntut Islam menyelesaikan permasalahan yang kita hadapi sebelum kita sendiri mewujudkan satu realliti persekitaran yang dilaksanakan syariat dan hukum dalamnya. Dan perkara ini tidak boleh diwujudkan dengan paksaan tetapi dengan tarbiyah, keyakinan dan iman.

Kedua: Amal untuk mencapai objektif objektif tersebut hendaklah dilakukan melaluil perancangan berperingkat-peringkat. Amal tidak seharusnya berganjak ke satu peringkat kecuali setelah objektif peringkat sebelumnya tercapai. Begitu juga amal dalam peringkat-peringkat ini hendaklah bersifat anjal kerana tabiatnya yang saling kait mengait antara satu sama lain. Ini kerana pencapaian objektif mana-mana peringkat akan membantu usaha mencapai objektif di peringkat seterusnya, seperti mana pencapaian semua objektif di semua peringkat akan menyumbang ke arah pencapaian objektif terbesar. Oleh itu kewujudan indivldu muslim akan membantu pembentukan usrah muslimah. Kewujudan usrah muslimah pula akan membantu pembentukan mujtama' (masyarakat) muslim, begitulah seterusnya.

Ketiga: Amal untuk mencapai objektif-objektif tersebut hendaklah dilakukan secara kolektif, yang mempunyai pimpinan yang berakar umbi dalam masyarakat dan mengepalai kelompok mukmin. la bekerja untuk membentuk pendapat umum yang Islamik, yang akan menggembeling pelbagai tenaga bagi mencapai objektif Islam. Amal fardi (individu) tidak mampu mencapai objektif-objektif tersebut, di samping Islam sendiri agama jamaah yang mentarbiyah individunya dengan pongertian ini.

Manhaj Tarbiyah Islam

Islam telah melakarkan manhaj tarbawi yang menyatukan akidah dahulu sebelum penyatuan sistem dan aktiviti-aktiviti. Ini disebabkan penyatuan perasaan mendahului penyatuan undang-undang dan sistem. Pengertian yang agung dan mulia ini jelas kelihatan dalam setiap cabang amal Islam.

Manusia telah terbiasa untuk melihat kepada zahir atau bentuk luaran sesuatu dakwah. Mereka tidak mengendahkan aspek dorongan mental dan inspirasi ruh yang sebenarnya merupakan punca tenaga, sumber kekuatan dan faktor kejayaan. Hampir mustahil sesuatu umat boleh bangun tanpa kesedaran dan kekuatan jiwa. Firman Allah s.w.t.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡ

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum

sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. (Ar Ru'du ; 11)

Oleh yang demikian, prioriti utama dakwah kita ialah usaha menyedar dan menghidupkan akal, hati, perasaan dan jiwa. Kita mahukan jiwa yang hidup, hati yang sentiasa segar, perasaan yang bersemangatt, akal yang faham, ruh yang bercita-cita besar untuk mencapai idealisme dan objektif yang tinggi. Semuanya itu kerana kita mencontohi dakwah yang pertama, dakwah Rasulullah s.a.w. Tasawur kita amat perlu dirujukkan kepada zaman Rasulullah s.a.w. yang penuh dengan limpahan cahaya wahyu itu.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. menyemai benih-benih iman ke dalam hati para sahabat baginda terhadap keagungan risalah, rasa mulia dengan menganutnya dan rasa yakin dengan bantuan Allah. Baginda menghidupkan perasaan-perasaan itu dalam hati para sahabat dan meletakkan objektif-objektif mereka dalam kehidupan ini. Daripada situ mereka bangkit bersama risalah yang tersemat di dada dan mushaf mereka, terjelma pada akhlak dan perbuatan mereka. Maka terbinalah satu kemajuan nilai dan tamadun akhlak yang agung. Kekuatan dorongan perasaan dan kesedaran ruh yang mesti melimpahi jiwa manusia yang menjadi fokus dakwah kita seharusnya mempunyai kesan amali dalam kehidupan mereka. la juga mestilah didahului dengan satu kebangkitan amal individu, keluarga dan masyarakat.

Kebangkitan tersebut akan menjadikan individu contoh teladan yang akan memberi kesan pada insitusi keluarga. Keluarga yang baik akan membentuk masyarakat yang baik. Masyarakat Islam ialah himpunan keluarga-keluarga yang menjadikan Islam sebagai manhaj kehidupan.

Islam tidak akan tertegak kecuali di atas bahu rijal yang dihimpun oleh manhaj tarbiyah amali (manhaj tarbiyah yang membentuk pcndukungnya untuk berkerja bukan semata-mata berteori dua berkata-kata semata mata). Mereka dipimpin oleh pemimpin yang bijaksana dan beriltizam dengan syariat Allah, sunnah Rasul-Nya dan amalan para salaf. Peranan dan kerja mereka semua tersusun dalam sebuah jamaah. Mereka bergerak dengan kuat dan penuh keazaman kerana didorong oleh aqidah, dipandu arah oleh tasawur ke arah perlaksanaan fikrah ke alam realiti. Kesemua manhaj dan pengertian itu tidak dapat dilaksanakan dengan paksaan, tetapi hanya dengan tarbiyah secara perlahan-lahan yang menggabungkan di antara ilmu dan amal. Itulah sebabnya antara tugasan Rasul s.a.w. ialah seperti firman Allah Taala.

هُوَ ٱلَّذِى بَعَثَ فِى ٱلْأُمِّيِّـۧنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُواْ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِهِۦ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ
ٱلْكِتَـٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَإِن كَانُواْ مِن قَبْلُ لَفِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang ummmiyin, seorang rasul (Muhammad s.a.w.) daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (daripada itikad yang sesat), serta mengajarkan mereka kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (Al Jumaah; 2)

Mencontohi dakwah yang pertama

Dakwah Ikhwan Muslimin bukanlah suatu bidah tetapi ialah penerusan kepada dakwah yang pertama, dakwah Rasulullah s.a.w. Ikhwan cuba untuk menghidupkan semula iman di hati dan jiwa umat, agar ia lahir dalam tindak

tanduk mereka. Jika mereka berbuat demikian nescaya pertolongan dan bantuan Allah akan bcrsama mereka. Oleh itu dorongan dalaman merupakan satu perkara penting yang tidak boleh dipandang ringan atau dilupakan kerana ia adalah faktor kejayaan asasi dakwah dan risalah ini.

Risalah ini ialah risalah yang cuba memandu seluruh manusia kepada hidayah, membimbing mereka kepada kebaikan, menerangi alam dengan cahaya Islam seperti mana firman Allah.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱرۡكَعُواْ وَٱسۡجُدُواْ وَٱعۡبُدُواْ رَبَّكُمۡ وَٱفۡعَلُواْ ٱلۡخَيۡرَ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ۩ ﴿٧٧﴾ وَجَٰهِدُوا فِي ٱللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِۦۚ هُوَ ٱجۡتَبَىٰكُمۡ وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖۚ مِّلَّةَ أَبِيكُمۡ إِبۡرَٰهِيمَۚ هُوَ سَمَّىٰكُمُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ مِن قَبۡلُ وَفِي هَٰذَا لِيَكُونَ ٱلرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيۡكُمۡ وَتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِۚ فَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱعۡتَصِمُواْ بِٱللَّهِ هُوَ مَوۡلَىٰكُمۡۖ فَنِعۡمَ ٱلۡمَوۡلَىٰ وَنِعۡمَ ٱلنَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkan-Nya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya; Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agama-Nya); dan la tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susahpayah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. la menamakan kamu ; "orang-orang Islam" semenjak dahulu dan di dalam (al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kau pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah sembahyang dan berikanlah zakat serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifat-Nya) Dialah sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik pemberi pertolongan. (Al Hajj; 77-78)

Pengetahuan Imam al-Banna

Al Imam al Banna telah mengetahui satu hakikat melalui pembacaan, kajian dan analisa sejarah kebangkitan dan tamadun umat manusia. Oleh itu jelas kepadanya bahawa dakwah tidak akan dapat dijayakan tanpa rijal mukmin yang kuat.

Al-Imam al-Banna juga mengetahui bahawa membina rijal sebegitu merupakan keutamaan yang mesti diberi perhatian oleh para muslih. Ini tergambar dengan jelas dalam risalahnya bertajuk : Ke Mana Kita Seru Manusia di bawah topik Di Mana Kita Hendak Bermula. Beliau berkata: "Proses membentuk umat, mentarbiyah bangsa, mencapai cita-cita dan memperjuangkan prinsip, memerlukan daripada kelompok yang mengusahakannya sekurang kurangnya kepada beberapa perkara:

1. Kemahuan yang kuat tidak disulami erti kelemahan.
2. Kesetiaan yang tetap tidak dicemuri hipokrit dan khianat.
3. Pengorbanan yang mulia tidak dibatasi ketamakan dan kebakhilan.

4. Mengenali, mengimani dan memandang tinggi prinsip, yang menghindarkan daripada kesilapan dan penyelewengan atau toleransi dan tertipu dengan selainnya (prinsip).

Mana-mana bangsa atau sekurang-kurangnya para pemimpin atau pendakwah yang kehilangan keempat-empat sifat ini, maka mereka ialah golongan yang lemah yang tidak akan mampu berjaya dan mencapai impian. Mereka hidup dalam suasana mimpi, khayalan dan cita-cita kosong semata-mata. Allah pernah berfirman:

إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغۡنِى مِنَ ٱلۡحَقِّ شَيۡـًٔا ۚ

sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu daripada kebenaran (itikad). (Yunus; 36)

Ini merupakan undang-undang Allah dan amanah-Nya kepada makhluk, dan kamu tidak akan sekali-kali menjumpai perubahan pada sunnah-Nya.

Melalui tarbiyah ini individu akan menjadi seorang insan yang tidak mengejar nafsu syahwatnya, tidak juga menjadikan harta dan kekayaan sebagai matlamat. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

" Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekelian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan." (Al An'am ; 162,163)

Tarbiyah sebenarnya merupakan topik yang penting dalam kehidupan mana-mana umat. Sesuatu umat tidak akan maju tanpa tarbiyah di atas dasar yang sahih. Tanpa tarbiyah akan berlaku kepincangan neraca dan nilai dalam semua lapangan
kehidupan.

Tarbiyah juga merupakan pelaburan. Kejayaan pelaburan dalam bidang pembangunan sumber tenaga manusia akan memastikan kejayaan pelaburan dalam sektor-sektor lain.

Hasil tarbiyah Islamiah akan melahirkan individu muslim yang mempunyai sifat-sifat berikut:-

1 - Bersikap positif terhadap kehidupan, tidak menyendiri atau melarikan diri daripada realiti dan tidak berpeluk tubuh.

2 - Mempunyai kemahuan yang kuat, mampu mengambil keputusan dan bertanggungjawab terhadap segala tindakannya setelah ia mengenali kebenaran.

3 - Mempunyai jiwa yang mendorongnya melaksanakan segala kewajiban terhadap diri sendiri dan masyarakat.

4 - Memiliki kebijaksanaan hasil pengalaman dalam pelbagai situasi kehidupan. Ia sentiasa memerhati, berfikir dan mencari hakikat. Mempunyai banyak ikhtiar untuk mencapai tujuannya.

5 - Sentiasa dahagakan ilmu walaupun dalam satu bidang.

6 - Bersikap realistik, boleh menerima hakikat kesilapan dan tidak mengharapkan ganjaran lebih daripada usaha yang dilakukannya serta bertawakkal kepada Allah.

7 - Tegas dan mulia. Tidak sekali-kali memandang mudah haknya dan tidak akan tunduk kepada kezaliman atau
kekerasan. Tidak melakukan kewajipannya sambil lewa.

8- Berjihad dengan fahaman jihad yang sahih dalam Islam. Memulakan

jihad dengan mujahadah jiwa dan nafsu.

9- Berakhlak. Seorang yang memiliki sifat sabar, berani, adil, faqih, lembut, penyayang, membantu orang lain, berbuat baik pada dua ibu bapa, menghubungkan silaturrahim, setia dengan janji, bertolak ansur, tawadhuk, melakukan amar makruf nahi mungkar. menyatakan kebenaran, tidak memandang kepada perkara remeh temeh. Secara sepintas lalu, kelihatan semua sifat itu amat payah dilaksanakan, tetapi sebenarnya mudah jika bcriltizam dengan tarbiyah.

Begitulah jelas kelihatan peranan tarbiyah dalam membentuk individu serta ciri-ciri tarbiyah Islamiah yang sepatutnya ada pada orang-orang Islam, tanpa meniru mana-mana falsafah dan pemikiran barat atau timur.

Garis panduan proses tarbiyah

1- Tarbiah mestilah bersifat realistik dan berperingkat-peringkat. Dengan penekanan kepada kesyumulan tasawur dan kemantapan matlamat tanpa ada unsur-unsur juz'i dalam tasawur. Ianya merupakan fasa amali menghadapi realiti sekeliling. Yang mana proses pentarbiahan perlu mengambil kira dua faktor iaitu f'aktor suasana yang melingkungi dan faktor kemampuan yang di miliki. Bagi menjamin sampai kepada objektif terakhir.

2- Setiap aktiviti dan amal tarbawi mestilah mempunyai hubung kait secara langsung dengan matlamat dan objektif-objektif jamaah. Matlamat kita ialah Allah s.w.t. Objektif amali ialah menegakkan daulah Islam melalui tarbiyah dan pembentukan generasi baru yang berpegang teguli kepada ajaran Islam yang sahih dan melaksanakannya sebagai manhaj kehidupan dalam segenap bidang. Individu perlu menghayati objektif ini dalam aktiviti-aktiviti peribadi dan jamaah. Dalam rangka inilah akan ditentukan jenis aktiviti dan amal tarbawi yang dituntut, begitu juga dengan uslubnya.

3- Mengenal pasti peringkat dakwah untuk menetapkan uslub tarbiyah. Kalau di Mekah, uslub tarbiyah yang keras untuk menghadapi ujian tekanan, qiamullail untuk membina keperibadian. Manakala di Madinah, masjid telah memainkan peranan sebagai pusat takrif, taalim, tarbiyah dan perlaksanaan, di samping pemantapan ukhuwah.

4- Memelihara kaedah-kaedah ilmu usul seperti mendahulukan penolakan mudarat ke atas pengambilan maslahat, melepaskan maslahat yang lebih kecil, menanggung mudarat yang lebih ringan. Semuanya itu dapat mengawal semangat dan aktiviti individu agar tidak membelakangkan saf (jamaah) dalam melaksanakan kewajipannya.

5- Wasilah perubahan ialah individu. Individu hendaklah memperbaiki dirinya sambil mengajak orang lain melakukannya.

Tumpuan kerja-kerja perubahan pada:

1- Merubah fahaman dan pendapat umum dengan cara menyebar luaskan fikrah dan menghimpun penyokong.

Mentarbiyah pengikut dan pendukung dakwah serta membentuk kelompok teras yang menjadi tunjang kepada masyarakat Islam.

Natijah daripada kerja-kerja ini akan kelihatan apabila fikrah tersebar luas dalam masyarakat dan kelompok teras menjadi semakin ramai juga wujudnya kekuatan aqidah dan ukhuwah yang semakin mantap.

Perlu kita sedar bahawa langkah-langkah kita telah ditentukan. Ia ibarat tangga yang dimulakan dengan penekanan aspek Islam, diakhiri dengan ihsan merentasi iman dan taqwa. Para murabbi mestilah menghalakan potensi anak

didik mereka, membangkitkan himmah, membersihkan jiwa dan mendorong ke arah mencapai mercu ihsan.

Manusia pada kebiasaannya seolah-olah berjalan atau berlari dalam usaha mencapai objektif mereka. Tetapi dalam Islam kita menjumpai orang-orang yang boleh mengjangkau jarak yang begitu jauh dengan cepat sekali seperti mana firman Allah taala ;

أُوْلَـٰٓئِكَ يُسَـٰرِعُونَ فِي ٱلْخَيْرَٰتِ وَهُمْ لَهَا سَـٰبِقُونَ ﴿٦١﴾

Mereka itulah orang-orang yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang-orang yang mendahului pada mencapainya. (Al Mukminun ; 61)

Ia adalah perlumbaan dan pertandingan.

Intima' pada Islam bererti menuruti amal yang telah disusun atur. Manakala beriman dengan Allah pula bererti meyakini kewajiban amal dan merasai setiap amalan diperhatikan Allah maka itulah erti takwa.

Ihsan pula ialah daya kreativiti dalam setiap amalan yang dilakukan oleh insan berdasarkan nas at Rasulullah s.a.w.

ان الله يحب اذا عمل احد كم ان يتقنه

"Sesungguhnya Allah s.w.t. menyayangi scseorang di antara kamu melakukan amalan dengan tekun".

Perkara ini memerlukan kita beriltizam dengan tuntutan manhaj tarbawi agar kita mampu mencapai objektif yang dicita-citakan, setelah kita memiliki individu yang telah menyerahkan diri dan potensi yang dimilikinya untuk agama ini. Firman Allah Taala ;

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَـٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَـٰقِيهِ ﴿٦﴾

Wahai manusia! Sesungguhnya engkau sentiasa berpenat lelah (menjalankan keadaan hidupmu) dengan sedaya upayamu hinggalah (semasa engkau) kembali kepada Tuhanmu, kemudian engkau tetap menemui balasan apa yang engkau telah usahakan itu (tercatit semuanya). (Al Insyiqaq ; 6)

Sesungguhnya individu muslim merupakan batu bata asas kepada binaan sama ada keluarga, masyarakat atau negara Islam. Sedalam mana tarbiyah yang diperolehi oleh individu, semantap itulah kekuatan binaan tersebut. Apa-apa kekurangan yang berlaku pada tarbiyah individu akan melemahkan asas binaan, seterusnya binaan itu boleh runtuh, serta merta atau lambat laun - (Us. Mustafa Masyhur ; Jalan Dakwah, Antara Keaslian dan Penyelewengan)

Oleh yang demikian, mesti wujud satu period khusus bagi penekanan tarbiyah dan pembinaan; kerana usaha tarbiyah boleh menjamin kesejahteraan perjalanan amal dalam langkah-langkahnya yang telah ditetapkan, jauh daripada penyelewengan, menghindarkan fitnah dan ketidak matangan, gopoh atau terburu-buru. Tarbiyah merupakan garis panduan syariat dan sunnah amaliah, yang mendidik para sahabat yang telah mengasaskan negara Islam - (Mohammad Ahmad Rasyid ; Al Masar)

Iman sebelum sistem dan struktur

Sesungguhnya kehidupan Islam tidak ditegakkan oleh nas-nas, sistem-sistem dan struktur struktur sahaja. Tetapi ia hanya tertegak dengan usaha orang-orang yang beriman, yang sanggup berkorban untuknya dan bekerja untuk mencapai

objektif-objektifnya. Undang-undang Islam tidak akan mampu melakukan apa-apa perubahan tanpa kehadiran jiwa-jiwa yang berkobar-kobar, yang beribadat dengan perlaksanaan undang-undang tersebut. Itulah istiqamah

وَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ

Serta tetap teguhlah engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepadamu. (As Syura; 15)

Oleh sebab itulah Umar bin al-Khattab berpesan kepada bala tenteranya agar bertaqwa sebelum pertempuran. Dia berkata.

اخوف ما اخا ف عليكم الذ نوب الجيش اخوف عليه من عد و ه

"Perkara yang paling aku takuti ke atas kamu ialah dosa, sesungguhnya dosa tentera lebih menakutkan daripada musuhnya".Abu Darda' juga pernah berkata.

ا يها الناس ‘عمل الصا لح قبل الغزو ‘ فا تما تقا تلون با عما لكم

"Wahai manusia, amalan soleh sebelum peperangan, sesungguhnya kamu berperang dengan menggunakan amalan kamu".

Fudhail bin 'lyad pernah berpesan kepada para mujahidin sebelum mereka keluar ke medan.

عليكم بالتوبة‘ فانها ترد عنكم ما لا تر د ه السيو ف

"Kamu mestilah bertaubat, kerana taubat mempertahankan kamu daripada apa yang tidak mampu dipertahankan oleh pedang".

Hakikat ini menyebabkan Imam Ahmad bin Hanbal, apabila melihat orang-orang yang thiqah dipinggirkan, manakala mereka yang terdiri dari golongan yang tidak dikenali, tidak layak dan ahli bid'ah diberi jawatan, beliau berkata.

اذا رأيتم اليوم شيئا مستويا فتعجبوا

"Jika kamu melihat pada hari ini sesuaatu yang adil, maha kagumilah".

Apabila hawa nafsu mula mengambil peranan iman sebagai neraca.

يقال اار جل ما اعقله‘ وما اظرفه‘ وما اجلده‘ وما فى

قليه مثقال حبة خردل من ايمان

"Maka dikatakan kepada lelaki itu apa yang logik padanya, apa yang menarik padanya dan apa yang mengkagumkannya, sedangkan hatinya tidak beriman walau sebesar biji sawi"

Keadaan ini menyebabkan kerusi pemerintahan jatuh ke tangan orang-orang yang zalim dan diterajui oleh mereka yang fasik dan jahil. Pada hari itu katakanlah dunia telah hancur, kerana orang-orang jahat akan mengatasi mereka yang baik.

Perjalanan dakwah dan aktiviti harakah mempunyai fasa-fasa dan peringkat-peringkat. Setiap peringkat menghubungkan peringkat seterusnya. Oleh itu al-Imam al-Banna telah menggariskan peringkat-peringkat takrif, takwin dan tanfiz. Beliau juga telah menetapkan langkah-langkah, objektif-objektif dan strategi-strategi iaitu dengan membina individu muslim qudwah, rumahtangga muslim berasaskan taqwa, masyarakat Islam yang menunjangi dakwah, kerajaan Islam di semua peringkat; serantau dan antarabangsa, seterusnya *'Ustaziah Alam'.*

Peringkat takrif, mempunyai wasilah-wasilahnya seperti kelas pengajian,

ceramah, forum, seminar, risalah, suratkhabar, majalah, sekolah, hospital, kelab sukan, institusi ekonomi, perkhidmatan sosial dan sebagainya.

Peringkat takwin dan pembinaan; juga mempunyai wasilahnya yang tersendiri seperti qiamullail, puasa, zikir, mukhaiyam, rehlah, riadhah dan bermacam-maeam tugasan lagi. Kesemuanya merupaka wasilah untuk memantapkan sifat muslim pekerja dakwah seperti faham, ikhlas, amal, jihad, pengorbanan, ukhuwah, taat, thiqah, tajarrud, thabat dan pelbagai sifat yang melahirkan rijal. Al-Imam al-Banna tidak berpada dengan kekuatan aqidah dan tarbiyah individu, malah beliau turut memberi perhatian berat kepada kekuatan kesatuan dan ukhuwah di kalangan ikhwah seperti mana yang dilakukan oleh baginda Rasulullah s.a.w. iaitu dengan mempersaudarakan golongan muhajirin dan ansar. Ukhuwah amat penting di sepanjang jalan dakwah dan aktiviti harakah serta jihad. Ia tidak memberi ruang kepada musuh untuk menyelinap masuk ke dalam saf. Firman Allah s.w.t.

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَـٰتِلُونَ فِى سَبِيلِهِۦ صَفًّا

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh. (As Soff; 4)

Oleh sebab itulah al-Imam al-Banna telah menjadikannya (ukhuwwah) sebagai salah satu rukun baiah. Ukhuwah merupakan tarbiyah dan penanggungan yang meninggalkan kesan dan hasilnya.

Jika anda di kalangan mereka yang serius dalam perkara ini, nescaya Allah Taala akan menetapkan kaki-kaki anda ketika menelusuri jalan ini. Hati-hati anda akan dihiasi dengan iman dan benci kepada kekufuran dan kefasikan. Anda akan mendapat petunjuk daripadaNya yang mana ianya ialah kelebihan dan nikmat Allah kepada anda. Maka hati-hati ini akan berkumpul untuk mentaati-Nya bertemu untuk mentaati-Nya, bersatu untuk memikul dakwah-Nya dan berjanji untuk memenangkan syariat-Nya. Muka anda dan saudara-saudara anda tergolong di kalangan mereka yang mengimani keagungan dakwah dan kemuliaan fikrah ini. Dan mereka inilah yang benar benar berazam untuk mati dan hidup di atas jalan dakwah ini. Maka akan terserlahlah dalam diri anda sifat-sifat mujahidin sama ada akhlak atau suluk. Sebagaimana firman Allah.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

"Engkau sahaja (ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami meminta pertolongan. Tunjukkanlah kami jalan yang lurus. iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat. (Al Fatihah ; 5-7)

UNSUR KEEMPAT

Usrah adalah tunjang tarbiyah

Manhaj perubahan di sisi kita bermula dengan pembentukan jiwa yang tunduk, takut dan khusyuk kepada Allah Taala. Manhaj ini ialah unsur tetap jamaah, ianya bukan suatu taktik seperti yang disangka sebahagian manusia. Manhaj ini merupakan prinsip akhlak dan agama yang tetap selama-lamanya. Sesungguhnya Allah mewariskan bumi ini kepada mereka yang ia kehendaki. Maka prinsip ini akan menolak segala bentuk pendekatan keganasan. Kita berpegang teguh bahawa tarbiyah sebagai jalan yang tiada pilihan lain selain daripadanya. Ianya merupakan manhaj yang bijaksana, disiplin dan teguh.

1- Dakwah yang dikawal dengan hikmah dan nasihat yang baik. Tidak ada unsur paksaan, kekerasan dan desakan melampau. Dakwah yang berdiri di atas kekuatan hujah dan syiarnya ialah firman Allah Taala.

وَقُولُواْ لِلنَّاسِ حُسْنًا

Dan katakanlah kepada senama mnnuito perkataan-perkataan yang baik. (Al Baqarah ; 83) '

Temanya pula ialah kata-kata Ali r.a.

مَنْ لا نتْ كَلِمَتَهُ وَجَبَتْ مَحَبَّتُهُ

"Sesiapa yang lembut kata-katanya, wajiblah mahabbah-Nya".

2- Tarbiyah Islamiah berasaskan al-Quran dan al-sunnah, melalui pelbagai wasilah, sehingga mampu merubah individu yang sekadar bercakap menjadi individu yang beramal. Syiarnya ialah: "Kenalilah Tuhanmu, islah dirimu dan serulah orang lain. Tegakkan daulah Islam dalam hatimu, nescaya ia akan tertegak di atas muka bumi". Tarbiyah ini mempunyai beberapa ciri:-

a. Bersifat rabbani
b. Mempunyai asas yang tetap
c. Bertepatan dengan fitrah
d. Merangkumi seluruh aspek kehidupan secara seimbang
e. Menyatu padukan tenaga-tenaga manusia
f. Optimis, positif dan praktis, yang dibangunkan di atas asas akidah, ibadat dan syariah.

Semuanya itu untuk mencapai kemuliaan insan bagi menegakkan semula tamadun Islam.

3- Daripada asas ini dibentuk keluarga Islam, kemudian masyarakat Islam dan seterusnya kerajaan Islam. Oleh itu tarbiyah secara perlahan-lahan menjadi antara unsur tetap Ikhwan agar kita memperolehi individu muslim sebagai titik tolak perubahan sebagaimana yang ditunjukkan oleh manhaj Rasulullah s.a.w.

Wasilah untuk melaksanakan tarbiyah sebegitu rupa pada al-Imam al-Banna ialah usrah. Jadi usrah merupakan unsur tetap padanya. Di dalam usrah berlaku

taaruf, tafahum dan takaful. Pembetulan mana-mana kesilapan daripada sudut kefahaman atau amal dilakukan dalam usrah. Di dalam usrah, kefahaman diperdalamkan lagi. Usrah juga sebagai wasilah melaksanakan tuntutan ukhuwah. Melaluinya akan kelihatan potensi dan kepemimpinan. Di dalamnya setiap akh dilatih untuk mengenali unsur tetap dan unsur berubah. Seterusnya usrah memperkasa intima' (penggabungan dengan Islam dan jamaah).

Institusi ini dinamakan usrah kerana mengandungi pengertian ketenangan, kasih sayang dan rahmat. Ketuanya dinamakan naqib sebagai menuruti tindakan Rasulullah s.a.w. dalam Baiah Aqabah II selepas kepulangan Mus'ab bin Umair dari Madinah bersama tujuh puluh tiga orang lelaki dan dua orang perempuan. Apabila tamat baiah, Rasulullah s.a.w. meminta mereka memilih dua belas orang di kalangan mereka sebagai naqib. Alangkah bijak tindakan Rasulullah s.a.w. itu. Kajian pendidikan moden telah membuktikan bahawa semakin sedikit bilangan pelajar, semakin kuat pengaruh murabbi dan tarbiyah diperkuat dengan (qudwah dan kebersamaan.

Oleh kerana usrah merupakan batu bata asas kepada jamaah, ketuanya mempunyai hak mengarah, mentarbiyah dan ditaati. Pimpinan bertanggungjawab menentukan objektif, menetapkan wasilah dan menggariskan tahap tahap amal, juga usrah bertindak sebagai pelaksana.

Amal tarbawi yang produktif ialah manhaj yang tetap. Jika kita mempunyai individu-individu yang berkualiti dan keluarga-keluarga Islam yang diikat dengan huhungan kasih-sayang, maka apakah insititusi yang boleh mengikuti antara mereka, yang boleh menjaga dan mengikuti perkembangan perjalanan hidup mereka, yang boleh mengenal pasti turun naik prestasi iltizam dan pencapaian objektif mereka? Jawapannya ialah tarbiyah melalui usrah. Proses tarbiyah yang mengandungi unsur-unsur ilmu, fiqh dan kefahaman memerlukan murabbi dalam satu naungan atau semaian, itulah usrah. Murabbi dalam usrah samalah seperti imam dalam solat, ditaati dan dipatuhi.

Al-Imam al-Banna telah mengenal pasti bahawa proses tarbiyah tidaklah semudah yang disangka kebanyakan orang. Muslimun telah menghadapi serangan pemikiran, kekeliruan dan keperibadian. Semua penyakit itu tidak dapat dirawat dalam masa sehari semalam. Tidak cukup dengan kuliah, ceramah atau kursus di sana sini oleh pemikir Islam atau para ulama. Selepas ceramah, kursus dan kuliah, masing-masing membawa diri. Begitu juga dengan risalah atau makalah, kesannya akan hilang selepas habis membacanya.

Rawatan itu memerlukan kesabaran dan tarbiyah Islamiah yang panjang dalam satu naungan tarbawi iaitu usrah. la juga perlu kepada murabbi yang memiliki ciri-ciri tertentu. Ini disebabkan tarbiyah yang merupakan unsur tetap dakwah memerlukan satu usaha yang bersungguh-sungguh tanpa henti agar dapat melahirkan rijal, bukannya tulisan atau buku. Proses ini memerlukan manhaj yang betul, ketekunan amal, akhlak yang mantap, polisi nafas panjang, kesabaran, nasihat yang baik, hujah yang jelas, kepekaan dan pemantauan yang teliti dan berhati-hati. Proses ini tidak boleh tidak mesti dipikul oleh murabbi. Inilah usrah atau pun manhaj Islam bagi menghadapi arus kehidupan secara sempurna. Ia juga merupakan dakwah yang sebenar membetulkan kefahaman. Maka usaha ini memerlukan tarbiah yang bermanhajkan al-Kitab, al-sunnah dan pengalaman salafus soleh yang berpegang teguh dengan al-Usul al-Fiqh dan al-Qawaid al-Syariah.

Semua tugas ini tidak akan berjaya melainkan dengan rasa tanggungjawab masul terhadap anak anak didiknya. Yang mana ia perlu menerangkan kepada mereka sejelas-jelasnya apakah tanda dan isyarat ketika melalui jalan ini (dakwah). Agar tidak timbul kerumitan dan kekaburan. Kejelasan fikrah, kesepaduan tasawur dan suluk, kesatuan tujuan dan kesudahan, juga kesatuan matlamat dan wacana bagi menjayakan keseluruhan amanah ini. Hingga tiada di

sana timbul persoalan, syak wasangka dan kekeliruan. Akhirnya akan membentuk individu jamaah yang satu. Kerana itulah diletakkan secara jelas segala peraturan, pengurusan, wacana dan matlamat. Apa yang diperlukun sekarang ialah iltizam terhadap sistem yang tetap.

Al Imam al-Banna berkata: *"Islam menitik beratkan pembentukan usrah-usrah yang mendorong ahli-ahlinya ke arah nilai-nilai yang tinggi, memperkuatkan ikatan ukhuwah, menaikkdn taraf bercakap dan berteori kupada taraf beramal dan perbuatan. Rukun ikatan ini ada tiga, maka peliharalah dan berikan tumpuan untuk melaksanakannya agar ia tidak sekadar tugasan tanpa ruh.*

Pertama: Taaruf

Ia adalah rukun yang pertama. Hendaklah kamu saling kenal mengenali dan berkasih sayang kerana Allah. Hayatilah pengertian ukhuwah yang sahih dan sempurna di kalangan kamu dan berusaha agar hubungan ini tidak dicemari oleh sesuatu. Allah Taala ada berfirman dalam surah Al Hujurat; *"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara".*

Selepas zaman para salaf, ukhuwah yang merupakan arahan Allah dan rasul-Nya ini hanya tinggal sebagai mainan lidah sahaja, tidak berada di hati muslimun, sehingga kamu tiba wahai Ikhwan yang cuba melaksanakannya dalam masyarakat kamu dan berusaha menyatukan umat dengan ruh ukhuwah ini.

Kedua: Tafahum

Melalui rukun yang kedua ini, berlaku muhasabah diri. Setiap akh boleh menasihati saudaranya jika ia melihat sebarang kesilapan atau kekurangan yang perlu dibaiki. Akh yang diberinasihat hendaklah menerimanya dengan hati yang gembira. Jika nasihatnya tidak memberi kesan, kekurangan itu tidak disebarkan kepada sesiapa kecuali masul usrah. Walaupun begitu, ia tetap menghormati dan mengasihi saudaranya yang mempunyai keaiban itu.

Ketiga: Takaful

Hendaklah kamu saling membantu bantu, pikul memikul masalah dan tanggungjawab antara kamu. Itu adalah tuntutan iman yang nyata dan intipati ukhuwah. Kamu hendaklah sentiasa saling bertanya khabar dan bersegera sedaya upaya membantu pihak yang memerlukannva, sabda Rasulullah s.a.w.

لَئِن سيَمْشِى أحد كُم فِى حاجه اخبه خَيرٌ لَّهُ مِن

يَعْتكِفُ فِى مَسجِدى هَذَا الشَهْر

"Usaha seseorang untuk memenuhi hajat saudaranya lebih baik baginya dari beriktikaf sebulan dalam masjidku ini".

Dan Allah yang mempertautkan hati-hati kamu dengan ruh-Nya. Tidakkah kamu lihat bagaimana sistem ini boleh melaksanakan kewajipan individu, sosial dan kewangan? Di sini dibawakan contoh agenda usrah yang boleh meninggalkan kesan tarbawi yang besar dalam kehidupan individu:

1- Setiap akh membentangkan permasalahannya agar dapat dikongsi oleh orang lain demi mendapatkan penyelesaian dalam suasana ukhuwah dan ikhlas. Itu semua boleh memantapkan thiqah (kepercayaan) dan memperkukuh ikatan persaudaraan "Mukmin adalah cermin saudaranya" sehingga tercapai apa yang disabdakan Rasulullah s.a.w.

مثل المؤمنين فى توا دهم وترا حمهم وتعا طفهم وتعا طفهم كمثل الجسل

الواحد اذا اشكى منه عضو تدا عى له سا ئر الجسد بالسهر والحمى

"Perumpamaan hubungan kasih sayang dan simpati sesama mukmin seperti satu jasad, jika satu anggota mengadu sakit nescaya anggota-anggnta yang lain akan
turut berasa sakit dan berjaga malam".

2- Mengkaji dan bermuzakarah tentang urusan umat Islam, di samping menerima arahan-arahan daripada pimpinan. Usrah bukan tempat untuk berdebat atau mengangkat suara. Itu adalah haram di sisi fiqh usrah, sebaliknya usrah merupakan tempat untuk penjelasan dan penerangan dalam suasana beradab dan saling hormat-menghormati.

3- Mengkaji buku-buku yang berkualiti yang mendatangkan manfaat kepada individu agar tercapai objektif keperibadian Islam sebagai agen perubah.

UNSUR KELIMA

***Risalah Taalim, Usul 20* dan *Risalah Aqaid* ialah asas dan sumber pembelajaran kita.**

Jamaah mestilah mempunyai satu mekanisme kefahaman yang mampu menyatukan semua orang. Dengan kefahaman inilah asas tertegak dan fiqh akan terarahi. Risalah Taalim khususnya Usui 20 dan Risalah Aqaid disusun bertujuan untuk memberikan asas kefahaman yang betul juga membentuk kesatuan saf individu jamaah. Manakala risalah dan perutusan yang lain pula memberi penumpuan kepada mendalam kefahaman, menjelaskan pendirian dan menerangkan pilihan-pilihan aliran fiqhiah dalam berbagai-bagai isu.

Risalah Taalim khususnya Usul 20 merupakan unsur tetap jamaah kerana mengandungi kefahaman-kefahaman tertentu yang membezakan jamaah ikhwan daripada jamaah yang lain. Para pengikut ikhwan mesti beriltizam, beramal bertepatan dengan tuntutannya dan berdakwah kepadanya. Ia tidak boleh dicuaikan atau diselewengkan.

Al-Imam al-Banna berucap kepada mereka yang meyakini fikrahnya dan beramal berdasarkan manhajnya: "Kepada Ikhwan Mujahidin daripada kalangan Ikhwan Muslimin, yang meyakini ketinggian dakwahnya, kesucian fikrahnya dan berazam untuk hidup bersamanya atau mati mempertahankannya. Ini bukanlah pelajaran-pelajaran untuk dihafal tetapi adalah taklimat-taklimat untuk dilaksanakan". Ini semuanya ialah natijah mereka yang memahami bahawa tiada Islam tanpa jamaah dan tiada jamaah tanpa tentera, pimpinan dan tugasan. Bagi setiap pendukung yang memiliki komitmen terhadap Risalah Taalim ini, maka ia memiliki sifat yang dinamakan Rukun-Rukun Bai'ah yang terkandung di dalamnya *sama' wa ta'ah* (dengar dan patuh). Peribadi sebegini tidak mungkin dilahirkan melalui paksaan. Tetapi ianya akan dilahirkan melalui iman, qanaah dan pentarbiahan yang sejahtera. Melalui tarbiah ini akan lahirlah individu yang berjuang untuk memenangkan fikrah yang dibawa dan mereka dicelup dengan celupan akhlak yang memberi kesan kepada masyarakat sekeliling.

Bagi mencapai objektif ini al-Imam al-Banna telah menggariskan beberapa sifat dan ciri keperibadian mujahid Islam yang mengikat diri mereka dengan jamaah. Antara sifat itu ialah yang dinamakan oleh al-Imam sebagai rukun-rukun baiah -juga merupakan unsur tetap jamaah- iaitu faham, ikhlas, amal, jihad, pengorbanan, ketaatan, thabat, tajarrud, ukhuwah dan thiqah. Kesemuanya berjumlah sepuluh rukun.

Sepuluh rukun itu berdasarkan ijtihad peribadi, boleh ditambah tetapi tidak boleh dikurangkan, kerana semua rukun itu merupakan nilai-nilai akhlak yang dituntut oleh Islam. Penambahan akhlak yang terpuji adalah dibenarkan seperti perbuatan Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi menambah dalam syarahnya terhadap tulisan al-Banna. Katanya: "Dan saya menambah...". Beliau menambah beberapa sifat yang lain agar menjadikan perkara ini menjadi lebih terang dan jelas pada zaman yang menuntut penjelasan dan keterangan yang banyak. Jadi penambahan adalah membina manakala pengurangan bermakna meruntuhkan. Firman Allah Taala.

وَلَٰكِن لِّيَقْضِيَ ٱللَّهُ أَمْرًا كَانَ مَفْعُولاً لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَيَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ

Supaya Allah melakukan sesuatu perkara (kemenangan Islam) yang telah ditetapkan berlakunya, iaitu supaya or ang (kafir musyrik) yang binasa itu, binasa dengan keterangan (yang membuktikan kesalahannya), dan supaya orang (Islam) yang hidup itu, hidup dengan keterangan (yang membuktikan kebenarannya) - (Al Anfal : 42)

Al-Imam al-Banna telah mengkhususkan rukun faham dengan Usul 20 yang juga merupakan unsur tetap dakwah. Usul 20 membantu seorang muslim membina kefahaman yang sahih agar ia tidak dibina di atas asas sangkaan dan hawa naf'su. Kesemua usul itu ialah asas dan garis panduan untuk memahami Islam, bukannya asas kepada Islam itu sendiri sebagaimana yang disalah faham oleh sesetengah pihak.

Ada yang mengatakan: "Asas Islam ada dua saja iaitu al-Quran dan al-Sunnah, bukan 20 asas". Al-Imam al-Banna meletakkan Usuli 20 sebagai asas untuk memahami al-Quran dan al-Sunnah. Ia membantu kita untuk mendapatkan kefahaman yang sempurna, terperinci dan betul. Kefahaman sebegini amat penting bagi mengawal suluk dan halatuju. Seterusnya ia dapat menjamin harakah agar tidak menyeleweng. Hasilnya jamaah dapat menjaga kejatiannya dan berbeza daripada jamaah-jamaah yang lain, daripada sudut kefahaman dan harakah.

Kita juga tidak bermaksud mahu membataskan pembacaan dan sumber pengetahuan pada risalah-risalah ini sahaja. Itu suatu yang tidak diterima akal, terutama bagi penuntut ilmu yang sentiasa mahukan penambahan. Tetapi risalah-risalah ini merupakan rangka asas kepada kefahaman Islam yang dipegang oleh jamaah. Apabila rangka asas ini telah jelas pada seseorang, din boleh menambah pengetahuannya daripada mana mana sumber yang disukainya. Pada waktu itu ia telah mempunyai neraca dan asas untuk menimbang dan memilih antara kaca dan permata.

Tidak memahami rangka asas itu boleh mendedahkan seseorang kepada kekeliruan. Inilah yang berlaku ketika Rasulullah s.a.w. menegur Umar bin al-Khattab kerana memegang sebuah kitab Taurat. Rasulullah s.a.w. bersabda.

و الله لو ان مو سى بن عمران بين ظهرا نينا ما و سعه الا ان يتبعنى

"Demi Allah, jika Musa bin Imran hidup bersama kita sekarang, dia mesti mengikut aku".

Setelah jelas kefahaman terhadap risalah-risalah dan menjadi pegangan yang kuat, tidak salah bagi kita untuk membaca buku lain terutamanya buku-buku karangan musuh untuk kita menjawab serangan pemikiran mereka dan juga menjawab kekeliruan-kekeliruan yang wujud. Hasan al-Hudhaibi telah mengarang buku *"Pendakwah Bukan Penghukum"* sebagai menjawab kekeliruan yang berlaku di zamannya. Begitulah juga usaha ulama Ikhwan yang telah menulis banyak buku mempertahankan dakwah dan membetulkan salah f'aham agar perjalanan dakwah ini dapat dipelihara keasliannya.

Unsur Keenam

Syumul dan umum merupakan asas pandangan dan fahaman kita yang menyeluruh.

Al-Imam al-Banna telah mengkaji fahaman umat Islam pada zamannya. Daripada pengamatan tersebut beliau melihat ada segolongan umat Islam yang memahami Islam sebagai ibadat zahir semata-mata. Jika dia menunaikan ibadat itu atau melihat umat Islam menunaikannya,maka ia menyangka bahawa ia telah sampai kepada intipati ajaran Islam. Kebanyakan umat Islam berfahaman begitu. Tidak kurang juga rnereka yang memahami agama ini pada sudut akhlak yang baik dan kerohanian yang tinggi dan suci. Ada pula segolongan yang memahaminya melalui falsafah yang rumit dan menjauhkan diri daripada kebendaan.

Sebahagian yang lain pula menganggap Islam sebagai akidah yang diwarisi dan ibadat tradisi turun temurun. Kebanyakan mereka yang berpendidikan barat, mempunyai anggapan sedemikian, kerana rnereka tidak mendapat peluang untuk memahami Islam yang sahih. Mereka menerima gambaran tentang Islam daripada sumber-sumber Barat atau gerakan nasionalis yang berkiblatkan Barat.

Fahaman-fahaman tersebut berpecah kepada pandangan-pandangan yang lebih sempit lagi. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila umat Islam menganggap pandangan-pandangan sempit mereka itu sebagai akidah atau unsur tetap yang tidak boleh disentuh atau ditukar ganti. Antara gambarannya ialah:

1- Pegangan agama menjadi ketaksuban dalam erti kata tidak mempedulikan orang-orang bukan Islam.

2- Agama ini bukan kepunyaan semua manusia, hanya untuk umat di zamannya (zaman risalah) sahaja.

3- Pegangan agama ialah urusan peribadi, tidak mempunyai hubungan dengan politik, sosial, ekonomi dan pelbagai cabang hidup yang lain.

Al-Ikhwan al-Muslimun menjadi istimewa dan berbeza dari jamaah-jamaah yang lain apabila al-Imam al-Banna menyeru agar kembali kepada tasawur Islam yang syumul dan umum. Berhubung dengan perkara ini, beliau menegaskan:

1- Kami menyakini bahawa ajaran Islam dan hukum-hukumnya merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Mereka yang menyangka bahawa agama ini hanya menyentuh hal-hal ibadat dan rohani sahaja adalah silap. Islam adalah aqidah dan ibadah, watan dan kewarganegaraan, agama dan daulah, rohani dan amal, al-Quran dan pedang. Al-Quran membicarakan kesemuanya itu dan menganggapnya sebagai intipai Islam, di samping menyeru manusia agar berbuat ihsan dalam semua bidang tersebut, firman Allah;

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ

مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى

ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagian ahri akhirat dan janganlah engkau lupa bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah)" (Al Qasas; 77)

Dalam perkara aqidah dan ibadat, firman Allah ;

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟

ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh diatas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta mernberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar - (Al Bayyinah; 5)

Dan firman-Nya lagi;

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ

لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

"Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammmad) mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-man aperselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan daripada apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya - (Al Nisa'; 65)

2- Ikhwan menyakini bahawa asas ajaran Islam adalah al-Quran al-Karim dan sunnah Rasulullah s.a.w., umat tidak akan sesat selama-lamanya jika berpegang dengan kedua-duanya. Oleh itu sistem dan peraturan Islam hendaklah bersumberkan kedua-duanya itu. Kita hendaklah memahami Islam sebagaimana yang difahami oleh para sahabat dan salafussoleh. Kita hendaklah hanya berpegang pada batas-batas syarak agar kita tidak terkongkong dengan sesuatu yang tidak disyariatkan oleh Allah. Kita juga tidak sepatutnya membataskan Islam dengan sesuatu warna yang bertentangan dengan sifatnya sebagai agama seluruh manusia.

3- Ikhwan meyakini bahawa Islam merupakan agama umum yang mengatur setiap cabang kehidupan bagi seluruh umat manusia pada semua zaman dan tempat. Islam datang dalam bentuk yang sempurna tanpa menyentuh perkara-perkara kecil dalam kehidupan secara terperinci khususnya yang berkaitan urusan dunia. Dalam hal ini Islam meletakkan kaedah-kaedah umum bagi membimbing manusia melaksanakannya. Bagi menjamin kesahihan pelaksanaan dan keadilannya. Islam amat menitikberatkan rawatan jiwa manusia. Jiwa adalah punca segala sistem, pemikiran, tasawwur dan pengaturan. Jiwa adalah agen

perubah.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ ﴿١١﴾

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada dlri mereka sendiri - (Ar Ra'du : 11)

Dengan kefahaman yang sebegini halus ikhwan berbeza daripada yang lain. Beberapa perkara telah disahkan menjadi manhaj pemikiran bagi mereka yang meyakini kefahaman ini. Antaranya :

1- Membebaskan aqidah daripada kebekuan dan prasangka. Tumpuan diberikan kepada menghidupkan pongaruh aqidah terhadap pembentukan peribadi muslim, bahkan terhadap alam dan kehidupan.

2- Membebaskan akal daripada kesempitan pandangan dalam Islam. Tidak ada lagi fenomena memperbesarkan perkara kecil dan cabang dengan melupakan perkara yang besar dan umum.

3- Memecahkan kebekuan akal disebabkan penutupan pintu ijtihad, sebaliknya mengatur kembali fungsi akal dan mencelupkannya dengan celupan Islam.

Begitulah pandangan yang syumul dan umum terhadap ketinggian dan kesempurnaan Islam yang bersifat kekal, universal dan rabbani menjadi antara unsur tetap jamaah. Dengan fahaman yang sedemikian terlaksanalah ibadat dalam pengertiannya yang sempurna ketika kita menyebut daripad surah Al Fatihah *-Engkau sahaja (ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami meminta pertolongan*

Itulah risalah yang ingin disampaikan oleh al-Ikhwan al-Muslimun kepada semua manusia. Mereka mencurahkan segala tenaga dan sanggup berkorban demi menyelamatkan kefahaman yang sahih ini daripada terus hilang. Kefahaman ini bukanlah ciptaan Ikhwan bahkan ia merupakan risalah yang tertera di dalam setiap ayat al-Quran dan al-Hadis Rasulullah s.a.w. dan terjelma dalam kehidupan generasi para sahabat dan salafussaleh yang merupakan contoh tertinggi untuk memahami Islam yang sebenarnya.

Tugas Kita Dalam kehidupan

Tugas kita ialah menghambakan diri kepada Allah, berjihad untuk memartabatkan agama dan memuliakan syariat-Nya. Begitulah peranan para sahabat dan salafussaleh yang digambarkan dengan kata-kata: *"Rahib di waktu malam, pahlawan di waktu siang".* Itulah kefahaman dan amalan orang-orang Islam terdahulu. Mereka sanggup berkorban untuk-Nya. Dan itulah seruan al-Banna selaku mujaddid bagi kefahaman ini.

Ketika membicarakan perkara ini, kita perlu menunjukkan ciri-ciri yang membezakan dakwah ini (ikhwan) daripada dakwah-dakwah yang lain.

1- Rabbani pada sumbernya kerana ia adalah wahyu Allah.
2- Pertengahan dan kesederhanaan.
3- Positif pada pandangannya terhadap alam, manusia dan kehidupan.
4- Realistik ketika berurusan dengan individu dan masyarakat.
5- Berakhlak pada matlamat dan wasilahnya.
6- Syumul pada manhajnya.
7- Universal dakwahnya.
8- Syura keputusannya
9- Jihad dalam tarbiahnya **demi** memelihara **jalannya jika** diserang.
10- Salaf pada pemikiran, tasawwur dan iktiqad.

Inilah dakwah kita daripada sudut agama, dunia, perasaan, syiar, undang-undang, sistem-sistem dan akhlaknya. Dakwah ini kita pikul dengan penuh yakin, keimanan dan kasih sayang, tanpa sebarang kekeliruan atau kekaburan. Ia jelas dapat dilihat hakikatnya oleh semua manusia. Allah sebagai matlamat, Rasul sebagai qudwah, al-Quran merupakan perlembagaan, jihad adalah jalan dan mati dijalan Allah ialah cita-cita yang paling tinggi.

Ikhwan mengimani bahawa Islam ialah satu agama yang menyusun segala aspek kehidupan manusia, menyelesaikan segala permasalahan manusia dan meletakkan peraturan yang yang terbaik dan terperinci. Islam tidak berpeluk tubuh bila 'berhadapan dengan masalah semasa dan sistem-sistem yang mendakwa cuba memperbaiki perjalanan kehidupan manusia. Secara jelasnya Islam tidak terbatas kepada ibadat-ibadat atau konsep kerohanian tertentu sebagaimana yang difahami oleh sesetengah manusia. Tetapi kita sebagaimana yang dikatakan oleh Imam al-Banna- Islam yang kita faham ialah Islam yang mampu menyusun kehidupan dunia dan akhirat, juga ia sesuai untuk setiap masa dan tempat. Islam juga mampu membahagiakan seluruh manusia bila mana ianya dilaksanakan sebagai sistem hidup.

Al Imam al-Banna telah menyusuri jalan para salafusoleh dan berdakwah untuk menghidupkan semula fahaman sahih tentang Islam yang telah hilang daripada pemikiran manusia.

Beliau telah bangkit bersama para pengikutnya dan menceburi segenap bidang kehidupan demi melaksanakan fahaman Islam yang syumul agar tasawur muslimin yang sahih tentang agama mereka dapat dikembalikan. Fahaman dan tasawur yang syumul inilah yang dianuti oleh para sahabat dari Rasulullah s.a.w., lalu mereka membina sebuah tamadun dan kekuatan untuk mempertahankan kesucian agama dan akidah ini.

Berikut ialah satu ayat yang menjelaskan tentang kesyumulan Islam, mengandungi akidah, ibadat, akhlak dan muamalat.

۞ لَّيْسَ ٱلْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ
ٱلْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةِ وَٱلْكِتَٰبِ وَٱلنَّبِيِّۦنَ
وَءَاتَى ٱلْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ ذَوِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ
وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ وَٱلسَّآئِلِينَ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى
ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَٰهَدُوا۟ ۖ وَٱلصَّٰبِرِينَ فِى
ٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ وَحِينَ ٱلْبَأْسِ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Bermaksud: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekelian nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya - sedangkan ia menyayanginya,- kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang dan mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan juga dalam masa bertempur dalam peperangan Sabil. (orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa - (Al Baqarah ; 177)

Al-Imam al-Banna sentiasa melaungkan slogan: Islam ialah agama dan negara. Jika anda berasa hairan dengan slogan ini, lebih menghairankan lagi ialah wujudnya negara Injil di Rome, negara Atheis di Russia, bahkan negara Buddha dan Hindu. Tetapi tiada negara yang berdiri di atas dasar al-Quran.Inilah seruan al-Imam al-Banna.

Kefahaman yang syumul terhadap Islam ini perlu dijadikan antara unsur tetap agar dapat memelihara dakwah daripada penyelewengan atau dicemari oleh fahaman asing. Unsur tetap ini menjadi asas pertimbangan kita untuk menilai amal dan neraca ketika berselisih pendapat.

Islam merupakan manhaj yang mentadbir dunia untuk memberikan kebahagiaan kepada manusia. Benarlah kata-kata Abu Haiyan at-Tauhidi: ***"Sesungguhnya syariat tanpa siasah menjadi kurang dan siasah tanpa syariat juga menjadi kurang"***.

UNSUR KETUJUH

Syura yang mulzim memutuskan perselisihan antara kita.

Syura ialah suatu nilai agung Islam yang telah difardhukan seirind dengan kefardhuan yang lain seperti solat dan zakat. Firman Allah Taala ;

وَٱلَّذِينَ ٱسۡتَجَابُواْ لِرَبِّهِمۡ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَمۡرُهُمۡ شُورَىٰ بَيۡنَهُمۡ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ

"Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan , mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula menderma sebahagian daripada apa yang Kami beri kepadanya" - (As Syura; 38)

Ayat yang turun semasa Rasulullah s.a.w di Mekah ini memperkatakan solat, zakat dan syura secara umum. Sunnah Rasulullah s.a.w. dalam perlaksanaan syura telah memperincikannya. Walaupun pada hakikatnya baginda tidak perlu kepada syura kerana mendapat wahyu, ia merupakan sebagai bimbingan dan tunjuk ajar kepada umatnya bagaimana menggunakan syura. Rasulullah s.a.w. bersabda:

اذا كان امراؤكم خياركم واغنياؤكم سحماءحكم, وامركم شورى بينكم, فظهر الارض خير لكم من بطنها, واذا كان امراؤكم شراركم واغنياؤكم بخلاءكم, وامركم الى نسائكم فبطن الارض.

"Sekiranya pemimpin kamu ialah mereka yang baik, orang-orang kaya di kalangan kamu pula pemurah dan urusan di antara kamu berbentuk syura maka permukaan bumi ini lebih baik dari perutnya. Jika pemimpin kamu ialah mereka yang jahat, orang-orang kaya di kalangan kamu pula mereka yang kedekut dan urusan kamu terletak pada wanita-wanita kamu, maka perut bumi lebih baik bagi kamu dari permukaannya".

Syura adalah satu cara yang disyariatkan Allah untuk membuat keputusan di semua peringkat, sama ada peringkat keluarga, negara dan serantau, kerana firman Allah yang umum.

وَأَمۡرُهُمۡ شُورَىٰ بَيۡنَهُمۡ

"..dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka" - (AsSyura; 38)

Syura bermaksud: Berbincang, berbahas dan meneliti pandangan-pandangan dalam semua urusan terutama yang melibatkan kepentingan umat. Pandangan-pandangan itu diteliti dan ditapis oleh para pemikir, pakar, ulama dan ahli-ahli mesyuarat bagi mendapatkan keputusan yang paling sahih dan betul.

Islam telah memberikan syura kedudukan yang besar dan tinggi. Al-Quran sendiri mempunyai satu surah yang dinamakan Syura. Beriltizam dengan syura dianggap sebagai salah satu ciri keperibadian muslim dan mukmin sejati. Syura disebut di dalam al-Quran seiring dengan kefardhuan lain, yang tidak sempurna Islam seseorang tanpanya seperti solat, zakat dan menjauhi dosa-dosa besar. Firman Allah Taala ;

وَالَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ ﴿٣٧﴾ وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

"..danjuga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji; dan apabila mereka marah (disebabkan perbuatan yang tidak patut terhadap mereka), mereka memaafkannya. Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula menderma sebahagian daripada apa yang Kami beri kepadanya -(AsSyura ; 37-38)

Syura juga dituntut dalam urusan rumahtangga sepertimana ayat;

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا

"..kemudian jika keduanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka setelah merekal berunding, maka mereka berdua tidaklah salah melakukannya" - (Al Baqarah; 233)

Para ahli tafsir, fuqaha dan hukama telah banyak menekankan kepentingan syura dalam karya karya mereka kerana kewujudannya menunjukkan fenomena yang sahih, dan dalil ketamadunan sesebuah masyaraknt. Sebaliknya tanpa syura merupakan tanda tersebarnya kezaliman. Kata Khalifah Umar ;

لاخير فى امرابرم من غير شورى

"Tidak kebaikan pada urusan yang diputuskan tanpa syura".

Syura Rasulullah

Rasulullah s.a.w. sering bersyura dengan para sahabat. Baginda berbincang dalam urusan yang kecil atau besar, semasa aman atau peperangan, tidak kira dengan lelaki atau wanita dan menerima pendapat mereka secara individu atau beramai-ramai. Rasulullah s.a.w. pernah berbincang dengan muslimin dalam peperangan Badar dan menerima pandangan al-Habab bin al-Munzir yang mencadangkan penukaran tempat pertempuran. Begitu juga dalam peperangan Uhud, Baginda s.a.w. telah berbincang dan menerima pandangan sahabat-sahabatnya. Walaupun mereka telah kalah dalam peperangan tersebut, al-Quran telah menegaskan prinsip syura yang diamalkan.



Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kekalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah keampunan bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) - (Ali Imran; 159)

Oleh itu, walaupun muslimin kalah dalam peperangan tetapi prinsip syura dapat ditegakkan, maka ia seribu kali ganda lebih baik dari pentadbiran kuku besi yang membawa kepada penindasan dan perhambaan.

Sahabat bersyura

Selepas Baginda s.a.w, para sahabat telah menjejaki langkah baginda dalam bersyura. Abu Bakar as-Siddiq telah berbincang dengan Umar dan sahabat dalam perkara yang tidak ada nas al-Quran atau al-Sunnah. Begitu juga yang diamalkan oleh Umar, Uthman, Ali dan para panglima tentera yang membuka wilayah-wilayah baru. Ketika peperangan dengan Parsi, ketua tentera Parsi telah memanggil ketua tentera muslimin untuk berunding. Setelah ketua tentera Parsi itu mengemukakan pandangan serta tuntutannya, ketua tentera muslimin meminta izin untuk. ditangguh perundingan

bagi membolehkannya berbincang dengan muslimin. Maka berkata ketua tentera Parsi: "Kami tidak melantik (sebagai ketua) orang yang suka berbincang". Ketua tentera muslimin pun menjawab: "Sebab itulah kami selalu mengalahkan kamu, kami tidak melantik orang yang tidak berbincang".

Abu Bakar r.a. telah berbincang dengan para sahabat sebelum melancarkan perang terhadap orang-orang yang murtad selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Umar r.a. pula berbincang dalam urusan tanah yang jatuh ke tangan Islam di wilayah-wilayah yang baru dibuka. Ali r.a. pula mensyaratkan keputusan ahli syura untuk dia menerima jawatan khilafah.

Faedah syura

Ramai di kalangan para ulama' yang memperkatakan fentang faedah syura, di antaranya ialah Dr. Muhammad Abdul Qadir Abu Faris dalam kitabnya *"Sistem Politik Dalam Islam".* Beliau telah membawa kata-kata-para salaf yang banyak tentang syura, antaranya ialah kata-kata Ali r.a.:

"Syura mempunyai tujuh kebaikan:

1. Mendapatkan keputusan yang betul.
2. Mendapatkan pandangan.
3. Menjauhi kesilapan.
4. Menghindari celaan.
5. Menyelamatkan daripada penyesalan.
6. Mempertautkan hati-hati.
7. Menuruti jejak langkah Rasul s.a.w. dan para snlaf

Al-Ahnaf bin Qais pernah ditanya bermaksud: "Bagaimana kamu mengurangkan kesilapan dalam urusan kamu?", dia menjawab: "Berbincang dengan mereka yang berpengalaman".

Dua Peristiwa

Allah Taala telah menceritakan dua peristiwa syura di dalam al-Quran sebelum kebangkitan Rasulullah s.a.w.


Pertama :

Peristiwa Firaun berbincang dengan kaumnya tentang Nabi Musa. Dalam perbincangan ini Firaun telah berusaha sedaya upaya untuk memutar belit fakta dan menyesatkan kaumnya agar tidak mengikut Musa. Firaun telah membuat keputusan sebelum perbincangan bermula.

وَقَالَ ٱلَّذِىٓ ءَامَنَ يَـٰقَوْمِ ٱتَّبِعُونِ أَهْدِكُمْ سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٣٨﴾

"Dan katakan pula orang yang beriman itu: "Wahai kaumku! Turutlah (nasihatku), aku akan menunjukkan kepada kamu jalan yang benar - (Ghafir; 38)

وَنَادَىٰ فِرْعَوْنُ فِى قَوْمِهِۦ قَالَ يَـٰقَوْمِ أَلَيْسَ لِى مُلْكُ مِصْرَ وَهَـٰذِهِ ٱلْأَنْهَـٰرُ تَجْرِى مِن تَحْتِىٓ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾ أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَـٰذَا ٱلَّذِى هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾ فَلَوْلَآ أُلْقِىَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ أَوْ جَآءَ مَعَهُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ



"Dan Firaun pula menyeru (dengan mengisytiharkan) kepada kaumnya, katanya: "Wahai kaumku! Bukankah kerajaan negeri Mesir ini - akulah yang menguasainya, dan sungai-sungai ini mengalir di bawah (istana) ku? Tidakkah kamu melihatnya. "Bahkan bukankah, aku lebih baik daripada orang yang hina keadaannya ini, dan yang hampir-htunpir tidak dapat menjelaskan perkataannya? "(kalaulah in seorang rasul) maka sepatutnya in dipakaikan (oleh Tuhannya) gelang-gelang emas (yang menandakan ia seorang pemimpin) atau datang malaikat bersama-sama dengannya (sebagai saksi tentang kebenaran" – (Az Zukhruf; 51-53).

Oleh kerana para pembesar Firaun tidak mengenal erti syura yang sebenarnya maka meereka menerima saja pandangan dan keputusan Firaun, mereka bersubahat dengan jenayah Firaun dan jadilah mereka orang-orang yang fasik.

Firman Allah Taala ;

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَـٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

"(Dengan yang demikian), maka Firaun memperbodohkan kaumnya, lalu mereka mematuhinya; sesungguhnya mereka itu ialah kaum yang fasik-derhaka" (Az Zukhruf; 54)

Apabila wujud pendapat umum yang rosak, maka syura akan menjadi perasmi kepada keputusan toghut. la merupakan usaha mengampu dan mendapatkan keredaan si zalim.

أَوْ يُوبِقْهُنَّ بِمَا كَسَبُوا۟ وَيَعْفُ عَن كَثِيرٍ ﴿٣٤﴾ وَيَعْلَمَ ٱلَّذِينَ
يُجَـٰدِلُونَ فِىٓ ءَايَـٰتِنَا مَا لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٣٥﴾ فَمَآ أُوتِيتُم مِّن
شَىْءٍ فَمَتَـٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ لِلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٣٦﴾ وَٱلَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَـٰٓئِرَ ٱلْإِثْمِ
وَٱلْفَوَٰحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا۟ هُمْ يَغْفِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Firaun berkata kepada ketua-ketua kaum yang ada di sekelilingnya; "Sesungguhnya orang ini (Musa) ialah seorang ahli sihir yang maihir. 'In bertujuan untuk mengeluarkan kamu dan negeri kamu dengan sihirnya maka apa yang kamu syorkan? Mereka berkuta "Tangguhkanlah.dahulu (sebarang tindakan) terhadapnya dan terhadap saudaranya, serta hantarlah ke bandar-bandar (negeri Mesir) orang-orang yang mengumpulkan (ahli-ahli sihir). "Supaya mereka mendatanghan kepadamu segala ahli yang mahir" - (As Syura; 34-37)

Oleh sebab itu juga mereka menerima keputusan Firaun membunuh Musa dan pengikutnya.

وَقَالَ فِرْعَوْنُ ذَرُونِىٓ أَقْتُلْ مُوسَىٰ وَلْيَدْعُ رَبَّهُۥٓ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن
يُبَدِّلَ دِينَكُمْ أَوْ أَن يُظْهِرَ فِى ٱلْأَرْضِ ٱلْفَسَادَ ﴿٢٦﴾

Dan berkatalah Firaun (kepada orang-orangnya) "Biarkanlah aku membunuh Musa, dan biarlah dia memohon kepada Tuhannya (meminta pertolongan)! Sesungguhnya aku bimbang dia akan menukar agama kamu, atau ia menimbulkan kerosakan di muka bumi" -(Ghafir; 26)


Kedua :-

Peristiwa Ratu Saba' berbincang dengan pembesarnya tentang kedatangan Nabi Sulaiman. Nabi Sulaiman meminta mereka berhenti menyembah matahari, jika tidak mereka akan ditundukkan dengan kekuatan tentera. Firman Allah Taala, bermaksud ;

".. *(setelah membaea surat itu), berkatalah Ratu negeri Saba: "Wahai ketua-ketua kaum! Sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat yang mulia. "Sesungguhnya surat itu daripada Nabi Sulaiman dan kandungunnya (seperti berikut): "Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani."Bahawa janganlah kamu meninggikan diri kepadaku, dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran agama Allah)". Ratu itu berkata lagi: "Wahai ketua-ketua kaum, berilah penjelasan kepadaku mengenai perkara yang aku hadapi ini; aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujui". Mereka menjawab: "Kita ialah orang-orang yang kuat gagah dan amat berani merempuh peperangan; dan perkara itu (walau bagaimanapun) terserahlah kepadamu; oleh itu fikirkanlah apa yang engkau hendak perintah" - (An Naml; 29-33)*

Dalam ayat di atas, kelihatan para pembesar telah melepaskan hak bersuara mereka apabila menyerahkan sepenuhnya kepada Ratu Saba' membuat keputusan. Mereka tidak memberikan apa-apa pandangan alternatif. Perkara seperti ini tidak mendatang faedah kepada si pembuat keputusan kerana ia tidak berpeluang mendapat pandangan daripada pelbagai aspek. Akhirnya dia akan membuat keputusan berdasarkan pendapatnya yang sempit. Oleh itu Ratu Saba' telah membuat keputusan peribadi berdasarkan latar belakang dan kepercayaannya.

وَصَدَّهَا مَا كَانَت تَّعْبُدُ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهَا كَانَتْ مِن قَوْمٍ كَـٰفِرِينَ



"..dan ia dihalangi (daripada memeluk Islam pada masa yang lalu); apa yang ia pernah menyembahnya (daripada benda-benda) yang lain daripada Allah; sesungguhnya ia (pada masa itu) daripada puak yang kafir" - (An Naml; 43)

Seterusnya dalam ayat 34 dan 35 ;

"Ratu itu berkata: "Sesungguhnya raja-raja, apabila masuk k esebuah negeri, mereka merosakkannya dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia hina dina dan sedemikian itulah mereka akan lakukan. "Dan bahawa aku hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita"

Ayat-ayat seterusnya menceritakan kesilapan perhitungan yang dibuatnya.

فَلَمَّا جَآءَ سُلَيْمَـٰنَ قَالَ أَتُمِدُّونَنِ بِمَالٍ فَمَآ ءَاتَىٰنِۦَ ٱللَّهُ خَيْرٌ مِّمَّآ

ءَاتَىٰكُم بَلْ أَنتُم بِهَدِيَّتِكُمْ تَفْرَحُونَ ﴿٣٦﴾ ٱرْجِعْ إِلَيْهِمْ فَلَنَأْتِيَنَّهُم



"Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang mengadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman (kepadanya): "Tidaklah patut kamu memberi kepadaku pemberian harta benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik daripada apa yang telah diberikan kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) Bahkan kamulah yang bergembira dengan harta kekayaan yang dihadiahkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah). "Kembalilah kepada mereka, (jika mereka tidak juga mahu beriman) maka demi sesungguhnya kami akan mendatangi mereka dengan angkatan tentera yang mereka tidak terdaya menentangnya, dan kami akan mengeluarkan mereka dari bumi Saba' dengan keadaan hina, menjadi orang-orang tawanan" - (An Naml; 36-37)

Syura wajib diikuti

Al-Quran, sunnah Rasulullah s.a.w. telah meletakkan syura sebagai nilai agung Islam dan kewajiban yang mesti dilaksanakan.

فَبِمَا رَحۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمۡۖ وَلَوۡ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلۡقَلۡبِ
لَٱنفَضُّواْ مِنۡ حَوۡلِكَۖ فَٱعۡفُ عَنۡهُمۡ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لَهُمۡ وَشَاوِرۡهُمۡ فِي ٱلۡأَمۡرِۖ
فَإِذَا عَزَمۡتَ فَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩

"Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap berlemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah keampunan bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya" - (Ali Imran ; 159)

Ayat ini turun selepas peperangan Uhud untuk menyokong tindakan Rasulullah s.a.w. berbincang dengan sahabatnya sebelum pertempuran dengan kafir Quraisy.

Daripada ayat tersebut; *Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap berlemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu).* Inilah perkara yang jelas sekali bahawa sifat lemah lembut dan suasana tenang ialah faktor penting agar ahli-ahli mesyuarat dapat mengemukakan pandangan mereka sebaik mungkin, dengan menghilangkan perasaan takut dan risau daripada ahli mesyuarat dan memberi kelapangan kepada mereka untuk berbincang dengan pemimpin. Asasnya, ketaatan sama ada perkara tersebut disukai atau dibenci oleh manusia.

Dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari

kelilingmu. Kalaulah para penasihat dan ahli mesyuarat berasa takut di dalam majlis pimpinan dan mereka dituntut untuk taat tanpa bantahan sebagai jaminan keselamatan mereka, sudah pasti mereka tidak akan dapat memberi pandangan yang bernas. Ini juga akan memaksa mereka menerima sahaja pandangan yang diberi oleh pihak pimpinan. Mereka juga tidak akan bersungguh-sungguh mempertahankan pandangan yang mereka utarakan.

Maka suasana yang sepatutnya diwujudkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Kathir ialah mewujudkan suasana menjinakkan hati agar ia menjadi cergas dengan apa yang ia lakukan, sebagaimana firman Allah seterusnya ; *Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah keampunan bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu.* Apabila suasana ini dominan di kalangan ahli rnesyuarat para penasihat, sudah pasti mereka akan sedaya upaya mengutarakan cadangan,penyelesaian dan pilihan lain untuk menyelesaikan sesuatu isu dan masalah. Mereka juga akan membawa alasan alasan kenapa cadangan mereka relevan dan apakah prioriti yang sewajar diambil.

Ini ditambah pula dengan sikap (antara tentatif majlis) bermaaf-maafan dan memohon keampunan daripada Allah. Ini kerana sudah pasti berlaku suasana tegang ketika berhujah dan keluarnya perkataan yang kasar dan kesat tanpa disedari. Sedangkan ahli majlis sama-sama menyedari bahawa kedudukan mereka di dalam majlis mesyuarat/penasihat ialah amanah yang memerlukan keikhlasan dan mereka sebenarnya berusaha mencari kemaslahatan untuk semua.

Hukum Syura

Ramai ulama yang memberi pandangan dalam hukum syura. Al-Imam Fakhru Razi mentarjih dalam tafsirnya hukumnya wajib kerana perkataan syura disebut (dalam al-Quran) dalam uslub arahan atau perintah. Begitu juga pendapat al-Qurtubi.

Tetapi para ulama berselisih pendapat adakah ia mulzim atau sekadar mu'lim. *Syura mulzim* bererti pemimpin terikat dengan keputusan syura. Manakala *Syura mu'lim* pula pemimpin berbincang dengan ahli-ahli mesyuarat atau sesiapa yang layak, tetapi di akhir perbincangan pemimpin tersebut tidak terikat dengan pandangan-pandangan mereka dan ia boleh mengambil pandangan yang dikiranya baik selama mana tidak bertentangan dengan nas dan garis panduan yang telah sedia ada di dalam mengambil keputusan.

Jika kita ikuti perbincangan para ulama', fuqaha', mujtahidin dan pemikir tentang syura, kita akan dapati mereka akhirnya berpendapat bahawa syura adalah mulzim selepas keputusan dibuat oleh majlis syura yang berkenaan, berdasarkan hujah al-Quran dan sunnah.

وَشَاوِرْهُمْ فِي ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ

"dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau lelah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah - (Ali Imran ; 159)

Dalam sunnah pula kita dapati Rasulullah s.a.w. banyak melakukan syura sama ada dengan kaum lelaki, wanita, muda atau tua dalam pelbagai cara. Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada Abu Bakar dan Umar;

لو اجتمعتما على امر ما خلفتكما

Bermaksud: "Jika kamu berdua bersepakat tentang satu perkara, aku tidak akan menyanggahnya".

Ini jelas sebagai dalil penerimaan konsep majoriti dalam membuat keputusan. Itu adalah pendirian seorang nabi yang diutuskan dengan wahyu, sudah tentu pendirian sebegitu lebih dituntut ke atas pemimpin parti, kerajaan dan syarikat yang bukan nabi dan bukan rasul.

Kebiasaannya mesyuarat akan berkurangan ketika waktu-waktu peperangan kerana suasana yang tidak mengizinkan, tetapi Rasulullah s.a.w. tetap melakukan syura ketika perang demi memantapkan syura sebagai prinsip masyarakat Islam. Baginda bermesyuarat dengan sahabat dalam peperangan Badar, Uhud, Khandaq dan menerima pandangan mereka. Tidak dijumpai dalam mana-mana buku seerah yang meriwayatkan Rasulullah s.a.w. menyalahkan para sahabat jika keputusan mereka tidak mendatangkan hasil. Ini semua agar tidak menekan perasaan mereka ketika bersyura kerana mereka memberikan pandangan yang ikhlas dan yakin.

Pandangan Fuqaha Semasa

Apabila kita membaca dan mengkaji pandangan ulama dan fuqaha ketika ini kebanyakan daripada mereka menyatakan bahawa syura adalah mulzim. Walaupun al-Imam al-Banna pada awal permulaan dakwahnya berpegang kepada syura yang mu'lim, tetapi pada akhir hayatnya beliau telah menegaskan prinsip syura mulzim. Berhubung perkara ini satu lajnah yangdiketuai oleh al-Imam sendiri telah merangka satu draf'undang-undang jamaah. Antara yang menganggotai lajnah tersebut ialah Abdul Karim Abidin, Tahir al-Khasyab dan Soleh al-Esymawi. Undang-undang itu telah diterima pakai pada 1948 iaitu setahun sebelum al-Imam syahid. Antara yang disebut dalam undang-undang itu ialah memakai suara majoriti. Jika bilangan ialah seri, maka pendapat ketua adalah dipakai. Ini ialah satu prosedur yang biasa dipakai dalam institusi-institusi seluruh dunia.

Berdasarkan pengamatan, al Imam al-Banna menggunakan konsep syura mu'lim pada ketika pengikutnya masih mentah daripada sudut kesedaran dan kefahaman. Apabila mereka sudah matang maka syura mu’lim menjadi undang-undang tetap dalam tanzim yang diamalkannya.

Al-Maududi juga mempunyai pandangan yang sama dengan al-Imam al-Banna. Dalam bukunya *"Sistem kehidupan Islam"* beliau berpandangan bahawa syura adalah mu'lim. Tetapi pengalaman memimpin tanzim yang diasaskannya menyebabkan al-Maududi mengubah pendapatnya kepada syura mulzim seperti yang ditegaskannya dalam buku *"Kerajaan Islam".* Dalam buku tersebut al-Maududi menegaskan jika syura tidak mulzim maka syura itu akan kehilangan erti dan nilainya.

Dalam satu sesi wawancara dengan Dr. Ad-Dawalibi, pensyarah Usul Fiqh Universiti Damsyik, beliau menegaskan pandangannya bahawa syura adalah mulzim dan menyatakan perkara ini sudah sampai ke tahap ijma'. Manakala Ustaz Sa'id Hawa pula yang berpendapat sedemikian juga menegaskan: *"Perkara ini ialah topik yang telah dibincangkan dengan panjang lebar dan tidak boleh dipandang ringan atau didiamkan kerana ia amat penting bagi hayat umat dan masa depannya".* Dr. Abdul Karim Zaidan mempunyai pandangan yang sama dalam bukunya *"Individu dan Daulah",* di samping menambah konsep majoriti.

Syeikh Muhammad al-Ghazali pula dalam satu wawancara dalam majalah al-Ummah yang diterbitkan di Qatar bilangan 43, beliau berbicara mengenai baiah dan syura secara terus terang sambil menolak pandangan syura tidak mulzim dengan nada yang agak keras: *"Saya menolak mereka yang berkata: Pemerintah*

dalam Islam boleh bertindak tanpa persetujuan majlis syura. Ini adalah kata-kata yang tidak patut diucapkan. Sedangkan Rasulullah s.a.w. yang maksum itu tidak pernah berbuat demikian, maka bagaimana orang lain boleh? Kata-kata bahawa syura tidak mulzim merupakan kata-kata batil, saya tidak tahu daripada mana datangnya. Kemungkinan fikrah ini timbul dari fuqaha pemerintah dalam suasana tertentu untuk mengharuskan penindasan politik. Apa yang kita lihat dalam seerah Baginda ialah Kasulullah s.a.w. sentiasa beriltizam dengan syura. Syura ialah prinsip Islam sebelum wujud daulah lagi. Dikatakan kepada mereka (para sahabat) masyarakat kamu ini belum bertukar menjadi daulah, tapi mesti urusannya ditegakkan di atas asas syura.*"dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka".* Itu pada zaman Mekah. Apabila masyarakat Islam berpindah ke Madinah, dikatakan kepada Rasulullah s.a.w.*"Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu".* Ujian pertama syura ialah dalam peperangan Khandaq ketika baginda hampir-hampir mengadakan perjanjian dengan kabilah-kabilah jahiliyah di Madinah. Apabila dibincangkan dengan ketua Aus dan Khazraj, mereka menolak pandangan itu. Rasulullah s.a.w. menerima pandangan mereka".

Antara para ulama' yang berpendapat syura mulzim ialah Dr. Mustafa Sibaie rahimahullah. Selama memegang jawatan ketua tanzim Ikhwan di Syria, beliau telah beriltizam dengan pendapat syura mulzim. Selain beliau ialah Syeikh Mahmud Syaltut, Dr. Yusuf al-Qaradhawi, as-Syahid Syed Qutb, as-Syahid Abdul Qadir Audah, Dr. Muhammad Abdul Qadir Abu Faris dan Iain-lain. Mereka semuanya beriltizam dengan syura yang mulzim.

Tidak Harus Membuat Keputusan Bersendirian

Seorang ketua tidak boleh membuat keputusan sendiri kerana mempunyai pandangan dan maklumat yang lebih luas, jika dia berpeluang membentangkan segala maklumat itu untuk perbincangan majlis syura.

Perkara ini boleh kita lihat dalam seerah Rasulullah saw ketika peperangan Uhud. Apabila Rasulullah saw mendengar berita kedatangan bala tentera Quraisy dan mereka semakin menghampiri Madinah (Iebih kurang lima batu), Baginda menghantnr seseorang untuk mengintip agar keputusan tidak dibuat kecuali setelah mempunyai maklumat yang terperinci. Setelah itu Baginda berbincang dengan para sahabat. Terdapat dua pendapat; sebahagian mahukan muslimin bertahan di kota Madinah dan sebahagian yang lain mahu keluar untuk bertempur. Rasulullah s.a.w. sendiri cenderung kepada pendapat yang pertama iaitu bertahan di Madinah. Tetapi akhirnya Rasulullah saw. membuat keputusan berdasarkan pendapat majoriti para sahabat iaitu pendapat yang kedua.

Jadi keputusan itu dibuat setelah berlaku perbincangan yang panjang lebar, bukan mengikut kemahuan individu semata-mata.

Para khulafa' ar-Rasyidin telah menuruti jejak langkah Rasulullah s.a.w. dalam hal syura ini. Abu Bakar r.a. ketika mahu memerangi mereka yang enggan membayar zakat telah berbincang dengan para sahabat, antaranya Umar r.a yang tidak bersetuju dengan tindakan perang itu. Tetapi setelah berbalas hujah, Umar r.a. akhirnya menerima pandangan Abu Bakar yang memerangi mereka yang membezakan kewajiban solat dan zakat.

Al-Qadhi Abu Yusuf menyebut dalam kitabnya "al-Kharaj" bahawa Umar r.a. telah bersyura dengan para sahabat tentang tanah-tanah di Iraq dan Syam yang menjadi milik muslimin melalui hukum 'al-Fai'. Pandangan Umar ialah mahu mengekalkan tanah-tanah tersebut tidak dibahagi-bahagikan kepada tentera muslimin sebagai hak umum orang Islam. Hasilnya boleh digunakan untuk perbelanjaan jihad, membayar gaji pegawai kerajaan dan membantu janda, anak yatim dan mereka yang memerlukan.

Pendapat Umar ini disanggah oleh mereka yang tidak bersetuju. Maka mereka berbincang dan berhujah selama tiga hari yang akhirnya keputusan dibuat berdasarkan pandangan Umar setelah diterima oleh semua pihak.

Jangan pula ada sesiapa yang menuduh Umar r.a. melakukan tekanan psikologi ke atas majlis syura. Bahkan sebaliknya Umar r.a. berkata: "Aku tidak mahu mengganggu kamu kecuali kerana aku mahu kamu menyertai aku dalam amanah ini dan bebanan urusan kamu yang aku pikul. Aku merupakan salah seorang daripada kamu. Kamu putuskan kebenaran hari ini. Sanggahlah sesiapa yang mahu menyanggahiku, bersetujulah sesiapa yang bersetuju denganku. Kamu mempunyai kitab yang berkata benar daripada Allah. Demi Allah aku tidak mahu kecuali kebenaran dalam apa saja yang aku ucapkan". Mereka berkata: "Kami dengar wahai Amir al-Mukminin..."

Tetapi jika terdapat dua pendapat yang seri, maka ketua berhak memilih mana-mana pandangan untuk membuat keputusan, bersesuaian dengan sabda baginda s.a.w. kepada Abu Bakar dan Umar: *"Kalau kamu berdua bersepakat dalam satu mesyuarat, aku tidak akan menyanggahi kamu".*

Jika terdapat banyak pandangan tetapi tiada yang majoriti, maka syura sebenarnya belum sempurna. Ketua dan ahli syura hendaklah berusaha lagi agar majoriti boleh diperolehi. Ketika itu keputusan yang dibuat akan disambut dengan rasa puas dan tenang oleh setiap ahli syura. Usaha tersebut boleh dilakukan melalui pembentangan lebih terperinci, mendengar pandangan pakar dan mendalami pemahaman terhadap al-Quran dan al-Sunnah.

Islam telah memerintahkan jamaah Islam agar menjadi syura sebagai sistem yang dipatuhi. Semua orang boleh mengemukakan pendapat tanpa disekat, dihina atau tidak diendahkan. 'Najwa' atau perbincangan sesuatu kelompok dalam jamaah secara sembunyi-sembunyi tanpa diketahui oleh pemimpin merupakan perbuatan yang boleh mendatangkan bahaya kepada binaan jamaah. Oleh sebab itulah Allah Taala telah melarang perbuatan 'Najwa' kerana kesannya yang boleh melukakan hati, memutuskan hubungan silatur rahim dan merosakkan perasaan kasih sayang yang mengikat semua anggota jamaah.

Syura dan Najwa'

Ada sesetengah musliniin ynng belum biasa dengan sensitiviti tanzim Islami, berkumpul dan berbincang sesama mereka tanpa pengetahuan pimpinan dalam perkara-perkara yang mereka tidak puas hati. Perbuatan itu adalah salah di sisi tanzim. Ruh dan tabiat tanzim Islami menuntut agar setiap pandangan dan pendapat hendaklah dikemukakan kepada pihak pimpinan tanpa mengadakan apa-apa perkumpulan sampingan. Perkumpulan itu sebahagiannya boleh membawa kepada keadaan kucar-kacir dan tidak menentu dalam jamaah, walaupun niatnya tidak bermaksud untuk memudaratkan jamaah. Perkumpulan itu juga boleh membawa kepada sikap tidak taat.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا تَنَٰجَيۡتُمۡ فَلَا تَتَنَٰجَوۡاْ بِٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِ
وَمَعۡصِيَتِ ٱلرَّسُولِ وَتَنَٰجَوۡاْ بِٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِيٓ إِلَيۡهِ
تُحۡشَرُونَ ﴿٩﴾ إِنَّمَا ٱلنَّجۡوَىٰ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ لِيَحۡزُنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ

وَلَيْسَ بِضَآرِّهِمْ شَيْـًٔا إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berbisik-bisik sesama sendiri, maka janganlah kamu berbisik-bisik untuk melakukan dosa dan pencerobohan serta perbuatan derhaka kepada Rasulullah; dan (sebaliknya) berbisik-bisiklah untuk berbuat kebajikan dan takwa. Dan hendaklah kamu tetap bertakwa kepada Allah yang kepada-Nya kamu semua akan dihimpunkan (pada hari kiamat untuk dihitung amal kamu dan menerima balasan). Sesungguhnya perbuatan berbisik-bisik (dengan kejahatan) itu adalah daripada hasutan syaitan, untuk menjadikan orang-orang beriman berdukacita; sedang bisikan itu tidak akan dapat membahayakan mereka sedikitpun melainkan dengan izin Allah; dan kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri" - (Al Mujadalah ; 9-10)

Allah s.w.t melarang 'Najwa' dalam perkara dosa, pormusuhan dan maksiat (tidak taat) kepada rasul dan membenarkannya dalam perkara-perkara kebaikan dan taqwa.

Al-Imam Ahmad berkata. Bermaksud: Bahz dan Affan telah menceritakan kepada kami: "Hamam telah menceritakan kepada kami daripada Qatadah, daripada Safwan bin Mihraz katanya: "Aku memegang tangan Ibnu Umar ketika dia dihalang oleh seorang Ielaki lalu bertanya: Macam mana kamu dengar Rasulullah s.a.w bercakap mengenai najwa pada hari kiamat? Kata lbnu Umar: Aku dengar Rasulullah s.a.w. berkata.

ان الله يدنى الموءمن,فيضع عليه كنفه,من الناس ويقرره بذنوبه,ويقول له:اتعرف ذنب كذا؟ اتعرف ذنب كذا؟ حتى اذا قرره بذنوبه, وراى فى نفسه انه قد هلك قال: فانى قد سترها عليك فى الدنيا وانا اغفرها لك اليوم, ثم يعطى كتاب حسناته, واما الكفار والمنافقون فيقول الاشهاد: هؤلاء الذين كانوا عتى ربهم, الا لعنة الله على الظالمين.(رواه البخارى ومسلم)

"Sesungguhnya Allah mendekati seorang mukmin dan melindunginya daripada pandangan manusia sambil menunjukkan dosa-dosanya: Adakah kamu tahu dosa ini? Adakah kamu tahu dosa sekian-sekian? Hingga apabila dia telah melihat dan mengakui kesemua dosa itu dan berasa dia akan musnah, berkata Allah Taala: Sesungguhnya Aku telah menyembunyikannya daripada engkau semasa di dunia dan pada hari ini aku ampunkan semuanya. Kemudian dia diberi buku catatan kebaikannya. Adapun orang-orang kafir dan munafiqin, maka berkatalah para saksi: Mereka ialah orang yang mendustakan Tuhan mereka, maka laknat Allah ke atas orang-orang yang zalim" - (Riwayat Bukhari & Muslim)

Allah Taala telah melarang najwa kerana kesannya boleh mendatangkan rasa dukacita tidak thiqah dan kecewa di hati mukmin. Rasulullah s.a.w. bersabda.

اذا كنتم ثلاثة فلا يتناجى اثنان دون صاحبها فان ذلك يحزنه (رواه البخارى ومسلم)

"Jika kamu bertiga maka janganlah dua orang berbisik-bisik tanpa rakannya itu kerana perbuatan itu menyedihkannya" - (Riwayat Bukhari &

Muslim)

Ianya merupakan akhlak yang terpuji yang akan menjauhkan daripada suasana prasangka.Tetapi tidak menjadi suatu kesalahan jika perjumpaan atau perkumpulan untuk membincangkan beberapa perkara yang perlu dirahsiakan daripada pengetahuan umum yang biasanya dilakukan antara para pimpinan. Yang tidak sepatutnya berlaku ialah perkumpulan di luar daripada pengetahuan jamaah. Fenomena inilah yang ditegah al-Quran. Kerana tindakan sebegini akan memecahkan jamaah ataupun setidak-tidaknya akan menjerumuskan saf/anggota ke dalam jurang prasangka dan hilang kepercayaan sesama mereka. Kita perlu sedar bahawa suasana perpecahan di kalangan saf jamaah amat disukai oleh syaitan agar jamaah muslimah tidak akan sampai kepada matlamat dan objektif yang dituju.

Syura menyelesaikan khilaf

Prinsip syura bukan setakat untuk golongan tertentu sahaja, balikan faedah syura seharusnya dapat dinikmati oleh semua muslimin. Barisan pemimpin yang mukhlis ialah mereka yang sentiasa menjaga kesatuan dan permuafakatan dalam saf. Di samping ia sentiasa berhati-hati terhadap perselisihan pendapat yang boleh membawa kepada perpecahan seterusnya kelemahan. Kesemuanya itu tidak akan dapat dilaksanakan jika tiada kejernihan hati, menafikan kemahuan nafsu dan ketaatan sempurna kepada Allah, Rasul dan pemimpin dalam perkara bukan maksiat.

Antara tindakan yang dapat menjamin keutuhan jamaah ialah merujuk kepada syura, dengan syarat anggota-anggotanya terdiri daripada kalangan yang berpengetahuan dan layak. Tunduk kepada pandangan jamaah selepas mongambil kira semua pandangan dan perbincangan tidak akan meninggalkan kesan negatif. Allah Taala berfirman.

"*Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah keampunan bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya" - (Alt Imran; 159)*

Seterusnya Allah Taala berfirman lagi;

وَٱلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

"Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula menderma sebahagian daripada apa yang Kami beri kepadanya" (As Syura; 38)

Syura hanya boleh dilakukan dalam perkara yang diputuskan melalui ijtihad, tidak dalam perkara yang telah diputuskan oleh nas atau wahyu. Rasulullah

s.a.w. bersabda.

انا اقضى بينكم فيما لم يترل فيه وحى

"Aku hanya menghukum antara kami dalam perkara yang tidak diturunkan wahyu".

Diriwayatkan daripada Ali bin Abi Talib *"Aku berkata: Wahai Rasulullah! Berlaku suatu peristiwa pada kami yang tiada hukumnya dalam al-Quran dan sunnah"Lalu* berkata Rasulullah;

اجمعوا له العالمين. او قال: العابدين من المؤمنين فاجعلوه شورى بينكم ولا تقضوا فيه براى واحد

"Kumpulan mereka yang arif atau abid di kalangan mukminin, maka bincangkan peristiwa itu antara kamu dan janganlah putuskan hukumnya dengan pandangan seorang individu sahaja"

Barisan pimpinan hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pandangan yang paling tepat atau paling kurang mudaratnya atau paling tinggi maslahatnya. Biasa dikatakan: Orang yang berakal ialah yang dapat membezakan antara yang baik dan jahat, manakala orang yang bijak ialah yang dapat memilih kemudaratan yang paling ringan, jika ada pilihan.

Oleh yang demikian, persekitaran yang jernih dan suci adalah apabila para ulama' dan cerdik pandai dapat mengeluarkan buah fikiran dan berbincang yang menatijahkan bercambahnya gaya amal dan sudut pandangan yang pelbagai. Fenomena itu menghasilkan kekuatnn fikiran, sikap menghormati pandangan, mencari kebenaran dan menerimanya,

Inilah jalan yang diasaskan oleh Baginda .s.a.w. dalam urusannya dengan para sahabat. Walaupun Rasulullah s.a.w. bersifat maksum dan disokong oleh wahyu, Baginda tidak mengetepikan para sahabat demi menegakkan prinsip syura dan melayan naluri manusia. Natijah sikap Maginda ini ialah banyak keputusan yang dibuat dalam pelbagai kes mengambarkan ruh jamaah.

Peristiwa-peristiwa sedemikian terlalu banyak, cukuplah satu peristiwa di sini sebagai contoh. Peristiwa ini berlaku selepas peperangan Badar. Rasulullah s.a.w, bertanya pendapat para sahabat tentang tawanan perang Badar. Kalau para sahabat menyerahkan urusan itu kepada keputusan Rasulullah s.a.w., itu tidak mengurangkan kedudukan mereka, kerana yang bertanya itu ialah seorang rasul yang mendapat wahyu. Oleh itu berlakulah perbezaan pendapat di kalangan sahabat tentang tawanan tersebut.

Abu Bakar r.a. berpendapat tawanan itu tidak dibunuh, malah disuruh bertaubat. Umar r.a pula berpandangan mereka perlu dipenggal kepala kerana telah mendustakan Rasulullah s.a.w. dan menghalau baginda dari Mekah. Abdullah bin Rawahah pula mengatakan; *"Ya Rasulullah! Kamu berada dalam wadi yang mempunyai banyak kayu api, maka nyalakan api dan campakkan mereka ke dalamnya"*

Rasulullah s.a.w. diam lalu masuk ke dalam rumah Baginda.

Kemudian Baginda keluar dan berkata: "Allah Taala melembutkan hati rijal sehingga lebih lembut dari susu, dan Dia mengeraskan hati rijal sehingga lebih keras daripada batu. Kamu wahai Abu Bakar seperti Ibrahim alaihi salam yang

berkata.

فَمَن تَبِعَنِى فَإِنَّهُۥ مِنِّى ۖ وَمَنْ عَصَانِى فَإِنَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٦﴾

"Oleh itu sesiapa yang menurutku (dalam Islam yang menjadi peganganku) maka ia adalah daripada golonganku; dan sesiapa yang menderhaka kepadaku (dengan menyalahi agama ku), maka sesungguhnya engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (kiranya ia insaf dan bertaubat)" -(Ibrahim; 36)

dan juga seperti Isa alaihi salam yang berkata.

إِن تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ ۖ وَإِن تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

Jika Engkau menyiksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka ialah hamba-hamba-Mu; dan jika Engkau tnengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkau sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana - (Al Maidah ; 118)

Kamu pula wahai Umar seperti Musa alaihi salam ;

رَبَّنَا ٱطْمِسْ عَلَىٰٓ أَمْوَٰلِهِمْ وَٱشْدُدْ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُوا۟ حَتَّىٰ يَرَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَلِيمَ ﴿٨٨﴾

Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta benda mereka dan meteraikanlah hati mereka (sehingga menjadi keras membatu), maka dengan itu mereka tidak akan dapat beriman sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya - (Yunus ; 88)

dan seperti Nuh alaihi salam yang berkata.

وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى ٱلْأَرْضِ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾

Dan Nabi Nuh (merayu lagi dengan) berkata: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorangpun daripada orang-orang kafir itu hidup di atas muka bumi -(Nuh; 26)

Jelas sekali dalam peristiwa ini Rasulullah s.a.w. menghormati pandangan-pandangan tersebut dan cuba mencari latar belakang yang positif di sebalik pandangan-pandangan itu.

Syura Di sisi Kita Bersifat Mulzim

Syura adalah faktor yang meinbezakan antara dua masyarakat: Masyarakat yang zalim dan masyarakat beriman dan aman. Masyarakat yang pertama temanya ialah kata kata: Aku tidak tunjukkan kecuali pandanganku dan aku tidak tunjukkan kecuali jalan yang bijak. Inilah kata-kata pemimpinnya, manakala kata-kata pengikut pula: Kita mempunyai kekuatan, urusan ini diserahkan kepadamu, maka lihatlah apa saja yang kamu putuskan".

Oleh yang demikian, barisan pimpinan amal Islami hendaklah tidak mengikut gaya masyarakat yang pertama, yang menafikan pandangan dan pemikiran rijal. Tidak harus baginya menguatkuasakan keputusan individu dan mengetepikan syura. Bahkan pimpinan jamaah Islam mestilah menuruti Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang beriltizam dengan syura.

Tidak di sana mana-mana idea atau pandangan perseorangan yang boleh mencapai tahap suci dan tidak boleh dipatuhi. Al-Imam Malik sendiri pernah berkat: *"Aku hanyalah seorang manusia, kadang-kadang silap, kadang-kadang betul. Maka telitilah pandanganku, setiap yang menepati al-Quran dan sunnah ambillah, manakala yang menyanggahinya tinggalkanlah".*

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Said bin Musayyab daripada Ali bin Abi Talib r.a berkata. Bermaksud: "Aku berkata dengan Rasulullah s.a.w apabila terjadi sesuatu perkara kepada kami sedangkan al-Quran tidak menerangkan tentang perkara tersebut, begitu juga al-Sunnah tidak menjelaskanya. Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab;

اجمعوا له العالمين. او قال: العابدين من المؤمنين فاجعلوه شورى بينكم ولا تقضوا فيه براى واحد

Kumpulkanlah orang-orang yang alim di kalangan mukmin agar niereka bermesyuarat bersama kamu dan jangan sekall-kali kamu berhukum dengan satu pandangan sahaja

Syura dan Nasihat

Syura akan menjadi lebih sempurna dengan nasihat. Nasihat adalah harus sama ada daripada individu atau ramai. Nasihat boleh dibcri atau diminta semasa syura atau selepasnya iaitu semasa perlaksanaan syura. Ini bcrlaku dalum peperangan Badar ketika al-Habab bin al-Munzir bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang penempatan tentera Badar, adakah ianya wahyu arahan Allah Taala atau ia datang dari ijtihad Rasulullah s.a.w. sebagai strategi menghadapi musuh. Rasulullah s.a.w. menjawab bahawa tempat itu hasil ijtihad dan strategi baginda semata-mata. Apabila mendengar jawapan itu, al-Habab pun memberikan pandangan dan nasihat, agar tempat. dan kubu muslimin di alihkan ke tempat lain yung Iebih strategik kerana boleh menghalang tentera muauh dari sumber air. Rasulullah s.a.w. menerima nasihat al-Habab dan melaksanakannya.

Antara peristiwa lain yang berkaitan nasihat ialah peperangan Khandaq.Tentera muslimin telah menggali parit yang besar dan dalam, berdasarkan nasihat Salman al-Farisi. Dalam perjanjian Hudaibiah pula Rasulullah s.a.w. menerima dan melaksanakan nasihat isterinya Ummu Salamah r.a. agar Baginda memulakan penyembelihan dam.
Topik syura adalah dalam perkara-perkara yang tidak mempunyai nas. Dalam erti kata lain, tidak ada ijtihad dengan wujudnya nas seperti kata para ulama usul fiqh. Contohnya ialah Rasulullah s.a.w. tidak menerima sebarang pandangan dalam pemeteraian perjanjian Hudaibiah kerana ia adalah perintah Allah taala. Firman Allah Taala;

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا
وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, supaya menjadi hakim memutuskannya sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat; dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan" - (An Nur; 51)

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ
وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasul-nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapayang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka ia sesungguhnya telah sesat denga kesesatan yangjelas nyata" - (Al Ahzab ; 36)

Sandaran syura ialah al-Qurun dan al-Sunnah. Kedua-dua sandaran dan sumber rujukan itu membezakan syura daripada institusi seumpamanya sepert i demokrasi.
Usaha membina kembali kehidupan Islam yang mithali menuntut wujudnya persefahaman dan penyelarasan antara muslimin. Persefahaman itu hanya dapat dipupuk melalui peranan positif yang dimainkan oleh syura dalam semua bidang Perkara ini sudah cukup untuk mengelakkan pertelingkahan dan perpecahan yang boleh membantutkan usaha pembinaan semula.

Syura adalah mulzim ke atas ahli syura secara umum dan ke atas pimpinan secara khusus. Untuk layak menjadi ahli syura, seseorang itu hendaklah sekurang-kurangnya melepasi tahap minima ahli ijtihad. Saya tidak bermaksud syarat-syarat ijtihad fiqh yang disebut dalam buku fiqh, bahkan bagi setiap bidang ada syaratnya tersendiri. Sesiapa yang berijtihad mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bidang yang dijtihadkan, maka beliau menghukum sesuatu tanpa ilmu dan bukti. Kes ini samalah dengan hadith.

"Hakim ada tiga kategori: Dua masuk neraka, satu masuk syurga. Seorang hakim menjatuhkan hukuman berdasarkan pengetahuannya yang sebenar, maka ia masuk syurga. Hakim yang menjatuhkan hukuman tanpa mengetahui apa-apa, maka ia masuk neraka. Hakim yang mengetahui kebenaran tetapi zalim dalam hukumannya (tidak berhukum berdasarkan pengetahuannya itu), maka ia masuk neraka. Riwayat Tabrani dan al-Hakim

Jelas dalam hadith tersebut, mereka yimg manjatuhkan hukuman tanpa ilmu akan masuk ke dalam neraka, sama seperti yang menjatuhkan hukuman batil walaipun ia tahu kedudukan sebenar. Sepatutnyn jika seseorang itu tidak mengetahui, maka lebih baik ia mengundurkan diri atau meminta bantuan dari mereka yang arif. Bahkan jika keputusannya betul sekalipun, ia tidak dikira kerana keputusan itu samalah seperti ungkapan serkap jarang.
Jika keputusan telah dibuat menerusi syura, maka tiada siapa yang boleh

melanggarinya, Kerana syura adalah mulzim di sisi kita. Adapun mereka ynng tidak menganuti fahaman dan manhaj kita maka kita katakan padanya seperti kata-kata al-Imam al-Banna: "Kita bantu-membantu dalam perkara yang kita sepakati dan saling memaafkan dalam perkara yang kita perselisihkan". Oleh kerana semua faktor yang disebutkan tadi, syura di sisi al-Imam al-Banna adalah mulzim. Ini mesti diikuti oleh para pengikut kerana syura yang mulzim merupakan unsur tetap jamaah.

UNSUR KELAPAN

Menghormati sistem dan peraturan adalah akhlak baiah kita.

Sesungguhnya amal tarbawi yang bersistem, produktif dan jama'i merupakan manhaj asli Islam. Tiada jamaah tanpa sistem dan tiada sistem tanpa jamaah. Kedua-duanya ibarat dua muka bagi sekeping wang syiling.

Kita telah bersetuju bahawa jamaah adalah tuntutan syarak dan merupakan unsur tetap Islam. Tetapi jemaah itu hanyalah sebatang tubuh tanpa nyawa jika tidak wnjud sistem dan peraturan dalamnya. Sistem yang dimaksudkan merangkumi aqidah, ibadat dan harakah. Oleh yang demikian al-Imam al-Banna telah menggariskan manhaj akdahh, manhaj ibadat dan manhaj harakah, agar kefahaman dapat disatukan, perjalanan dapat dikawal dan kepatuhan kepada sistem menjadi unsur tetap jamaah.

Sesiapa yang ingin masuk dan menjadi akh yang menyertai harakah, maka hendaklah menghormati sisttem dan peraturan. Ini satu perkara yang mudah untuk difahami. Sesiapa saja yang menyertai mana-mana kelab, syarikat atau persatuan, dengan sendirinya tertakluk kepada peraturan dan sistem institusi tersebut. Jika ia tidak menghormati peraturan maka hukuman atau denda yang setimpal akan dikenakan. Bahkan ahli politik yang mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan idealisme dan pemikiran partinya akan berhadapan dengan tindakan jawatankuasa disiplin.

Sudah tentu sebuah jamaah yang ingin menegakkan agama dan khilafah yang telah jatuh, tidak akan dapat mencapai matlamat dan objektifnya tanpa sistem dan peraturan. Bolehkah seseorang berkata: "Saya meyakini fikrah, tasawur dan objektif yang dibawa tetapi saya tidak boleh beriltizam dengan sistem dan peraturan jamaah". Apalagi dengan kata-kata yang lebih keras: "Apa kena-mengena kami dengan undang-undang, peraturan, sistem dan manhaj yang mengongkong gerakan. Biarkan kami bekerja, kami bukan budak kecil lagi". Ada yang berkata begini: "Tidakkah lebih baik, selepas ditarbiyah, kamu biarkan ikhwah bekerja dan masuk ke medan dakwah tanpa disekat dengan undang-undang dan peraturan". Sesebuah sekolah tidak akan dapat mencapai tujuannya tanpa wujudnya pengetua, guru-guru, murid-murid, pekerja dan undang-undang.

Kes-kes melanggar peraturan memerlukan ketegasan pimpinan dalam menanganinya. Jika tidak, sudah tentu akan berlaku keadaan tidak stabil dalam jamaah. Ada beberapa contoh kes perlanggaran undang-undang yang pernah berlaku dalam jamaah. Antaranya ialah kes Syeikh Ahmad Hasan al-Haquri rahimahullah. Beliau menerima tawaran jawatan menteri dalam kabinet Jamal Abdul Nasir tanpa izin Mursyidul Am Hasan al-Hudhaibi.

Mursyid	:	Apakah pendirian kamu sekarang?
Al Itaquri	:	Saya meletak jawatan daripada Maktab Irsyad.
Mursyid	:	Kemudian apa pula?
Al'Baquri	:	Saya menarik diri daripada Lembaga Pengasas.
Mursyid	:	Kemudian apa pula?
Al-Baquri	:	Saya keluar daripada jamaah Ikhwan Muslimin.

Mursyid : Itulah penyelesaiannya.

Kemudian Mursyid telah pergi ke Kementerian Waqaf mengucapkan tahniah kepada Syeikh Ahmad Hasan al-Baquri.

Pada tahun 1965 berlaku fitnah takfir (kafir mengkafir) iaitu wujud satu golongan dalam ikhwan yang mengkafirkan orang lain. Selain fikrahnya yang menyeleweng, golongan takfir ini mempunyai kesan yang merbahaya kepada jamaah ikhwan, boleh memecah belahkan Ikhwan dari dalam.

Keputusan yang dibuat ialah memulaukan golongan agar mereka kembali kepada fikrah dan peraturan jamaah. Yang berbahagia Mursyid Am Hasan al-lludhaibi sendiri telah mengarang buku khusus bagi menjawab fitnah takfir ini sejelas-jelasnya. Apabila ada pihak yang moncadangkan agar fikrah itu dibincangkan semula, Ustaz Mursyid tidak bersetuju seraya berkata: "Fikrah ini (takfir) lebih bahaya daripada cemeti dan penyeksaan yang dilakukan oleh algojo Abdul Nasir, dan ia telah diselesaikan.

لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَىَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ

"Supaya Allah melakukan sesuatu perkara (kemenangan Islam) yang telah ditetapkan berlakunya, iaitu supaya orang (kafir musyrik) yang binasa itu, binasa dengan keterangan (yang membuktikan kcsalahannya), dan supaya orang (Is-lam) yang hidup itu, hidup dengan keterangan (yang membuktikan kebenarannya)" (Al Anfal; 42)

Hasilnya ramai yang kembali kepada fikrah yang asal dan jamaah terpelihara dengan ketegasan itu. Yang tinggal hanyalah segelintir yang keluar daripada jamaah daripada sudut fikrah dan tanzim. Ada sesetengah mereka berkata: "Kami berbaiah dalam semua perkara dengan jamaah kecuali masalah takfir". Ustaz Mursyid menjawab: "Bahkan dalam semua perkara termasuk yang ini (takfir), sesiapa yang tidak berbaiah sedemikian maka hendaklah ia mencari platform yang lain selain daripada Ikhwan Muslimin". Kita boleh lihat dengan jelas kepentingan mentaati peraturan-peraturan jamaah yang membezakan pengikut dari penyeleweng.
Allah s.w.t telah mengajarkan kita bahawa alam ini mempunyai undang-undang dan peraturannya yang tidak boleh dilanggar.





"Dengan ketentuan yangdemikian, matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing" - (Yaasin; 40)

Bintang di langit mempunyai orbit dan sistemnya sendiri. Jika bintang itu keluar dari sistemnya sudah tentu in akan hancur dan hilang peranannya. Bahkan Allah Taala menjadikan bagi insan undang-undang dan manhaj kehidupan agar mendatangkan kebahagian dan kesejahteraan kopada mereka.

لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَـٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ ۖ تَنزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

" Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginyu; ia diturunkan daripada Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji" - (Fussilat; 42)

Rasulullah pula mengajar kita bahawa sesiapa yang mengikut al Quran, melaksanakan arahan Nya, meninggalkan larangan-Nya dan sabar di atas kesusahan yang menimpa maka dia mendapat hidayah. Sesiapa yang tidak menuruti perintah al-Quran dan menyanggahi arahan dan larangan-Nya maka musnahlah ia.

فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَاىَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٢٣﴾ وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾

"Maka sesiapayang mengikut petunjuk-Ku itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara. Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta" -(TaaHa; 123-124)

Dalam ayat lain, bagaimana ALlah menjelaskan bahawa "Barang siapa yang taat kepada Rasul, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah"

Jadi di sana ada unsur tetap untuk memelihara alam dan manhaj tetap untuk membahagiakan manusia.

Antara pengajarannya ialah mesti ada sistem yang mapan yang mampu menghimpunkan kesemua individu dalam ketaatan kepada Allah dan rasul-Nya selama mana kita meyakini kesahihan iktikadnya, kebenaran pengikutnya dan keikhlasan pimpinannya. Di kala itu ketaatan menjadi ibadat kepada Allah Taala.

Oleh itu di samping menghidupkan jiwa dengan keimanan, tabiat harakah Islamiah juga menuntut agar berjalan secara bersistem dan berperaturan. Ikatan ukhuwah yang kuat tidak sepatutnya melalaikan daripada keperluan kesatuan kefahaman dan kesatuan tanzim yang bertindak sebagai tarbiyah idariah (latihan pengurusan) yang mempunyai hubungan dengan nilai keimanan.

Antara halangan tarbiyah ialah berlakunya kecenderungan yang lebih pada sudut teori ke atas sudut amali dan perlaksanaan, tanpa dihubungkan dengan tarbiyah. Oleh itu mesti wujud tiga perkara iaitu iman yang memberikan keyakinan terhadap amal. Keduanya taqwa yang menanamkan sikap berhati-hati dalam setiap amalan kerana merasai diri sentiasa diperhatikan. Sikap sedemikian akhirnya menyebabkan seseorang individu melakukan amalnya dengan penuh rasa tanggungjawab dan bersungguh-sungguh sehingga sampai ke tahap ihsan. Ketiga-tiga perkara ini akan menjadi lebih sempurna dengan adanya sistem, kepimpinan dan pengarahan yang satu. Semuanya itu akan menukarkan seorang muslim menjadi ledakan tenaga yang begitu kuat, melakukan amalan dan pencapaian yang maksima.

Kesemua perkara itu bertujuan untuk melaksanakan ubudiyah kepada Allah Taala

melalui syiar ibadat, sistem, peraturan, akhlak dan pengurusan. Titik tolak kita ialah ubudiyah kepada Allah yang Esa dan tugas kita ialah mengeluarkan manusia dari perhambaan sesama hamba kepada perhambaan kepada Allah semata-mata.

UNSUR KESEMBILAN

Pilihan fiqhiah adalah hak jamaah

Al-Imam al-Banna telah menerangkan bahawa perkara-perkara yang diperselisihkan berkaitan dengan peraturan eksekutif atau urusan tanzim dan beberapa permasalahan fiqh dalam jamaah ialah khusus bagi jamaah sahaja. Ini bermaksud mereka yang tidak berada di dalam saf jamaah tidak ada kena mengena dengan keputusan yang dibuat oleh jamaah kerana ia mrupakan perkara ijtihad. Tetapi bagi anggota yang telah membaiah pimpinan jamaah, mereka mestilah mematuhi semua arahan jamaah berkaitan dengan sistem dan peraturan yang telah dipilih. Apabila jamaah telah memilih sesuatu sistem atau peraturan atau pendapat fiqh maka mereka mestilah tunduk pada pilihan tersebut.

Adapun perselisihan pendapat dalam ibadat khusus yang tidak memberi kesan kepada harakah jamaah, maka keputusannya terletak pada individu itu sendiri untuk membuat pilihan berdasarkan hujah-hujah yang dapat diterima akalnya dan tenteram hatinya.

Tetapi jika perselisihan itu berkaitan langsung dengan harakah jamaah, maka keputusannya terletak pada tangan jamaah. Apabila jamaah telah membuat pilihan dan keputusan, individu mestilah mematuhinya. Sebagai contoh jamaah telah memilih pendapat bahawa syura itu mulzim. Pilihan itu telah menjadi unsur tetap jamaah yang tidak boleh disanggah oleh sesiapa yang berintima' pada jamaah.

Al-Imam al-Banna berkata: "Pendapat imam (pemimpin tertinggi) dan naibnya dalam perkara yang tidak mempunyai nas dan dalam perkara yang mempunyai banyak pilihan dan dalam perkara masalih mursalah adalah dipakai selama mana tidak bertentangan dengan kaedah syarak. Pendapat itu boleh berubah mengikut zuruf, uruf dan adat. Asas dalam ibadat ialah taabud tanpa melihat pada hikmah. Asas dalam adat ialah melihat kepada rahsia, hikmah dan tujuan". Al-Imam Ibnu Taimiyah berkata mengenai perkara ibadat: "Perselisihan dalamnya, jika hukum yang diperselisihkan itu menyalahi sunnah atau ijma maka wajiblah mengingkarinya, begitu juga wajib mengingkari sipelakunya. Jika perkara itu tidak ada sunnah dan ijma maka padanya ada beberapa mazhab. Tidak diingkari mereka yang menyalahi mana-mana mazhab sama ada ia mujtahid atau muqallid (orang yang bertaklid)".

Dalam berselisih pendapat, terdapat beberapa adab yang mengawal kita:

1. Tidak taksub pada satu pendapat untuk mendapatkan pengaruh. Taksub tidak sama dengan iltizam.
2. Jamaah atau individu tidak boleh mendakwa dirinya maksum.
3. Kita mencari kebenaran tidak kira daripada lidah kita atau orang lain. Imam Syafie berkata: "Aku tidak berbalas hujah dengan seseorang melainkan aku berharap kebenaran terbit dari lidahnya".

Kita tidak mencari keaiban orang lain dengan tujuan menjauhkan manusia daripadanya.

Persepakatan dalam perkara asas tidak bermakna bersepakat dalam perkara cabang. Mentafsir apa yang diperkatakan oleh orang lain untuk kebaikannya. Ibnu Taimiyah pernah mentafsirkan kata-kata Murjiah bahawa : Sesiapa yang dicintai Allah, dosa tidak memudaratkannya. Ibnu Taimiyah berkata: "Dia bermaksud sesiapa yang dicintai Allah nescaya Allah memberinya taufik agar bertaubat."

Kita memuliakan ulama, tidak mensucikan mereka. Kelemahan mereka tenggelam dalam kebaikan mereka. Benarlah kata-kata: "Sesiapa yang tidak mengetahui perselisihan ulama', tidak menghidu bauan fiqh".

Antara pendirian tetap dan bukan taktikal ialah pendirian jamaah terhadap:

1. Kekerasan dan keganasan.
2. Kaum Qibti.
3. Syura.
4. Wanita.
5. Penyertaan dalam kerajaan.

Semua pendirian itu ialah unsur tetap yang tidak berubah. Ia dibuat tanpa menyembunyikan apa-apa maslahat atau manfaat.

UNSUR KESEPULUH

Allah ialah matlamat dalam semua unsur tetap dan berubah, dalam setiap perkataan dan perbuatan kita.

Tugas, risalah dan matlamat kejadian setiap insan ialah beribadat kepada Allah Taala yang esa sebagaimana firmannya ; Tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku. Ibadat yang dimaksudkan ialah yang syumul dan lengkap. Setiap insan tidak dapat mencapai kebahagiaan, kebebasan, kemuliaan, ketamadunan dan kemanusiaannya kecuali dengan keikhlasan ubudiyah kepada Allah semata-mata. Diri insan yang mulia terletak pada kehinaannya di hadapan Allah. Oleh itu seorang muslim merupakan seorang hamba yang bebas apabila ia mengungkapkan: "Hanya engkau yang kami sembah dan hanya engkau yang kami mohon pertolongan". Ibadatnya mengambil semua detik kehidupannya, tidak kira malam atau siang, ketika menjadi rahib di malam hari atau bagaikan pahlawan di siang hari. Dia adalah hamba di dalam masjid, rumah, institusi, tempat kerja dan di jalanraya. "Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekelian alam. Tiada sekutu bagi-Nya - (AlAnam; 162-163).

Dia ialah hamba dalam kehidupan pendidikannya, ilmunya, politiknya, sosialnya dan kekeluargaannya. Dia adalah hamba dalam kehidupan peribadi dan umumnya. Hamba dalam perencanaan dan pengurusannya. Hamba dalam hala tujunya. Ciri istimewa yang ada padanya ialah ibadat kepada Allah. Garis tetap dalam kehidupannya ialah ibadat.

"Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh diatas tauhid" - (Al Bayyinah ; 5)
Ini kerana dengan ibadah kita boleh sampai ke peringkat pimpinan dunia. Benarlah kata al-Imam al-Banna: "Jadilah kamu hamba-hamba sebelum menjadi pemimpin. Ibadat menyampaikan kamu kepada sebaik-baik kepemimpinan".

Oleh itu dia tidak akan meninggalkan perhambaannya itu selama-lamanya. Kesempurnaan ibadat menyebabkan dia tidak takut kepada keganasan toghut, walaupun tidak mempunyai apa-apa kekuatan material.

وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ أَنتُمْ قَلِيلٌ مُّسْتَضْعَفُونَ فِى ٱلْأَرْضِ تَخَافُونَ أَن يَتَخَطَّفَكُمُ ٱلنَّاسُ
فَـَٔاوَىٰكُمْ وَأَيَّدَكُم بِنَصْرِهِۦ وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya serta tertindas di bumi, kamu takut orang-orang menangkap dan melarikan kamu, maka Allah memberi kamu tempat tinggal dan diperkuatkan-Nya, serta di kurniakan-Nya kamu daripada rezeki yang baik, supaya kamu bersyukur" (Al Anfal; 26)

Di samping itu kita katakan bahwa seseorang insan tidak akan maju dengan

kedua belah kakinya, malah dengan tiga perkara iaitu akal, jasad dan jiwanya.

Punca yang bersih

Al-Quran merupakan punca yang bersih bagi muslim di zaman Rasulullah s.a.w. Walaupun wujud tamadun Rom dan Parsi, bahkan Yahudi dan Nasrani di Semenanjung Tanah Arab. Mereka tidak membaca al-Quran sebagai satu keseronokan atau kebudayaan, tetapi dibaca untuk dilaksanakan serta merta. Seolah-olah apabila seseorang daripada mereka masuk Islam, dia telah mencabut semua unsur jahiliyah dari tengkuknya seperti seorang bayi yang berbogel bersedia untuk memakai baju Islam. "Dan pakaian takwa itu ialah sebaik-baik pakaian"

Kekuatannya diambil daripada iman dan akidahnya yang menerangi kehidupannya. Dia berakhlak dengan akidah ini sehingga membentuk keperibadian seorang individu. Individu itu membentuk masyarakat. Mereka diikat dengan kesatuan perasaan, nilai dan kasih sayang. Tidak akan wujud kesatuan dalam masyarakat jika tiada kesatuan suluk dan akhlak pada setiap individunya.

Oleh itu sistem akhlak Islam merangkumi setiap sudut kehidupan insan; sosial, politik dan scbagainya. la menggariskan hubungan insan sesama insan, hubungan insan dengan penciptanya dan hubungan insan dengan alam semesta. Daripada situ berlakulah keseimbangan, jelaslah segala hak dan tanggungjawab. Sabda Rasulullah s.a.w.

"Sesungguhnya Tuhanmu ada hak ke atasmu, dirimu ada hak ke atasmu, keluargamu ada hak ke atasmu, isterimu ada hak ke atasmu, maka tunaikanlah setiap yang mempunyai hak akan haknya".

Jika kita dapat menunaikan tanggungjawab dan hak kesemuanya, secara pasti kita dapat bangkit untuk mencapai matlamat.

Betul kita mahu bangkit. Tetapi matlamat kebangkitan ialah untuk mencapai ubudiyah kepada Allah Taala. Maka kita hendaklah menjadi hamba-hambanya yang sentiasa berwuduk dan sujud, berkaki kematu akibat ibadat, air mata yang selalu mengalir, lidah yang sentiasa berzikir, hati yang bergetar kerana Allah dan anggota yang sentiasa khusyuk.

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ
إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ
﴿٣﴾ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَّهُمْ دَرَجَٰتٌ عِندَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadi mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian daripada apa yang kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang

beriman dengan dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpahan kurniayang mulia (di syurga)" - (Al Anfal; 2-4)

Mereka adalah mukminun sebenar kerana matlamat mereka ialah Allah. Sehingga masuk ke syurga pun matlamat mereka tetap Allah. Matlamat ini ialah unsur tetap dakwah. Unsur tetap ini menuntut setiap akh yang berintima' dengan dakwah ini agar sentiasa menimbang segala aktiviti berdasarkan neraca matlamat ini. Setiap sesuatu bermaksud keredaan Allah adalah diterima dalam dakwah ini. Sebaliknya setiap sesuatu yang menyebabkan kemurkaan Allah adalah dbenci dan tidak diterima dalam dakwah ini.

Kerajaan hanyalah wasilah.

Sistem dan pengurusan bahkan keraaan, Ngo dan jamaah jamaah yang ditubuhkan oleh manusia, hanya sebagai wasilah untuk menunaikan tujuan atau objektif. Ia bukalah matlamat itu sendiri. Namun kemulian wasilah diimbas dari kemulian matlamatnya dan ia dilakukan untuk tujuan mencapai peratusan terbesar daripada matlamat yang tidak mungkin dicapai melalui usaha individu. Maka dari sini terbentuknya jamaah , kumpulan dan kepimpinan.

Kesan dari itu maka tidak harus sama sekali dalam apa suasana sekalipun wasilah bertukar menjadi matlamat. Tetapi hendaklah ia kekal sebagai wasilah yang ditentukan berkadar dengan keperluan untuk mencapai objektif yang kita imbaskan sebelum ini, iaitu: melaksanakan pengabdian kepada Allah dan memperolehi keredhaannya.

Oleh itu bukanlah menjadi matlamat dakwah kepada Allah dan amal islami dalam bentuknya yang berbagai untuk mendapat pemerintahan dan kuasa melalui peribadi peribadi dan cara cara yang syarie atau tidak syarie. Sebaliknya pemerintahan itu sendiri pada pandangan muslim tidak lebih hanya sebagai cara untuk merialisasikan ubudiah kepada Allah, menyebarkan dakwah dan melindunginya dalam jangkaan yang lebih luas dan ruang yang lebih syumul. Ini adalah kerana bagi seorang muslim perkara yang utama ialah merialisasikan pengertian dan maani yang dikehendaki oleh Islam, kemudian ia meneruskan perjalanan amal islami dan terpikul ke atas bahu mereka tanggungjawab tanggungjawab baru yang kian berkembang dalam rangka menyempurnakan pengabdian diri kepada Allah dengan taklif yang lebih besar. Yang menjadi matlamat kepada itu semua ialah Allah. Firman Allah dalam al Quran:

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُواْ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَنَهَوۡاْ
عَنِ ٱلۡمُنكَرِۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلۡأُمُورِ ٤١

"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatandan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan" - (Al Hajj; 41)

Sesungguhnya seseorang muslim itu apabila tidak menyempumakan pengabdian ini dan menunaikan hak yang sepatutnya ia akan menjadi seburuk hidupan yang merayap seperti yang dijelaskan oleh firman Allah

۞ إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلصُّمُّ ٱلۡبُكۡمُ ٱلَّذِينَ لَا يَعۡقِلُونَ ﴿٢٢﴾ وَلَوۡ عَلِمَ ٱللَّهُ فِيهِمۡ خَيۡرٗا لَّأَسۡمَعَهُمۡۖ وَلَوۡ أَسۡمَعَهُمۡ لَتَوَلَّواْ وَّهُم مُّعۡرِضُونَ ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang tidak mahu memahami sesuatupun (dengan akal fikirannya). Dan kalaulah Allah mengetahui ada kebaikan pada mereka, tentulah Ia menjadikan rnereka dapat mendengar; dan kalau Allah menjadikan mereka dapat mendengar juga (dengan keadaan yang demikian), nescaya mereka tidak menerimanya sambil memalingkan diri" (AlAnfal; 22,23).

Natijah perlaksanaan.

Dengan terlaksananya ubudiah(pengabdian) akan tercerna pada diri seseorang muslim:

1. Perasaan takut kepada Allah subhanahu waataala
2. Iltizam dalam bentuk akhlak dan peradaban terhadap perkara yang ia percayai dan anuti
3. Rasa tanggungjawab individu yang membawa kepada penggabungan
4. Cinta untuk melakukan kewajiban biar apa risiko sekalipun
5. Menghargai masa dan bimbang akan terlepas, kerana ia akan dihisab terhadap cara penggunaannya. Maka ia tidak mensia siakanya dengan bertengkar, dan berjadal sebaliknya digunakan sebaiknya untuk beramal dan membuat pengorbanan.
6. Bersikap positif dalam melaksanakan tuntutan dengan melakukan proaktif dan bertindak menyegerakan tindakan
7. Menanamkan rasa tenang dalam diri, optimis dalam hati serta thiqah kepada pencipta.
8. Mengurniakannya keberanian, kegagahan dan tidak takut dalam diri. Lalu ia mengenalpasti halangan halangan diperjalanan. Dengan sifat sifat itu ia mengatasi kesukaran, mengatasi kepayahan, meredah kebatilan, menyebarkan kebenaran dan menuntut bela terhadapnya. Ia meyakini akan kemenangan serta menunggunya atau memperolehi shahadah.
9. Menggunakan senjata kebenaran, keikhlasan, iltizam dan kelainan dan senjata ukhuwwah dan thiqah kepada Allah.
10. Gigih melaksanakan akad keimanan dan akad ukhuwwah dibantu oleh kethiqahan hanya kepada Allah dan kemudian kepada saudaranya.

Tidak akan terlaksana itu semua kecuali dengan keikhlasan beramal dan menyerahan diri kepada Allah tuhan seru sekelian alam. Ini adalah kerana pertautan yang kukuh hanya dapat dicetuskan oleh iman, sebagaimana kehilangannya adalah satu wajah dari wajah kekufuran. Allah berfirman yang bermaksud "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara.." dan firmannya lagi ;

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تُطِيعُواْ فَرِيقٗا مِّنَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ يَرُدُّوكُم بَعۡدَ إِيمَٰنِكُمۡ كَٰفِرِينَ ﴿١٠٠﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu taat akan sesuatu puak dari

orang-orang (Yahudi dan Nasrani)yang diberikan Kitab itu, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman" (Al Imran, 100).

Para ulama' mengatakan bahawa: ayat ayat yang mulia ini bermaksud: mereka - yakni ahli kitab- menjadikan kamu berpecah belah setelah kamu bersatupadu. Mereka tidak menjadi begitu kecuali apabila berselisih hati, berpecah dan bercabang matlamat. Dalam kes yang seperti ini turunnya ayat tersebut dan kerana urusan ini ia didedahkan. Rasulullah s.a.w menarik perhatian kita kepada pengertian ini sewaktu ia menghadapkan mukanya kepada sahabat sahabat baginda r.a. dan mengimbas kepada sebab turun ayat yang mulai itu lalu berabda dengan maksud: jangan kamu kembali selepasku menjadi kafir, sebahagian kamu memanggal tengkuk sebahagian yang lain.

Untuk tujuan itu al quran memandu kepada nilai ukhuwah dan kesatuan diatas asas agama. Dan kerana itu wirid rabitah mengingatkan kamu kepada kesatuan hala tuju dan matlamat pada waktu kamu berdoa untuk ikwan kamu: wahai tuhan sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa hati hati ini bersatu dalam mengasihi mu, bertemu dalam ketaatan kepadamu, bersatu dalam dakwahmu, berjanji setia untuk mendokong syariatmu, maka kukuhkanlah pertautannya, kekalkanlah kasih sayangnya, tujukkan kepadanya jalannya, penuhinya dengan cahaya yang tidak akan malap, terangkan hatinya dengan dengan limpahan iman kepadamu, keindahan tawakkal kepadamu, hidupkanlah ia dengan dengan makrifahmu, dan matikanlah ia dalam keadaan syahid dijalanmu, sesungguhnya engkau sebaik baik tempat pergantungan dan sebaik baik penolong.

Maka pertemuan disini bukan pertemuan tubuh badan tetapi pertemuan hati hati diatas kecintaan kepada Allah dan ketaatan kepadanya. Itu semua tidak akan berlaku kecuali apabila Allah menjadi matlamat kita, Rasulullah s.a.w menjadi ikutan kita, al Quran perlembagaan kita, jihad jalan kita dan mati dijalan Allah adalah setinggi tinggi cita cita kita.

Sesungguhnya mengukuhkan pegangan bahawa Allah matliunat kita adalah antara perkara tetap dalam dakwah kita yang perlu diawasi. Dan kepekaan bahawa segala yang menyanggah matlamat perlu ditolak menimbulkan kesedaran untuk berdepan dengan segala perkara yang membatalkan matlamat ini. Memelihara syiar Allah matlamat kami sebagai satu ungkapan kepada matlamat kita yang tertinggi menuntut susunan objektif lain diletakkan ditempatnya yang sesuai pada tahap – tahap amal. Ini bererti kita tidak berupaya mengabaikan objektif strategi yang menyampaikan kita kepada matlamat yang tertinggi(wawasan), sebagaimana kita tidak mungkin bertolak ansur untuk meningggalkan mana step daripada step step yang telah ditetapkan. Menegakkan khilafah ar rasyidah diatas manhaj nubuwah- misalnya- adalah salah satu daripada tahapan/step yang tidak akan menyampaikan kita kepada matlamat tanpa menegakkanya. Di fahami dari sini adalah tidak harus kita menggugurkannya dari pegangan kita. Ketidakmampuan kita menegakkannya hari ini lantaran penguasaan musuh kita dan cengkaman sistem mereka yang univesal terhadap keupayaan kita serta kedudukan mereka yang mengatasi kita, tidak bererti kita harus memadamnya dari tahapan amal kita. Kita tidak harus menghapuskannya dari matlamat kita kerana menyelamatkan diri dari belasahan musuh. Kerana ini akan menyebab berlaku pengaburan kepada jenerasi mendatang, memesongkan mereka dari salah satu kewajihan mereka yang juga merupakan penurunan pada tahapan objektif kita yang akan menyebabkan mereka berada pada anak tangga dibawah dari yang sepatutnya dan seterusnya menghalang mereka dari merealisasikan matlamat membawa kebahagian yang abadi. Allah adalah matlamat kita.

Penyelewengan (Inhiraf) dari matlamat.

Penyelewengan dari matlamat adalah sebahaya- bahaya bentuk penyelewengan dan halangan yang paling serius terhadap tarbiah. Kerana itu setiap murabbi harus mengetahui bahawa matlamat keberadaan kita diatas jalan dakwah ialah Allah suhanahu wata'ala. Jauh dari matlamat atau inhiraf daripada matlamat bererti ia bermaksud selain dari Allah. Sedia diketahui bahawa penyelewengan bentuk ini walaupun sedikit mendedahkan manhaj tarbiah kepada kecacatan yang membahayakan. Maka riya', bongkak, sombong, angkuh, ingin menjadi ketua, menonjol diri dan mahu kedepan serta kecenderongan duniawi lain yang hina adalah antara penyakit hati yang menyelewengkan sesiapa yang dijangkitinya daripada matlamat asal. Ia merosakkan amal dan mengugurkan niat yang ikhlas.

Tidak semestinya penyelewengan dari matlamat itu bererti berpaling kepada tujuan tujuan keduniaan, tetapi semata mata wujud penyelewengan samada dalam tasawwur atau amal, ia akan menganggu manhaj tarbiah yang sahih.

Mereka yang menjadikan matlamat mereka mengukuhkan struktur tanzim, mengemaskan perancangan strategi atau menjadikan matlamat mereka untuk mendirikan tamadun kebendaan dan ilmu teknologi- ini semua adalah urusan yang dituntut dan digalakkan tetapi- ia bukanlah matlamat. Ia hanyalah wasael dan natijah. Sekadar mana seseorang itu melakukan usaha dan mengikhlaskan niat ia akan diberi ganjaran berdasarkan usaha dan niatnya. Ia dengan itu telah mencapai satu darjat dari darjat syhada' wal hal ia berada dirumahnya.

وَلَا عَلَى ٱلَّذِينَ إِذَا مَآ أَتَوۡكَ لِتَحۡمِلَهُمۡ قُلۡتَ لَآ أَجِدُ مَآ أَحۡمِلُكُمۡ عَلَيۡهِ تَوَلَّواْ
وَّأَعۡيُنُهُمۡ تَفِيضُ مِنَ ٱلدَّمۡعِ حَزَنًا أَلَّا يَجِدُواْ مَا يُنفِقُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan tidak juga berdosa orang-orang yang ketika mereka datang kepadamu (memohon) supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: "Tidak ada padaku kenderaan yang hendak kuberikan untuk membawa kamu", mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran, kerana sedih bahawa mereka tidak mempunyai sesuatupun yang hendak mereka belanjakan (untuk pergi berjihad pada jalan Allah" (At Taubah; 92).

Dengan roh yang seperti ini muslimun telah mencapai kemenangan dan dengan semangat yang seperti ini kelimah mereka menjadi tinggi. Bandingkan diniana kedudukan kita dari mereka. Firman Allah:

ٱلتَّٰٓئِبُونَ ٱلۡعَٰبِدُونَ ٱلۡحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ
ٱلۡأٓمِرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِۗ

"(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian)".(At Taubah: 112)

Dimanakah roh kita dari kumpulan yang menjadikan Allah sebagai matlamat mereka - Allah matlamat kita dalam tuturkata dan perbuatan kita- ia diberi ganjaran samada ia telah membuahkan hasil dan memetik buah atau menanam benih dan hasilnya dituai oleh jenerasi yang seterusnya. Benarlah sabda Rasulullah s.a.w ketika baginda mengucapkan dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Jabir bin Abdullah al Ansori- r.a- yang bermaksud Kami besama Nabi s.a.w dalam peperangan Tabuk, lalu baginda bersabda: sesungguhnya di Madinah ada lelaki yang sentiasa bersama kanu setiap kali kamu menyambung perjalanan dan meredah lembah tetapi mereka dihalang oleh sakit - dalam satu riwayat - mereka berkongsi pahala dengan kamu. (Muslim)

Junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w pembawa risalah telah berbicara mengenai berita besar ini, bagi menenangkan hati para sahabat tentang saudara saudara mereka yang tidak berkesempatan kerana keuzuran. Baginda menganyam kasih sayang didalam hati, menpertautkan antara jiwa jiwa. Mereka semua dilapangan perjuangan Islam seolah olah satu jasad. Mereka dikumpulkan oleh niat yang baik, diikat dengan ketulusan niat menuju satu hadaf. Mereka menuju ke Tabuk sebagai tentera mujahidin. Mereka mendapat pahala kerana menanggung kesukaran perjalanan, berpisah meninggalkan keluarga dan tanah air, meneruskan perjalanan menjual nyawa dijalan Allah dengan harga yang murah.

Mereka adalah golongan yang dihalang oleh keuzuran, sakit pada jasad dan tubuh badan, namun ketulusan iman menggerakkan mereka. Hati mereka bergelora dengan jihad, melonjak lonjak untuk menemui musuh. Mereka dijadikan oleh Rasulullah s.a.w rakan kongsi kepada pahala dan ganjaran lantaran ketulusan niat mereka. Baginda gabungkan mereka kepada kumpulan mujahidin dengan roh mereka. Baginda bersabda: (mereka bersama kita). Sesungguhnya Allah melihat kepada hati yang melompat kerana cintakan jihad dan terbang kepada kebaikan dimana ia didapati serta berlegar bersama ketulusan di semua lapangan. Yang menjadi ukuran dalam semua keadaan ialah pada hati.. kerana matlamat kedua dua mereka adalah Allah.

Adapun apabila matlamat sudah terpesong, tamadun mesti terbina, perancangan mesti berjaya, penilaian dilihat kepada natijah amal tanpa mengambil kira hal dan akhlak dan pahala diukur setakatmana amal menatijahkan hasil, maka itu semua adalah jauh dari matlamat. Ketika mana Allah sebagai matlamat, Allah mengatakan;

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ﴿٧﴾ وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُۥ ﴿٨﴾

"Maka barangsiapa yang melakukan amal kebaikan sebesar zarah ia akan melihatnya dan barangsiapa yang melakukan keburukan sebesar zarah ia akan melihatnya" (Al Zalzalah; 7-8)

Pahala bagi satu zarah amal kerana matlamat adalah Allah.
Kerana itu ketika mana kita menilai seseorang lelaki berdasarkan aktiviti mereka, tanpa melihat kepada jauh dekat mereka daripada matlamat, sesungguhnya kita telah melakukan kesilapan, kerana tidak memberikan mereka nilaianya yang sebenar, kita memperkecilkan amalan mereka dan mengurangkan sukatannya. Ini menyebabkan perjalanan terganggu oleh kelecehan kefahaman yang seperti ini.

Kadang kadang seseorang muslim berjaya melaksanakan perencanaan, tetapi ia gugur dalam ujian yang dahsyat, atau oleh hawa dalam diri, atau dihidapi penyakit hati (ghurur) yang mengugurkan amal, meskipun halus dan merosakkan

perancangan walaupun kewaspadaan telah diambil. Ini berlaku ketika mana seorang muslim menyangka bahawa ia mempunyai keistimewaan yang mengatasi orang lain dari segi pengalaman, kecerdikan, kebijaksanaan dalam mengurus, mahir dalam seni berpolitik, selok belok strategi, perancangannya dan teknik teknik berkonfrantasi dengan musuh. Ia bersikap sombong terhadap kawan kawannya, memandang kerdil terhadap mereka walaupun mereka adalah merupakan orang orang yang senior dalam dakwah. Ia membahagikan mereka kepada dua golongan: satu golongan dianggap memiliki pandangan dan ahli musyawarah, kedudukan mereka dibarisan depan dan segolongan lagi otodok, keterbelakang tidak berhak terlibat dalam perancangan dan pemesyuaratan.

Keredhaan Allah kepada seorang sahabat yang bejihad bersama Rasulullah s.aw. : (aku tidak tahu bilangan selepas daripada seribu....) dalam masa yangsama dia adalah sahabat yang mengucapkan: "Sesunguhnya Allah yang mengutuskan kami untuk mengeluarkan sesiapa yang ia kehendaki dari mengabdikan diri kepada hamba kepada mengabdikan diri kepada Allah) dan sahabat kepada setiap ahli ibadat yang bertungkus lumus dengan ibadatnya, sebagaimana ia juga sahabat kepada setiap pakar perancang yang handal.

Manusia seperti mereka apabila tercapai kebaikan dakwah melalui tangan mereka, mereka akan memulangkannya kepada kebolehan mereka dan kehandalan mereka. Mereka lupa dengan kurniaan Allah, bantuan dan taufiknya.

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ

"Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya" (An Nur ; 21)

Logik mereka seperti logik golongan yang kagum dengan tamadun barat (Alangkah seronoknya!)

يَٰلَيْتَ لَنَا مِثْلَ مَآ أُوتِىَ قَٰرُونُ إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٧٩﴾

"Kalaulah aku memiliki seperti apa yang dimiliki oleh Qarun, sesungguhnya ia adalah manusia yang amat beruntung" - (Al Qasas ; 79)

Kemudian ia membandingkan dirinya dengan sahabat sahabatnya, dia merasakan keluasan ufuk dan dirinya hebat, lalu berkata ; "Segala yang aku miliki itu adalah hasil ilmu dan kebijaksanaanku" - (Al Qasas; 78). Sesungguhnya mereka perlu memeriksa keikhlasan hati mereka dan mempastikan tujuan dan matlamat kewujudan mereka. Benarlah apa yang diucapkan oleh as Syahid Syed Qutub ketika beliau mengatakan: anggota jamaah silih berganti dijangkiti penyakit gopoh, satu demi satu mereka gugur seperti gugurnya daun kering dari pokok besar. Kadang kala musuh bergayut di dahan pokok itu dan menyangka ia akan mencabut pokok dari umbinya, sehingga tiba waktunya dahan itu patah ditangannya seperti kayu api kering yang tidak berair dan tidak ada kehidupan, namun pokok masih kekal abadi.
Kalaulah Allah yang menjadi matlamat sudah tentu tingkah laku menjadi lurus, amal menjadi sahih dan akan tercapai dengan hati yang diperiksa oleh Allah lalu diturunkan ketenangan kepadanya dan dikurniakan kemenangan yang hampir, supaya ia tunduk sujud dan meninta ampun di waktu kemenangan;

إِذَا جَآءَ نَصْرُ ٱللَّهِ وَٱلْفَتْحُ ۝١ وَرَأَيْتَ ٱلنَّاسَ يَدْخُلُونَ فِى دِينِ ٱللَّهِ أَفْوَاجًا ۝٢ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَٱسْتَغْفِرْهُ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابًۢا ۝٣

Apabila tercapai kemenangan maka Allahlah yang menjadi matlamat.
Akhir doa kita ialah setinggi pujian bagi Allah tuhan sekelian alam.